


**Jilid I
Bil. 82**



**Hari Rabu
10hb Disember, 1975**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 9]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1976:

Jawatankuasa (Hari Ketigabelas)—

Jadual—

Kepala B. 43, B. 44 dan B. 45 [Ruangan 9022]

Kepala B. 46 [Ruangan 9038]

Kepala B. 47 dan B. 48 [Ruangan 9065]

**Kepala B. 49, B. 50, B. 51, B. 52, B. 53, B. 54 dan B. 55 [Ruangan
9080]**

**Kepala B. 56, B. 57, B. 58, B. 59, B. 60, B. 61 dan B. 62 [Ruangan
9114]**

Kepala B. 63 [Ruangan 9133]

KANDUNGANNYA—(sambungan)

USUL:

Anggaran Pembangunan Sementara, 1976:

Jawatankuasa (Hari Ketigabelas)—

Kepala P. 46 [Ruangan 9038]

Kepala P. 47 dan P. 48 [Ruangan 9065]

Kepala P. 49, P. 52, P. 54 dan P. 55 [Ruangan 9080]

Kepala P. 56, P. 57, P. 58, P. 59, P. 60, P. 61 dan P. 62 [Ruangan 9114]

Kepala P. 63 [Ruangan 9133]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 9020]

Penangguhan [Ruangan 9150]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Rabu, 10hb Disember, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).

- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHAMED TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok-Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).

Yang Berhormat TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).

- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M. S.P.M.K., (Ulu Kelantan).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).

Yang Berhormat TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).

„ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).

„ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

„ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., S.I.M.P., P.I.S. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

„ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K., Datuk Seri Paduka Raja (Nilam Puri).

„ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

„ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).

„ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

„ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).

„ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).

„ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).

„ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).

„ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).

„ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

„ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).

„ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).

- Yang Berhormat DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk-Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TUAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Besut).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PERNAS-EDAR—BARANG MAKANAN UNTUK BUMIPUTRA

1. Tuan Mohd. Zahari bin Awang minta Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam menyatakan samada benar barang-barang edaran, bahan-bahan binaan dan kebanyakan barang-barang makanan yang diedarkan oleh PERNAS-EDAR adalah dibeli dari gedung-gedung bukan-bumiputra, dan jika ya, adakah pihak Menteri sedar yang ada kalanya pihak gedung-gedung besar bukan-bumiputra itu tidak akan menjual barang-barang kepada PERNAS-EDAR peniaga-peniaga Bumiputra.

Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, adalah benar PERNAS-EDAR mendapat sebahagian besar daripada bahan-bahan edarannya daripada gedung-gedung bukan Bumiputra. PERNAS-EDAR pada masa ini, mempunyai 107 pembekal yang membekalkan bahan-bahan seperti gula, tepung, beras, makanan dalam tin, minuman, minyak kelapa, kain baju, alat-alat kegunaan dapur dan lain-lain lagi. Pembekal-pembekal yang membekalkan bahan-bahan ini adalah terdiri dari pembekal Bukan Bumiputra dan juga Bumiputra. Di antara pembekal-pembekal ini terdapat 11% daripadanya terdiri dari pembekal-pembekal Bumiputra dengan jumlah pembelian sebanyak 10% daripada jumlah pembelian kesemuanya.

Berkenaan dengan soalan samada gedung-gedung besar bukan Bumiputra tidak akan menjual barang-barang kepada PERNAS-EDAR untuk kepentingan peniaga-peniaga Bumiputra, saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa ini belum ada lagi apa-apa kesan yang menunjukkan bahawa pembekal-pembekal bukan Bumiputra enggan membekal PERNAS-EDAR atas alasan bekalan-bekalan itu diuntukkan kepada peruncit-peruncit Bumiputra. Jika

timbul keadaan seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat Kementerian Penyelarasan Perbadanan Awam akan menyiasat perkara ini dengan teliti dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mengenai tugas-tugas PERNAS-EDAR ini adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa ada ketikanya PERNAS-EDAR ini memasuki tawaran-tawaran tender yang sama-sama berlawanan dengan peniaga-peniaga bumiputra. Kalau sedar apakah tindakan yang diambil?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar tentang perkara itu.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, bilakah pihak PERNAS-EDAR bercadang hendak mengadakan barang-barang bekalan itu sendiri?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham maksud Ahli Yang Berhormat kalau mengatakan Kementerian akan mengadakan barang-barang ini. Kementerian tidak pernah membekalkan barang-barang

Tuan Yang di-Pertua: Kalau saya tidak salah dengar, bilakah PERNAS-EDAR boleh mengadakan bahan-bahan sendiri.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, peranan PERNAS-EDAR ini kadangkala ianya sebagai ajen atau prime dealer atau wholesaler. Dari segi perdagangan yang dijalankan oleh PERNAS-EDAR ini, terutama untuk membekalkan peruncit-peruncit, maka sudah tentu barang-barang yang dibekalkan melalui PERNAS-EDAR ini adalah barang-barang yang dikeluarkan samada daripada dalam negeri ataupun daripada luar negeri. Inilah proses perniagaan yang dijalankan oleh PERNAS-EDAR sendiri. Dan kalau dikehendaki PERNAS-EDAR mengadakan atau mengeluarkan barang-barangnya sendiri, saya fikir ini di luar tugas PERNAS-EDAR sendiri.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Adakah dasarnya PERNAS-EDAR ini ditubuh atau

dibentuk di tempat-tempat yang tidak ada bumiputra mengedarkan barang-barang secara borong ataupun PERNAS-EDAR ini juga akan ditubuhkan ataupun akan diadakan di tempat-tempat yang sudah ada bumiputra menjual borong ataupun sebagainya.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedar akan masalah pertentangan kepentingan di antara PERNAS-EDAR dengan pembekal-pembekal bumiputra yang ada. Dalam menghadapi masalah ini sebagaimana yang saya sebut tadi bahawa PERNAS-EDAR ada juga mendapat bekalan daripada dealers bumiputra dan masalah ini masih tetap ada. Kementerian ini telahpun mengarahkan kepada PERNAS-EDAR agar kepentingan pembekal-pembekal bumiputra yang sedia ada ini dapat diberi perhatian di dalam perkembangan yang akan dilakukan oleh PERNAS-EDAR sendiri daripada satu masa ke satu masa ke seluruh negara dan sedapat-dapatnya kepentingan pemborong bumiputra yang ada ini jangan sampai diganggu.

PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN LAUT

2. Tuan Lukman bin Abdul Kadir (*di bawah S.O. 24(2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak mengadakan perkhidmatan pengangkutan Laut secara teratur antara pelabuhan Kuantan dengan Sabah dan Sarawak, manakala pelabuhan tersebut siap dibina kelak.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan pengangkutan laut yang teratur akan dirancang mengikut perkembangan perdagangan di antara Pelabuhan Kuantan dengan Sabah dan Sarawak, apabila Pelabuhan Kuantan itu siap dibina kelak.

RANCANGAN MALAYSIA KEDUA—PEKERJAAN

3. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bilangan pekerja yang dirancang di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan bilangan pekerjaan yang ujud setakat 31hb Disember, 1974.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, jumlah pekerjaan yang dirancang di bawah Rancangan Malaysia Kedua ialah 600,000 dan jumlah pekerjaan yang ujud hingga akhir 1973 ialah 348,000 iaitu 58% dari jumlah matlamat yang dirancang. Jumlah pekerjaan yang diujudkan pada tahun 1974 ialah 128,000 dan jumlah pekerjaan yang diujudkan bagi tahun 1975 ialah 35,000.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini apakah sebabnya matlamat itu hanya dicapai lebih kurang 50% sahaja?

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, jika dilihat angka-angka yang diberitahu tadi ialah angka-angka yang lebih kurang dekat dengan matlamat yang dicadangkan. Jadi, keadaannya adalah memuaskan.

PEKERJA-PEKERJA L.L.N. KERJA MENGIKUT MASA

4. Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan menyatakan samada beliau sedar bahawa semenjak pekerja-pekerja L.L.N. menjalankan kerja mengikut peraturan dan tuntutan gaji mereka tidak mendapat perhatian pekerjaan mereka semakin merosot, dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, semenjak dari kekacauan perusahaan berlaku tempoh hari dahulu sehingga hari ini setahu saya pekerja-pekerja L.L.N. telah bekerja dengan sempurna seperti sediakala. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, pekerja-pekerja L.L.N. telah mendapat semua tuntutan-tuntutan mereka kecuali 3 perkara yang telah dirojak kepada Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat dan keputusan beliau adalah muktamad.

Adalah menjadi dasar Lembaga untuk mengadakan perkhidmatan yang bermutu tinggi kepada pengguna-pengguna dan pada amnya dasar ini sentiasa dilaksanakan. Walau bagaimanapun, sayugia diingat bahawa L.L.N. mempunyai kakitangan yang

ramai di seluruh negara dan mungkin terdapat kekurangan sekali-sekala tetapi tindakan diambil dengan sertamerta sebaik sahaja perkara itu diketahui.

ANGGOTA PASUKAN KESELAMATAN YANG TERBUNUH

5. Tuan Abu Bakar bin Arshad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan anggota Pasukan Keselamatan yang meninggal dunia akibat serang hendap pengganas komunis dalam tahun 1974 dan 1975.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, jumlah anggota Pasukan Keselamatan yang terbunuh akibat serang hendap pengganas komunis dalam tahun 1974 dan 1975 sehingga akhir bulan September, adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>				<i>Bilangan terbunuh</i>
1974	...	...	...	2 orang
1975	...	...	...	27 orang
JUMLAH				29 orang

ASEAN—LATIHAN PERANG BRITISH/ SINGAPURA DI BRUNEI

6. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pendirian Malaysia terhadap sebuah negara tetangga ASEAN, yang dikatakan menjunjung tinggi konsep perkecualian ASEAN, yang telah didapati bekerjasama dengan British dengan menghantar angkatan tenteranya ke Brunei untuk mengambil bahagian dalam latihan perang bersama.

Menteri Luar Negeri (Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengetahuan saya, tidak ada mana-mana negara tetangga ASEAN pun yang mengadakan latihan perang bersama dengan pihak British di Brunei seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Tetapi apa yang saya menyedari bahawa Kerajaan Singapura ada mengadakan satu batteri penangkis kapal terbang untuk latihan secara bersendirian di Brunei. Kedua-dua pihak Kerajaan British dan Singapura telah pun memberi tahu kita akan perkara ini sebelum latihan tersebut dijalankan.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sendiri sedar, Malaysia tidak membuat keputusan mengenai perkara-perkara bersangkutan dengan Brunei atau samada tentera Singapura boleh berlatih di Brunei atau tidak. Perkara ini bergantung kepada pihak British, sebagai kuasa yang bertanggungjawab mentadbirkan hal ehwal Brunei. Dalam pada itu kita berterima kasih kepada pihak British dan juga pihak Kerajaan Singapura kerana memberi tahu kita mengenai latihan tersebut yang kita percaya hanyalah untuk membolehkan tentera Singapura berada di dalam keadaan bersiap sedia.

MATAWANG MALAYSIA-SINGAPURA—PERTUKARAN

7. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah bertanya kepada Menteri Kewangan:

- adakah Kerajaan sedar bahawa nilai pertukaran matawang Malaysia—Singapura, tidak sama;
- bolehkah Kerajaan menaikkan nilai matawang kita sama dengan nilai Singapura dan apakah yang menyebabkan nilai matawang kita turun dengan tidak disedari; dan
- berapakah kadar pertukaran bank antara matawang Singapura dengan matawang kita pada hari ini dan adakah Kerajaan sedar bahawa kadar pertukaran ini lebih dirasai oleh peniaga-peniaga di Sabah dan Sarawak.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya sedar bahawa kadar pertukaran Ringgit Malaysia tidaklah sama dengan Dollar Singapura pada masa ini, Ahli Yang Berhormat tidak sepatutnya bimbang mengenai perkara ini. Perlu diingatkan bahawa Dollar Singapura sendiri telah jatuh nilainya berbanding dengan Ringgit Malaysia pada satu masa dahulu.

Berhubung dengan soalan kecil (b), bukanlah menjadi hasrat kita untuk sengaja menilaikan semula Ringgit Malaysia untuk menyamakan kadarnya dengan Dollar Singapura kerana kita tidak akan mendapat apa-apa faedah untuk menetapkan perhubungan Ringgit Malaysia dengan Dollar Singapura ataupun dengan mana-mana

matawang negara lain. Negara kita bukannya berdagang dengan sebuah negara luar sahaja tetapi dengan banyak negara-negara lain lagi.

Memandangkan kepada sebab inilah maka Kerajaan telah memutuskan iaitu mulai daripada 27hb September, 1975 kadar pertukaran Ringgit patutlah diukur dengan matawang-matawang sekumpulan negara-negara yang mempunyai jumlah perdagangan yang besar dengan Malaysia. Dengan yang demikian, kita tidaklah seharusnya bimbang terhadap kejatuhan nilai Ringgit Malaysia berbanding dengan matawang sesebuah negara selagi kita boleh mengekalkan nilai matawang kita pada paras yang stabil dalam hubungannya dengan semua matawang-matawang sekumpulan negara-negara yang berdagang dengan kita.

Berhubung dengan soalan kecil (c) kadar pertukaran Ringgit Malaysia dan Dollar Singapura pada masa sekarang ialah 100 Dollar Singapura sama dengan 103.59 Ringgit Malaysia. Kalau Ahli Yang Berhormat memikirkan ketidak-samaan kadar pertukaran ini adalah bertentangan dengan kepentingan ahli-ahli perniagaan di Sabah dan Sarawak yang lebih suka mengimpot barang-barang dari Singapura, maka apa yang dapat saya sebutkan ialah demi untuk kepentingan ahli-ahli perniagaan tersebut dan juga untuk kepentingan negara ini, mereka patutlah membeli barang-barang dari Malaysia sendiri yang mana barang-barang tersebut dikeluarkan di Malaysia. Satu daripada kesan akibat dari ketidak-samaan kadar pertukaran di antara Ringgit Malaysia dan Dollar Singapura ialah barang-barang Singapura telah menjadi lebih mahal daripada barang-barang di Malaysia bagi satu-satu barang yang tertentu. Oleh yang demikian, tidaklah begitu baik bagi sebuah negara mempunyai matawang yang sangat kukuh nilainya kerana ini akan mengakibatkan barang-barang keluaran negara tersebut di pasaran dunia menjadi lebih mahal.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa mengenai dengan turunnya ataupun kurangnya nilai Ringgit Malaysia, rakyat Malaysia terutamanya di selatan Negeri Johor bukan sahaja mereka menerima tukaran yang rendah bahkan selalu mendapat penghinaan semasa mereka hendak

menggunakan wang antara kedua tempat. Oleh yang demikian, adakah Kerajaan bercadang hendak memberhentikan penggunaan wang Singapura atau wang negeri luar di negara kita ini dan kalau ada urusan terpaksa ditukarkan melalui money exchange.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya telah terangkan di dalam Dewan yang mulia ini dahulu matawang Singapura adalah matawang satu negara yang asing, luar dari Malaysia dan jikalau kita bandingkan matawang Malaysia dengan matawang Singapura sahaja tidaklah ada bermakna. Ini satu masaalah sempadan. Seperti mana yang saya terangkan dahulu masaalah ini timbul juga di sempadan Malaysia/Thai dan jikalau kita tidak bandingkan matawang kita, misalnya, dengan matawang Thai, maka tidak ada bermakna jikalau kita bandingkan selalu matawang kita dengan matawang Singapura.

TARAF PERINTIS—BIASISWA

8. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan, oleh sebab banyak sekali Syarikat-syarikat asing yang sedang mendapat keuntungan yang amat besar di bawah Taraf Perintis dengan mengambil peluang dari tenaga buruh kita yang murah, adakah beliau menimbangkan mengadakan Undang-undang memaksa syarikat-syarikat itu memberi sedikit peratus dari keuntungannya kepada perkhidmatan pelajaran kita ataupun memberi beberapa biasiswa kepada murid-murid yang miskin yang dipilih oleh Kementerian itu.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa banyak syarikat asing yang bertaraf perintis mendapat keuntungan yang amat besar saya rasa tidaklah begitu tepat, kerana biasanya satu-satu projek perindustrian itu apabila telah dimulakan mengambil masa sekurang-kurangnya 2-3 tahun, malahan ada hingga kepada 5 tahun bagi satu-satu kilang ataupun syarikat itu bergerak sebelum ia betul tegap di dalam perjalanannya. Maka inilah satu daripada sebab utama dalam mana taraf perintis diberi kepada syarikat-syarikat

yang berkenaan itu membolehkan satu-satu syarikat yang perlu diberi galakan oleh kerana kepentingannya kepada negara dari segi teknologi dan sebagainya boleh diringankan kerugiannya yang biasa dialami oleh mereka pada masa tempoh yang saya sebutkan tadi supaya boleh ia tegap bergerak dalam masa yang berkenaan itu. Kerajaan tidak bercadang mengadakan undang-undang bagi memaksa syarikat-syarikat memberi sedikit peratus daripada keuntungannya kepada perkhidmatan pelajaran kita ataupun memberi beberapa biasiswa kepada murid-murid yang miskin yang dipilih oleh Kementerian saya. Kerajaan adalah sentiasa menggesa supaya syarikat tersebut menunaikan tanggungjawab sosial mereka dengan membantu membiayai perkhidmatan pelajaran di seluruh negara dengan menawarkan biasiswa-biasiswa kepada pelajar-pelajar kita, dan juga dengan memberikan latihan-latihan praktikal di dalam kilang-kilang mereka.

Sukacita saya menyatakan bahawa setengah-setengah syarikat itu telahpun berbuat demikian.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan adakah dasar Kementerian Perdagangan dan Perindustrian iaitu setelah memberi taraf perintis kepada swasta-swasta dan setelah mengetahui mereka telah dapat berdiri di atas kaki sendiri dan banyak mendapat keuntungan, menggalak ataupun hendak mengeluarkan undang-undang supaya sebilangan besar daripada keuntungan mereka itu ditanam semula dalam negeri ini daripada semuanya keuntungan itu dibawa keluar negeri.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini memang kita galakkan. Kita memang menggalakkan syarikat-syarikat yang diberi taraf perintis selepas tempoh masa taraf perintisnya melaburkan modalnya di dalam negeri kita dengan tidak dibawa kesemuanya keluar negeri. Sukacita juga saya menyatakan bahawa banyak daripada syarikat-syarikat ini melaburkan modalnya dalam negeri ini.

LOMBONG-LOMBONG MENGURANGKAN HAD KERJA

9. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada syarikat-syarikat perlombongan terpaksa menjalankan kerja mereka untuk 5 hari seminggu sahaja oleh kerana Kerajaan menghad eksport bijih timah dan jika ya, nyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian beliau supaya menentukan bahawa pendapatan pekerja-pekerja di lombong-lombong tidak terjejas.

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ada lombong-lombong yang terpaksa mengurangkan kerja oleh kerana Kerajaan menghadkan eksport bijih timah. Pengeluaran hendaklah seharusnya diseimbangkan dengan "quota" yang diuntukkan kepada sesebuah syarikat yang berkenaan, dan yang demikian masa kerja bagi setengah-setengah pekerja-pekerja terpaksa dikaji semula. Walau bagaimanapun, saya tidak ada menerima laporan mengenai kehilangan pendapatan yang serius di kalangan pekerja-pekerja secara am. Kementerian saya akan terus meneliti kedudukan ini.

BANJIR DI JALAN KUCHAI LAMA

10. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau sedar yang jalan di hadapan kilang Aji-No-Moto di Jalan Kuchai Lama, Kuala Lumpur, sentiasa dilanda banjir setiap kali hujan lebat menyebabkan kesesakan lalulintas di sepanjang jalan, juga menghalang aliran lalulintas yang licin menuju ke Sungai Besi di mana terletaknya Markas Tentera dan dengan demikian menimbulkan bahaya keselamatan andainya Markas Tentera itu atau Bandaraya Kuala Lumpur diserang oleh musuh. Jika sedar, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah sedemikian.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah sedar tentang kejadian banjir di Jalan Kuchai Lama itu. Masalah banjir di kawasan tersebut adalah dikaji bersama-sama dengan satu rancangan mencegah banjir yang menyeluruh bagi Kuala Lumpur oleh Jabatan Parit dan Taliair Persekutuan.

Sebagai langkah segera Dewan Bandaraya adalah menempatkan kakitangan-kakitangan-nya di beberapa tempat penting untuk membersihkan sampah sarap yang tersekat di dalam longkang dan memastikan yang air longkang dapat mengalir dengan baik-nya, terutama sekali di waktu hujan lebat.

Dewan Bandaraya juga telah memohon peruntukan wang dalam Rancangan Malay-sia Ketiga untuk menjalankan kerja-kerja membaiki sistem pamaritan yang melibatkan beberapa sungai kecil dan parit di Kuala Lumpur, termasuklah Jalan Kuchai Lama.

LEBUH RAYA PAPAR/SINDUMIN, SABAH—PEMBINAAN

11. Tuan Latip bin Haji Dris (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan:

- (a) bilakah pembinaan Lebuhraya Papar/Sindumin akan dimulakan;
- (b) bilakah peruntukan untuk membina Lebuhraya Sabah/Sarawak akan dibuat dan bilakah pembinaannya akan dimulakan;
- (c) samada perkhidmatan Feri di antara Menumbok dan Labuan dapat diadakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga; dan
- (d) samada terdapat rancangan Kerajaan untuk membubuh tar pada jalan Beaufort/Kuala Penyu dan Beaufort/Padas Damit; jika ada, bilakah masanya.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Rekabentuk Kejuruteraan untuk Jalan-
raya pantai barat dari Papar ke Sindumin sedang dijalankan oleh Konsultan antarabangsa. Kajian ini dijangka dapat disiapkan pada akhir Januari, 1976. Ada kemungkinan perbelanjaan tukaran wang asing (foreign exchange component) bagi projek ini akan dibiayai dari pinjaman Bank Dunia. Projek ini telah dimasukkan ke dalam cadangan Rancangan Malaysia Ketiga dan jika diluluskan pembinaannya dijangka akan dimulakan pada akhir 1976.

(b) Setakat ini tidak ada rancangan untuk membina lebuhraya Sabah/Sarawak. Jika ada cadangan projek tersebut boleh dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Walau bagaimanapun, rangkaian jalanraya yang ada sekarang ini adalah menghubungkan Sabah dan Sarawak melalui Sindumin di Sabah dan Merapok di sempadan Sarawak. Jalan ini telah dibina dalam tahun 1973.

(c) sebenarnya perkara perkhidmatan feri di Sabah bukanlah di bawah portfolio Kementerian saya. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Laut Sabah giat merancang perkhidmatan feri (bagi membawa penumpang-penumpang dan kenderaan-kenderaan) dari Pulau Labuan dan Mempakul (bukan Menumbok). Adalah di jangka perkhidmatan ini akan dilancarkan dibahagian awal Rancangan Malaysia Ketiga.

(d) Jalan-jalan Beaufort—Kuala Penyu dan Beaufort-Padas Damit adalah jalan-jalan Kerajaan Negeri Sabah. Saya difahamkan oleh Kerajaan Negeri Sabah bahawa pada masa sekarang, kegiatan lalu lintas di kedua-dua jalan ini belum memerlukan jalan tersebut diasfalkan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 10.00 malam.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 10.00 malam.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana saya telah bayangkan pada hari Isnin lepas boleh jadi kita terpaksa kena tamatkan perbahasan dalam Jawatankuasa dan meluluskan Anggaran Perbelanjaan Tahun 1976 pada hari Khamis. Sekarang sudah tentulah kita tidak boleh bersidang pada hari Jumaat sebab sudah diisytiharkan bahawa Hari Raya Aidiladha akan diadakan pada hari Jumaat. Jadi, inilah sebabnya kenapa kita hendak panjangkan tempoh waktu kita mesyuarat malam ini hingga pukul 10.00 malam dengan harapan kita dapat menghabiskan sekurang-kurangnya 6 Kementerian pada hari ini sehingga pukul 10.00 malam ini. Jadi, tinggal 2 sahaja untuk besok dan kita harap besok kita dapat selesaikan 2 Kementerian yang baki lagi itu seberapa awal yang boleh supaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang datang dari jauh, Utara, Selatan, Pantai Timur boleh balik siang sedikit berhari raya dengan kaum keluarga masing-masing. Inilah sebab kenapa kita panjangkan tempoh mesyuarat kita pada malam ini. Saya harapkan Ahli-ahli Yang Berhormat semua memberi kerjasama, janganlah kerana hendak buat ucapan, buat juga ucapan, kalau ada hendak tegur, tegurlah dengan tepat-tepat dan dengan ringkas.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1976

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN SEMENTARA, 1976

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1976 dan Anggaran Pembangunan Sementara, 1976 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (9hb Disember, 1975).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan* Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Undang-undang menyambung ucapan yang beliau telah mulakan pada petang semalam.

Kepala B. 43, B. 44 dan B. 45 (Jadual)—

3.02 ptg.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Pengerusi, Perkhidmatan Bantuan Guaman mula ditubuhkan dalam bentuk Sekim Panduan, dalam bulan Julai, 1970 di bawah Akta Bantuan Guaman, 1971.

Tujuan utama perkhidmatan ini ialah untuk memberi bantuan dan nasihat guaman dengan percuma atau dengan suatu bayaran “nominal” kepada golongan miskin mengenai kebanyakan masalah undang-undang yang mereka hadapi. Sehingga ke pertengahan tahun 1975, Perkhidmatan Bantuan Guaman telah menubuhkan cawangan-cawangannya di dalam tiap-tiap negeri di Semenanjung Malaysia melainkan di negeri Perak dan Pulau Pinang. Perkhidmatan ini akan mencuba seberapa yang upaya untuk mengadakan cawangan-cawangan di kedua-dua negeri tersebut pada tahun hadapan apabila ramai lagi pegawai undang-undang diambil untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong di dalam Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman.

Semenjak munculnya Perkhidmatan Bantuan Guaman di negara kita dalam tahun 1970 hingga ke akhir September 1975, Biro Bantuan Guaman telah mengendalikan 6,636 kes terdiri daripada angka pecahan seperti berikut:

- (a) Bantuan Penuh (ialah yang melibatkan kerja mengambil, menyediakan dan menjalankan sesuatu kes di Mahkamah): 1,640 kes;
- (b) Bantuan Nasihat Guaman (iaitu terhad kepada nasihat undang-undang dan juga perundangan percuma mengenai masalah undang-undang kepada orang yang layak mendapatnya di bawah Akta Bantuan Guaman: 233 kes;
- (c) Pelbagai (iaitu memberi nasihat am secara lisan atau bertulis kepada pemohon-pemohon tanpa perwakilan

di Mahkamah, di atas masaalah-masaalah undang-undang yang dikemukakan kepada Biro Bantuan Guaman yang mana masaalah-masaalah tersebut adalah di luar bidangkuasa Biro Bantuan Guaman mengendalikannya): 4,763.

Tuan Pengerusi, pengalaman telah menunjukkan bahawa bilangan yang memerlukan bantuan dalam tiap-tiap negeri kian bertambah dan ramai dari pemohon-pemohon adalah merupakan golongan yang benar-benar memerlukan bantuan.

Daripada tiga jenis kes Sivil yang dikendalikan oleh Biro Bantuan Guaman pada awal penubuhan dari pertengahan tahun 1970 dahulu, pada masa ini perkhidmatan bantuan guaman telah menambahkan bidangkuasanya menjadi 13 iaitu 9 jenis kes sivil yang diberi bantuan penuh, 3 bantuan nasihat dan 1 di bawah pembicaraan jenayah iaitu untuk mewakili yang dituduh membuat rayuan untuk meringankan hukuman (kalau dia mengaku salah). Pada awal Mac 1975 saya telah memasukkan tuntutan gantirosak (sivil) akibat dari kemalangan jalanraya menjadi suatu perkara yang boleh diberi bantuan penuh oleh Perkhidmatan Bantuan Guaman. Dengan adanya bidangkuasa Perkhidmatan Bantuan Guaman mengendalikan kes-kes yang seumpama itu adalah diharapkan mangsa-mangsa kemalangan jalanraya teristimewa daripada golongan yang tinggal di kawasan terpencil yang tidak begitu faham tentang selok-belok undang-undang untuk menuntut hak-hak mereka dan yang lazimnya menjadi pula mangsa kedua pada orang-orang tengah yang tidak bertanggungjawab, dapat diberi perlindungan wajar oleh Perkhidmatan Bantuan Guaman.

Senarai jenis-jenis kes yang boleh diberi bantuan akan terus bertambah dengan perkara-perkara baru dari masa ke semasa hinggalah akhirnya nanti masaalah-masaalah yang menyentuh golongan miskin dapat diliputi sepenuhnya.

Walau bagaimanapun, perlulah diingati bahawa tambahan-tambahan ini tidaklah boleh dipercepatkan perancangannya sehingga perkhidmatan ini boleh didapati dengan seluas-luasnya di Malaysia, jika dipercepatkan dengan cara tergesa-gesa, saya bimbang mungkin sebilangan kecil sahaja

yang dapat menikmati segala keistimewanya manakala yang lain tidak mendapat apa-apa.

Masaalah menyalahgunakan dadah adalah bertambah serious dari satu tahun ke satu tahun. Sungguhpun pihak-pihak penguatkuasaan, iaitu Jabatan Polis, Kastam dan Biro Narkotik telah membuat banyak rampasan dadah dan ramai penyeludup-penyeludup dan pengedar-pengedar telah ditangkap, keadaan pada amnya masih membimbangkan Kerajaan. Demikian juga dari segi pencegahan dengan adanya berbagai-bagai jenis pamiran, seminar dan majlis-majlis penerangan dengan tujuan memberi pengetahuan atas merbahaya dadah dan mendatangkan kesedaran kepada orang ramai, adalah diketahui iaitu jumlah penagih-penagih dadah belum lagi berkurangan. Dengan sebab itu masaalah yang merupakan satu masaalah nasional ini hendaklah diberi perhatian istimewa oleh Kerajaan dan orang ramai supaya dapat kedua-dua pihak ini bekerjasama untuk mengatasi masaalah yang merbahaya ini demi kebaikan masyarakat yang akan membantu untuk mencapai kemajuan dan kemakmuran hidup dalam negeri ini.

Dari angka-angka tangkapan dan rampasan dadah yang dilakukan oleh pihak-pihak penguatkuasaan maka teranglah kepada kita semua betapa banyaknya dadah-dadah yang diseludup dan diedar dalam negeri ini. Saya suka memberi bayangan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat atas satu jenis dadah yang telah dirampas dan yang menunjukkan bertambah banyaknya dadah itu dari setahun ke setahun:

Dalam tahun 1972 ialah 6 lb.

Dalam tahun 1973 ialah 42 lb

Dalam tahun 1974 ialah 58 lb

Dalam setengah tahun 1975 ialah 112 lb

Dari angka-angka yang tersebut di atas maka adalah nyata masaalah itu belum lagi berkurangan, malahan semakin bertambah. Saya berpuas hati atas kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh pihak-pihak penguatkuasaan iaitu Polis, Kastam dan Biro Narkotik yang selalu bekerjasama untuk mencapai kejayaan-kejayaan yang tinggi.

Yang sangat membimbangkan Kerajaan dalam perkara ini ialah golongan orang-orang yang menghisap heroin, ganja dan

menyalahgunakan dadah-dadah yang lain seperti MX pill dan LSD adalah terdiri daripada orang-orang yang berumur antara 15 hingga 30 tahun. Kebanyakan dari mereka itu ialah dari golongan buruh dan yang tiada mempunyai pekerjaan. Adalah nyata iaitu mereka yang terlibat dan menjadi mangsa kepada dadah merbahaya ini adalah orang-orang yang masih muda remaja yang sepatutnya mereka itu berusaha dan bekerja dengan tekun dan yakin supaya dapat membaiki taraf kehidupannya dan menyumbangkan tenaga mereka kepada negara dalam semua lapangan kemajuan. Sebaliknya pula dengan menghisap dadah mereka itu telah mendatangkan satu bebanan yang berat kepada masyarakat dan Kerajaan kerana disebabkan pengaruh dadah mereka adalah menjadi satu perkara yang membimbangkan ketenteraman dan keselamatan negara kita kelak. Dari pihak Kerajaan mereka itu pasti dirawat dan ini akan memakan belanja yang besar dari hasil-hasil dalam negeri ini. Keterangan-keterangan telah juga diperolehi yang mana menunjukkan penyeludup-penyeludup dadah ini adalah juga berkaitan dengan pergerakan subversif dan anti-nasional yang sentiasa berazam untuk mendatangkan huru-hara dan memecah-belahkan ketenteraman dan keharmonian hidup antara beberapa kaum dalam negeri ini.

Dalam usaha yang dijalankan oleh Kerajaan untuk membasmi masalah menyalahgunakan dadah ini banyak majlis-majlis penerangan telah diadakan di beberapa peringkat iaitu peringkat negeri, daerah, mukim dan kampung dengan tujuan memberi penjelasan kepada orang ramai, terutama kepada ibu-bapa dan ketua-ketua masyarakat supaya mereka itu berusaha mendidik dan memperhatikan anak-anak mereka. Penerangan-penerangan juga diberi kepada guru-guru sekolah supaya murid-murid sekolah terpelihara dari merbahaya yang besar ini. Beberapa Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif yang terpuji dengan mengadakan kempen-kempen anti-dadah, pameran-pameran dadah, majlis-majlis dialog dengan kerjasama dari Pusat Biro Narkotik. Jumlah majlis-majlis penerangan, kempen-kempen dan seminar-seminar seumpama ini telah bertambah dari satu masa ke satu masa. Kementerian Penerangan tidak juga

ketinggalan memberi bantuan dengan menyebarkan maklumat-maklumat dan penerangan-penerangan ini kepada orang ramai.

Dengan kesedaran inilah, Tuan Pengerusi, Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri telah mengarahkan Kementerian saya segera menubuhkan persatuan kebangsaan antidadah berbahaya dan insya Allah, tidak lama lagi persatuan ini akan kita daftarkan dan ditubuhkan di peringkat nasional dan kita akan tubuhkan di peringkat negeri kalau boleh sampai ke daerah dan juga di kampung-kampung, supaya melibatkan semua rakyat jelata dalam peperangan yang merbahaya ini.

Saya yakin dan percaya dengan adanya hasrat dan kemahuan orang ramai, terutama ibu-bapa dan ketua masyarakat memberi kerjasama dengan Kerajaan masalah menyalahgunakan dadah ini dapat dikawal daripada merebak dan orang-orang yang menjadi penagih dadah itu dapat dirawat dan diselamatkan supaya mereka itu kembali hidup sebagai ahli-ahli masyarakat yang berguna kepada bangsa dan negara kita kelak.

Sekarang saya merujuk kepada Kepala Bekalan B. 44 mengenai Jabatan Pemegang Amanah Raya, Pegawai Pentadbir Pesaka dan Penyimpan Harta Musuh. Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Jabatan ini telahpun menjalankan tugas-tugasnya di seluruh Malaysia sejak tahun 1966 dengan mengadakan Cawangan-cawangan di tiap-tiap buah Negeri dalam Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

Sejajar dengan langkah-langkah jimat-cermat Kerajaan, tiada jawatan baru diwujudkan bagi tahun 1976. Didapati pada keseluruhannya perbelanjaan mengenai gaji (Personal Emoluments) bagi tahun 1976 akan dinaikkan sebanyak \$51,840 berbanding dengan perbelanjaan gaji bagi tahun 1975. Jumlah ini ialah untuk membayar kenaikan gaji tahunan yang biasa sahaja.

Berkenaan dengan Pemilikan Harta Modal (Acquisition of Capital Assets), adalah terdapat kenaikan perbelanjaan sebanyak \$5,560 daripada Anggaran bagi tahun 1975. Wang ini adalah dikehendaki untuk membeli perabot dan alat-alat kelengkapan bagi Jabatan itu.

Kepala B. 45 Jabatan Pemegang Harta, Malaysia

Sekarang saya merujuk kepada Kepala B. 45 Jabatan Pemegang Harta, Malaysia dahulunya dikenali sebagai Jabatan Kebank-rapan.

Tidak ada tambahan berkenaan dengan jawatan yang sekarang ini iaitu seramai 115 orang, kerana 14 jawatan baru yang diluluskan bagi Tahun 1976 telah "dibekukan" kerana Kerajaan melancarkan kempen jimat-cermat.

Jumlah peruntukan bagi tahun 1976 ialah sebanyak \$936,200 berbanding dengan \$920,500 bagi tahun 1975 bertambah sebanyak \$15,700. Ini adalah pada keseluruhannya disebabkan mengadakan Persidangan Pegawai-pegawai Kanan Jabatan ini yang akan diadakan dalam Tahun 1976, peruntukan mengadakan Kursus Latihan pegawai-pegawai, tambahan perjalanan bagi Pegawai-pegawai Kanan yang kena dibuat dan pembelian perkakas-perkakas untuk Jabatan ini.

Tuan Pengerusi, saya mohon supaya Kepala B. 43, B. 44 dan B. 45 diluluskan menjadi sebahagian daripada Jadual.

3.15 ptg.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Pengerusi, saya mengambil peluang mengucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara berkaitan dengan peruntukkan yang telah dimasukkan dalam Perbelanjaan untuk tahun 1976 yang boleh mengadakan Perkhidmatan Bantuan Guaman untuk Pulau Pinang dan Seberang Prai, yang setakat ini ketinggalan sampai menjadi negeri yang terakhir sekali diberi layanan. Saya sedar barangkali ini satu compliment kepada Negeri Pulau Pinang yang sangat berkemajuan dibandingkan dengan lain-lain negeri.

Sungguhpun begitu tahun sudah saya telah membuat rayuan dan nampaknya tahun ini sudah diadakan, sebab itulah saya mengambil peluang di sini menunjukkan Kerajaan kita dengar juga rayuan-rayuan dan memberi apa-apa yang diminta oleh rakyat jelata, sebab saya minta pada tahun sudah itu oleh sebab pertubuhan UMNO di Pulau Pinang sudah bertahun-tahun, berulang-ulang membuat rayuan me-

mintanya. Saya rasa dengan makbulnya permintaan ini akan senanglah hati semua penduduk Pulau Pinang dan Seberang Prai yang golongan miskin dan berpendapatan rendah yang selalu berkehendakkan bantuan semacam itu. Sungguhpun begitu, saya harap oleh sebab ada arahan Kerajaan terhadap pada waktu ini menyekat ataupun menahan pengambilan kakitangan baharu, melainkan yang diberi kelulusan istimewa, maka saya mengambil peluang di sini meminta pihak Kementerian Undang-undang dan Peguam Negara ini supaya diberi kelulusan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan supaya mengisikan jawatan-jawatan yang akan diadakan itu supaya luluskan keistimewaan itu. Sungguhpun wang diperuntukkan kalau kakitangan tidak dapat untuk mengisikan jawatan ini akan hampa pula harapan rakyat jelata. Itulah saya minta sangat-sangat diambil perhatian supaya dapat kelulusan istimewa diisikan jawatan-jawatan yang akan diadakan dengan peruntukkan wang ini.

Lagi satu perkara saya suka memberi sokongan yang sekuat-kuatnya ialah usaha yang dijalankan oleh Yang Berhormat Menteri dan juga Kementerian di lapangan dadah, sebab soal dadah ini sudah menjadi perkara yang sangat membimbangkan. Banyak pemuda-pemuda kita khasnya daripada golongan bumiputra yang tertarik, entah adakah sesuatu dasar yang dirancang di mana-mana untuk meracun kita, untuk menjatuhkan kedudukan dan segala budi-pekerti yang memang ada kepada orang kita. Ini satu bahaya kita mesti menentang dengan sekeras-kerasnya dan saya haraplah bahawa undang-undang yang sudahpun diluluskan untuk menjatuhkan hukuman yang seberat-beratnya hingga hukuman mati itu dijalankan kuatkuasa itu hingga kita dapat menghapuskan orang yang perdagangan dadah, orang yang membekalkan dadah dan orang yang mengedar dadah. Sambil itu, saya juga mengucapkan terima kasih tentang segala usaha yang dijalankan untuk mengubat dan untuk memulehkan orang yang sudah tertarik. Saya juga mengucapkan terima kasih di atas segala usaha yang dijalankan dengan cara penerangan dan lain-lain untuk menjauhkan pemuda-pemudi kita daripada tertarik dan terperangkap dalam amalan yang buruk berkenaan dengan dadah ini.

3.20 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membahaskan sedikit Anggaran Belanjawan yang dikemukakan oleh Menteri Undang-undang dan di samping itu saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris juga.

Tuan Pengerusi, saya berasa gembira dan saya hendak mengucapkan tahniah kepada Menteri Undang-undang yang mengatakan dadah sekarang telah menjadi perkara yang istimewa di dalam tanahair kita. Tetapi saya masih ingat pada dua tiga tahun dahulu apabila saya membangkitkan perkara ini dan bertanya kepada Menteri yang berkenaan samada beliau sedar perkara ini akan menjadi merbahaya, beliau menjawab: "Oh! perkara ini dikawal".

(*Dengan izin*) Tetapi pada pendapat saya sekarang boleh dikatakan the danger from drugs to me is far greater than the danger from militant communism. At least where militant communism is concerned, there are few of them and you can control them with a good Special Branch, a good Army and Security Forces, but drug addiction has become so widespread, Mr Chairman, Sir. Those who do not come in contact with the victims of drugs perhaps do not know about this. In my own practice, I come in contact with drug victims everyday and where before there were only males, now females come forward and this shows the extent to which the danger is spreading and will spread. I call on the Government, Mr Chairman, Sir, to "declare war" on drugs, and I want to tell the Minister that prevention also is better than cure. Far better for the Government to catch the big-timers, and I have yet to see the big-timers being caught. Far better for the Government to infiltrate into these big-timer's syndicates and their standard practice, whether it is with any secret cells like that of the communists, you infiltrate them and you can, by the slow process of infiltration, catch the big-timers.

Then the Government should go in for the pushers; they are more plentiful and they are more easy to catch. Then last of all, you try and catch hold of those who smoke. But they are more sinned against than sinners and as such I will want the Minister to concentrate on all aspects of the "war". He

has mentioned that he is going to form an anti-drug association at the national level, State level, district level and the like. I hope this is not just some jobs for the boys, jobs to make people feel happy and proud that "I am a member of the Committee of this, that and the other". I say that if it is to be effective then you should get people who are really interested and who can spare the time. The big names cannot spare the time and they may add glory to it, but it is no use. I confess that if I am asked to sit on this, I will decline because I just do not have the time, and there is no point in calling for the big names, but better still call for those chaps whose sons are affected; and they will try and do their best to eradicate the drug habit of their sons. Then these are the people that the Minister should enlist and try and form an effective organisation. I am also glad that the Minister has mentioned that he will enlist the help of the Information Department. Those of us on this side of the House know that the Information Department is very active when there is a by-election or when there is an election on, when they keep on showing films in the Opposition strongholds, but that is not the main purpose of the Information Department. The Information Department should be enlisted and should go and project pictures of the poor state of health, the dangers of drug addiction and get a multi-lingual team to go and try and warn the people of the dangers of drugs.

Then, as we all know, Satan finds something for idle hands to do. The youths of the country will gravitate towards chaps whom they see smoking a cigarette. They will have a puff of cigarette and from there they will have a puff of ganja and then go on to heroin. The Minister and the Government—I would say this is a multi-faceted issue—should find ways and means to get our youths of the country to spend their spare time—build more playing fields, have more badminton courts and the like; let them play badminton and play football which is far better than for them to "hisap" heroin and ruin the health of the country. I would say, Mr Chairman, Sir, that the spate of crime, I was talking to a Crime Officer and I told him plainly, "Look here, you say you just killed the '08 gang", but there are five more sprouting out." And why are five more

gangs sprouting out because these are the chaps who have gravitated slowly from being drug victims where before the Secret Society Branch of the Police could honestly say that they have knocked off one gang and it would take some time for it to grow again, now, once you knock off one, five will sprout out and this is all because of the drug menace. So, I would like once again, Mr Chairman, Sir, to call on the Government to declare war on drugs.

Now, Mr Chairman, Sir, there is one other thing that I would like to touch on, I am very glad that the Minister has touched a little on the compensation for victims of motor accidents. I believe the Government has a Committee headed by the Deputy Minister of Law studying this question of compensation based on the New Zealand model. I hope that this Committee will very quickly study this very serious problem and make recommendations to the Government, so that the Government can bring forth legislation whereby, I believe, the victim of an accident, whether he is in the right or he is in the wrong, is compensated and therefore you don't have these lawyers chasing ambulances, for example. We do know that the present process of recovering the money from those who have killed our loved ones is a very costly, long and tedious affair but with the introduction of, I believe, the New Zealand model, where one is compensated whether one is in the right or one is in the wrong, will go a long way towards easing the suffering of those who are the victims of motor vehicle accidents.

Finally, Mr Chairman, Sir, I notice that there is an item on page 317, Head B. 44, sub-head 1100, item (4) Penyimpanan Harta Musuh (Custodian of Enemy Property). Now, I would have thought that this should have been closed down long ago. It is 30 years since World War II has ended, and whatever enemy property there has been, the assets would have been liquidated already. Yet I see there is nearly \$5,000 for two officials holding this sub-department, I presume, it is. I would call on the Minister that this Department should be closed and whatever assets there may be that are not disposed of, should go into public revenue because World War II ended 30 years ago.

3.30 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap mengenai satu perkara di bawah Kepala B. 44, Pecahan-kepala 1100, Gaji dan Upahan, Aktiviti (2) Amanah (Trust), dan saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia.

Saya hendak membangkitkan mengenai hal penolakan permohonan pendaftaran satu Trust yang dinamakan Liga Reformasi oleh Yang Berhormat Menteri pada 18hb Jun tahun ini. Tujuan Liga Reformasi yang diberi kepada Yang Berhormat Menteri ialah "the advancement of knowledge concerning human rights, social justice and other requirements for progress in Malaysia and the developing world based upon a rational scientific study of the social sciences and humanities and for educational purposes incidental thereof". The proposed trustees come from different communities and include, among others, a former Senator, Professor Dr Syed Hussein Al-atas. The Honourable Minister rejected the application for the registration of the Liga Reformasi, although on the 28th February this year, an officer from the Attorney General's Department had written to the proposed sponsors of the Liga Reformasi that the draft of their Trust Deed had been appraised and found to be in order. The proposed trustees were asked to make all the necessary arrangements for the registration of their Trust as getting the Trust Seal ready, extra copies of the Trust Deed signed by all the trustees together with two \$10 stamps. What is highly objectionable is that the Honourable Minister has rejected the application for the establishment of a Trust to advance knowledge concerning human rights, social justice and other requirements for progress in Malaysia in toto, without giving any reasons whatsoever and the question that arises is whether the Honourable the Minister or the Government of Malaysia regards the advancement of knowledge concerning human rights and social justice as incompatible with the Malaysian Constitution, the Rukunegara or the teachings of Islam. I, therefore, hope that the Honourable the Minister can give an explanation for the rejection of the registration of the Trust Liga Reformasi, especially since it has been stated clearly in the Trust Deed of the Liga Reformasi that all its

activities will in no way violate the Federal Constitution and the Sedition Act; and, better still, whether the whole matter can be reconsidered so that the proposed Trust can be registered and that all these activities can be pursued, which are clearly in conformity with the principles as laid down in the Rukun Negara and the Malaysian Constitution.

Tuan Pengerusi: Adakah lagi Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap? Akhir sekali Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat akan bercakap dan selepas itu Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

3.34 ptg.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar (Batu Pahat): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong perbelanjaan bagi Kementerian Undang-undang dan Peguam Negara yang telahpun dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sebentar tadi. Sebagaimana rakan-rakan saya tadi, saya juga suka hendak menambah lagi mengenai dengan soal dadah. Seperti mana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa penagih-penagih dadah ini terpaksa dirawat dan diberi pertolongan untuk memulihkan semula keadaan mereka dan ini tentulah terpaksa memakan belanja yang besar iaitu kita terpaksa membelanjakan wang Kerajaan (wang rakyat) kepada mereka yang menjadi penagih dan menyalahgunakan dadah.

Saya mencadangkan elok kalau boleh kita cari satu tempat samada sebuah pulau ataupun sebagainya untuk menempatkan penagih-penagih dadah ini dan di samping berusaha hendak memulihkan dari segi perubatan, kita juga boleh menguruskan perkara-perkara yang lain, misalnya, mereka ini boleh menjalankan usaha-usaha untuk bercucuk tanam atau berternak untuk membantu perbelanjaan bagi pemulihan mereka yang saya katakan tadi. Begitu juga kita boleh memberi nasihat dari segi kerohanian dengan mengadakan guru-guru agama menurut agama masing-masing. Dengan cara ini pemulihan serentak samada dari segi perubatan, dari segi kerohanian dan dari segi-segi yang lain dapat dijalankan kepada mereka ini. Begitu juga saya percaya kalau penyakit-penyakit yang lain kita boleh mencegah dengan cara penyuntikan dan sebagainya tetapi pada mereka yang menjadi penagih dadah ini menjadi satu perkara yang menyulitkan. Walau bagaimanapun, kalau boleh kita cari

satu jalan terutamanya kepada belia-belia, murid-murid sekolah menengah dan institusi pelajaran tinggi, dengan cara perubatan juga kita dapat mengetahui mereka yang menjadi menagih dadah ini, kerana kalau kita hendak menunggu mereka dapat ditangkap atau mereka sendiri datang mengadu tentulah keadaan mereka sudah terlampau teruk. Jadi sekiranya kita dapat kesan dari awal lagi saya rasa lebih mudah lagi kita memulihkan mereka.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Selain daripada itu saya suka hendak bercakap sedikit mengenai perkara yang selalu dipersoalkan iaitu masalaah hukuman dari segi undang-undang syariah terutamanya dalam hukuman kerana melakukan khalwat, zina dan sebagainya berlainan di antara satu negeri dengan satu negeri. Saya memang sedar bahawa perkara ini di bawah kuasa Sultan ataupun Duli Yang Maha Mulia Raja-raja dan Kerajaan Negeri, tetapi walau bagaimanapun saya percaya kita boleh cari satu jalan untuk hendak menyelaraskan kerana dalam negara seperti Semenanjung Malaysia yang kecil ini kita dapati keadaan ini berbeza-beza di antara satu negeri dengan satu negeri. Perkara ini telah saya timbulkan dalam Soal-Jawab pada masa yang lalu iaitu masalaah hukuman yang dikenakan hanya kepada pihak orang Islam sahaja yang melakukan samada khalwat ataupun bersekedudukan, bermukah dan sebagainya dengan orang yang bukan Islam. Jadi kita tidak boleh hendak mengenakan hukuman kita kepada mereka yang bukan Islam, tetapi saya percaya kita boleh cuba mengadakan satu undang-undang yang dikenakan kepada orang-orang Islam yang melakukan samada khalwat, zina, berkelakuan sumbang, bersekedudukan dengan kita mengenakan hukuman itu kepada orang Islam dan pasangannya. Kita tidak kira siapa pasangannya, kalau pasangannya Islam memang selayaknya mereka dikenakan dan kalau orang yang bukan Islam oleh kerana mereka melakukan perbuatan sumbang itu dengan orang Islam maka sepatutnyalah hukuman itu dikenakan juga kepada mereka. Kita tidak boleh mengenakan kalau mereka sama mereka bukan Islam. Ini saya percaya sebagaimana menjadi amalan orang-orang yang bukan Islam samada lelaki ataupun perempuan selama ini kalau mereka hendak

bernikah atau berkahwin dengan orang Islam mereka terpaksa mengikut hukum Islam.

Saya jarang mendengar orang Islam berkahwin dengan orang bukan Islam dengan menggunakan hukum ugama lain. Kalaupun mereka yang saya maksudkan ini yang bukan Islam hendak bernikah dengan orang Islam samada lelaki atau perempuan mereka sanggup mengikut hukum Islam dan mereka sanggup meninggalkan ugama mereka dan kadang-kadang menukarkan nama oleh kerana mereka tahu perkaitannya dengan orang Islam. Demikian juga kalau mereka sanggup hendak melakukan perkara-perkara yang sumbang tidak kira samada khalwat, bersekedudukan dan sebagainya dengan orang Islam maka mereka mesti juga patuh kepada hukum Islam. Kalau tidak janganlah mereka menjalankan perkara itu dengan orang-orang Islam. Saya percaya dengan cara ini kita dapat mengurangkan perbuatan-perbuatan seperti ini dan kita dapat berlaku adil seperti mana yang kita maklum mereka melakukan kerja yang sama, tetapi sebelah pihak sahaja yang mendapat hukuman. Ini boleh menggalakkan perkara ini kepada orang lain. Saya percaya walaupun perkara ini tentulah sulit terutamanya kita hendak mendapatkan kelulusan daripada negeri-negeri khasnya Duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu, tetapi seperti yang saya katakan tadi ialah untuk kebaikan kita.

Saya mencadangkan supaya perkara ini dapat diambil perhatian dan tidaklah lagi timbul perkara-perkara ataupun soal-soal yang tidak adil dalam menjalankan hukuman seperti ini. Dengan cara ini tidaklah pihak-pihak yang bukan Islam cuba hendak mengelakkan diri daripada menerima hukuman sedangkan mereka melakukan kejahatan yang sama dengan orang-orang Islam.

3.40 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Pengerusi, pertama sekali saya menjawab kepada Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat. Saya tidak nampak di bawah Kepala mana Yang Berhormat itu bercakap berkenaan dengan Undang-undang Islam yang kuasanya dalam pentadbiran, menjatuhkan hukuman dan lain-lain ada pada Kerajaan-kerajaan Negeri. Perkara itu sudah banyak kali saya menerangkan di sini nampaknya

masih belum faham lagi sampai sekarang, saya hairan, Tuan Pengerusi. Pihak Persekutuan memang tidak ada kuasa walaupun sedikit dalam perkara ini, melainkan Jabatan Perdana Menteri ada sebuah Jawatankuasa Penyelarasan Kebangsaan itupun terpulanglah juga kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan Majlis Raja-raja. Apabila timbul di sini perkara ini saya fikir tidak payah dijawab kerana bukan kuasa saya dan bukan jagaan di bawah Kementerian saya dan sudah banyak kali saya terangkan bagi pihak Perdana Menteri apabila soal itu telah dikemukakan.

Teguran Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat berkenaan dengan murid-murid sekolah terlibat dengan dadah sememangnya kursus-kursus sudah diberi kepada guru-guru supaya mengetahui yang mana murid-murid yang kita nampak telah menjadi penagih atau mula menjadi penagih dan guru-guru ini kenal kepada murid-murid yang menjadi penagih dadah ini dan apakala tahu memang segera diberi rawatan pada mereka itu dan kursus pun telah diberi. Saya telah menyatakan dalam Soal-Jawab di Dewan ini iaitu sehingga dijadikan masalah dadah ini satu daripada mata pelajaran dan penerangan kepada murid-murid sekolah.

Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, perkara ini saya hendak menerangkan, betul bagi permulaannya permohonan itu telah dihantar kepada pegawai yang bertugas di Kementerian saya dan menjalankan perkara itu sehingga sudah dekat hendak diregister dan lain-lain, maka barulah dikemukakan kepada saya. Sepatutnya pada mulanya sudah dikemukakan. Dengan sebab itulah apabila dikemukakan kepada saya, saya menolak. Liga Reformasi yang minta didaftarkan ini saya dapati tujuan-tujuannya tidak menepati bagaimana kehendak undang-undang dan saya telah menolak atas rayuan itu. Mereka itu semua tahu akan sebab-sebabnya dan saya tidak dapat memberi sebab yang lebih daripada itu di-Majlis ini.

Berkenaan dengan teguran daripada Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas, saya mengucapkan terima kasih dan berjanji memang boleh saya mendapat kebenaran daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan untuk mengisi jawatan-jawatan itu bagi

Biro Bantuan Guaman apabila hendak ditubuhkan di Pulau Pinang, kecuali kita dapat pegawai-pegawai yang tertentu.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga, saya mengucapkan terima kasih atas teguran-tegurannya dan saya akan memberitahu kelak kepada Timbalan Menteri saya yang sekarang ini menyediakan berkenaan dengan Persatuan Kebangsaan Anti-dadah itu dan cuba mendapatkan persetujuannya supaya dimasukkan Ahli Yang Berhormat dari Kepong sebagai seorang daripada Ahli Jawatankuasa. Nampaknya Ahli Yang Berhormat itu cergas sangat hendak menolong dalam perkara ini.

Berkenaan dengan apa yang dikatakan "to declare war", sememangnya banyak kali kita sudah menyebutkan di sini. Kalau declare war pun, hendak berperang macam mana. Kita sudah buat peperangan melalui bermacam-macam dan juga berkenaan dengan Jabatan Penerangan kita sekarang sedang merancang mengadakan filem, kalau boleh, supaya kita tunjukkan dalam penerangan-penerangan pada sesuatu daerah mengatakan filem ini berguna dan berkesan yang kita dapat bawa dari luar negeri, pinjam daripada Amerika Syarikat dan lain-lain tempat yang boleh kita tunjukkan di sini dan juga, kalau boleh, kita akan buat filem supaya menakutkan mereka itu daripada menyalahgunakan dadah.

Tentang hukuman kepada "Trafficker", Ahli Yang Berhormat itu mengatakan hendaklah diberatkan lagi. Saya telah menyatakan di sini iaitu sehingga ini saya telah memberi kebenaran menuduh 15 orang yang membawa hukuman penjara seumur hidup dan rotan atau hukuman mati berkenaan dengan trafficker atau pengedar dadah yang mengedar heroin ataupun ganja dengan banyaknya dan pada masa ini ada satu dua case yang sedang dibicarakan dan kita tunggulah hasilnya kelak.

Berkenaan dengan syndicate, bukan senang kita hendak memasuki ke dalam pergerakan ahli-ahli syndicate itu. Walau bagaimanapun, saya telah menyatakan di sini pada tahun lepas, lebih kurang kalau tidak salah saya, kita telah tangkap 30 orang ahli-ahli syndicate itu, sungguhpun tidak cukup keterangan kita tahu mereka ini sememang ada dalam ahli syndicate dan

kita telah hantar mereka itu ke Pulau Jerejak. Kita memang ada yunit yang khas (intelligence) dalam perkara ini. Dengan sebab itulah, Tuan Pengerusi, kita dapat menangkap kes-kes yang besar-besar apakala mereka masuk ke Malaysia. Kalau tidak mengadakan intelligence selama berbulan-bulan kadang-kadang bertahun-tahun dan mengeluarkan wang reward dan lain-lain, kita tidak akan dapat, misalnya, merampas dadah yang begitu banyak khususnya heroin dan juga menangkap international trafficker yang kita tahu.

Berkenaan dengan bayaran kemalangan ganti-rugi kepada mereka yang menjadi mangsa pelanggaran kereta-kereta, sememangnya kita telah adakan jawatankuasa yang meneliti cara-cara yang telah dijalankan di New Zealand. Suka saya memberitahu di sini iaitu saya percaya ada bangkangan kelak dari peguam-peguam kerana pada setengah-setengah peguam setengah pendapatan mereka itu ialah daripada ongkos-ongkos kes-kes kemalangan, tetapi saya fikir demi kepentingan rakyat jelata adalah lebih besar kepentingan rakyat jelata yang boleh mengatasi kepentingan mereka itu. Kita harap pada suatu hari kelak kita akan luluskan satu cara yang telah kita kajikan sekarang ini di bawah kelolaan Timbalan Menteri Undang-undang.

Berkenaan dengan teguran terhadap Custodian of Enemy Property yang ditentukan \$5,000 adalah sebab-sebab mengapa tidak dapat di wind up dan tutup Jabatan ini dan saya mengambil perhatian dan cuba tutup seberapa segera apakala diselesaikan bayaran wang baki sebanyak \$5,000 itu. Itulah sahaja, Tuan Pengerusi.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$4,479,200 untuk Kepala B. 43; \$1,276,900 untuk Kepala B. 44 dan \$936,200 untuk Kepala B. 45 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 46 (Jadual)—

Kepala P. 46 (Anggaran Pembangunan Sementara, 1976)—

3.48 ptg.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya peruntukan

sebanyak \$17,686,557 yang dikehendaki di bawah Kepala B. 46—Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dijadikan sebahagian dari Jadual anggaran perbelanjaan tahun 1976. Peruntukan ini adalah merupakan \$17,049,000 untuk perbelanjaan mengurus dan \$637,557 perbelanjaan pembangunan.

Bagi perbelanjaan mengurus peruntukan \$17,049,000 tersebut adalah merupakan tambahan sejumlah \$1,467,400 jika dibandingkan dengan peruntukan di dalam tahun 1975. Tambahan sejumlah \$1,467,400 ini bolehlah dianggap kecil. Walaupun Kementerian ini menyedari akan keadaan ekonomi negara pada masa ini tetapi tambahan tersebut adalah tidak dapat dielakkan dan ianya adalah merupakan tambahan yang minima bagi Kementerian ini. Untuk makluman Dewan daripada jumlah tersebut \$1,089,590 adalah diperlukan bagi tambahan gaji kakitangan, di sini perlulah diterangkan berikutan dari pembekuan pengujudan jawatan-jawatan baru yang dilakukan oleh Kerajaan baru-baru ini jumlah kakitangan yang terlibat adalah tidak bertambah dan tambahan sebanyak \$1,089,590 itu adalah bagi menampung kenaikan gaji tahunan dan lain-lain tambahan yang tidak dapat dielakkan. Tambahan yang diperlukan oleh Kementerian bagi pecahan-kepala selain dari gaji adalah berjumlah \$337,810 di mana \$198,660 adalah bagi perbelanjaan-perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan \$149,650 bagi pembelian harta modal dan \$31,500 bagi pembayaran dan kenaikan bayaran tetap.

Peruntukan-peruntukan yang diperlukan oleh Kementerian saya adalah bagi mencapai matlamat Kementerian seperti berikut:

- (i) Menyusun semula dan menggalakkan tenaga kerja yang seimbang mengikut kaum selaras dengan Dasar Ekonomi Baru;
- (ii) Memelihara dan memajukan lagi Kebajikan dan kesejahteraan pekerja-pekerja termasuk melindungi dan memperbaiki lagi keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerja;
- (iii) Memelihara dan memajukan perhubungan yang baik di antara majikan dan pekerja bagi mewujudkan kedamaian perusahaan dan mengekalkan kesatuan sekerja yang bertanggungjawab;

- (iv) Menyediakan data-data tenaga manusia yang diperlukan oleh negara dan kedudukan keadaan permintaan dan bekalan pasar buruh;
- (v) Menyediakan perkhidmatan latihan bagi kemahiran perusahaan dan mengadakan piawaian serta ujian persijilan ketukangan;
- (vi) Menyediakan perkhidmatan bagi menempatkan pencari-pencari kerja dan mengawal pekerjaan bagi orang-orang yang bukan warganegara.

Aktiviti-aktiviti yang utama di dalam Kementerian adalah penguatkuasaan undang-undang buruh, undang-undang buruh ini memberi pedoman tentang faedah-faedah dan syarat-syarat perkhidmatan seseorang pekerja memberi peluang kepada majikan-majikan dan pekerja-pekerja berbincang secara bebas tentang syarat-syarat perkhidmatan secara perseorangan atau melalui perundingan bersama. Undang-undang ini sentiasa dikaji dari masa ke semasa dan sekiranya perlu pindaan dibuat bagi mencapai tujuan Kerajaan, di samping menguatkuasakan undang-undang buruh ini Kementerian saya melalui Jabatan Buruh juga mengusahakan kebajikan kepada para pekerja yang mana pada dasarnya tidak tercatat dalam undang-undang. Perkara ini adalah berhubung dengan tuntutan-tuntutan, yang pada umumnya daripada pekerja-pekerja untuk mendapat peluang pekerjaan yang lebih baik, bayaran yang berpatutan, membaiki syarat-syarat perkhidmatan, kemudahan memiliki rumah dan lain-lain yang tidak diberi di bawah undang-undang. Melalui Jabatan Buruh, Kementerian juga telah mengambil daya usaha yang tegas, di mana perlu mendesak majikan-majikan tentang mustahaknya mengambil, melatih dan mempunyai pembahagian pekerja yang seimbang mengikut kaum di semua peringkat.

Melalui Jabatan Hal Ehwal Perhubungan Perusahaan pula Kementerian telah dan akan menggunakan tenaganya untuk menggalakkan dan memastikan supaya majikan-majikan dan pekerja-pekerja dan kesatuan mereka menghormati dan mematuhi Tatacara untuk Keharmonian Perusahaan yang ditandatangani oleh Majlis Pertubuhan Majikan-majikan Malaya dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia pada 9hb Februari, 1975 dengan menggunakan banyak lagi dialog, perbincangan bersama dan menggunakan

amalan-amalan yang sedia untuk menyelesaikan semua perkara dan masaalah yang berbangkit di dalam perhubungan mereka dan bukanlah mengambil tindakan perusahaan. Disiplin adalah amat perlu di dalam mengendalikan perhubungan perusahaan terutama pada masa negara kita yang akan menghadapi Rancangan Malaysia Ketiga nanti, di mana Kerajaan lebih menekankan untuk mengujudkan Negara Malaysia yang bersatu padu dan makmur melalui pembasmian kemiskinan dan menyusun semula struktur masyarakat. Oleh itu, Kementerian akan meneruskan tindakannya menggalakkan penyelesaian pertikaian yang lebih teratur supaya mencapai harmoni yang lebih baik lagi dalam industri.

Jabatan Pendaftaran Kesatuan Sekerja pula adalah dipertanggungjawabkan mengawasi gerakan-gerakan Kesatuan Sekerja supaya ianya bergerak dengan cara yang sihat dan demokratik. Nasihat-nasihat sentiasa diberi kepada Kesatuan-kesatuan Sekerja supaya langkah-langkah yang dijalankan oleh mereka tidak bertentangan dengan peraturan-peraturan Kesatuan Sekerja. Semenjak pindaan dibuat ke atas Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959 pada pertengahan tahun 1973 yang membolehkan Kesatuan Sekerja melaburkan wang, beberapa Kesatuan Sekerja telah mengambil kesempatan untuk berbuat demikian. Beberapa projek-projek ekonomi seperti mengadakan syarikat-syarikat kerjasama telah ditubuhkan oleh ahli-ahli syarikat atau cara berkongsi dengan lain-lain syarikat asing.

Kerjasama juga melalui Jabatan Kilang dan Jentera akan terus menjalankan tugas-tugas melindungi para pekerja dari bahaya yang ada dalam di tempat kerja. Tujuannya bukan sahaja untuk mencegah kemalangan tetapi juga untuk menjamin perusahaan yang sihat. Bahaya dari jentera-jentera yang boleh mengakibatkan kemalangan adalah disedari oleh pihak majikan dan para pekerja tetapi bahaya daripada penggunaan dan proses kimia, kebisingan dan kepanasan yang melampau, habuk, asap dan lain-lain belum begitu disedari oleh pihak-pihak yang berkenaan. Bahaya-bahaya ini boleh mengakibatkan berbagai-bagai penyakit perusahaan yang tidak timbul serta-merta tetapi beberapa tahun kemudian.

Di sini suka saya mengingatkan bahawa keselamatan pekerjaan bukanlah tanggungjawab Kerajaan semata-mata tetapi adalah tanggungjawab bersama para-para majikan juga para-para pekerja. Pihak Kerajaan boleh menguatkuasakan peraturan-peraturan, pihak majikan mestilah menentukan bahawa bahan-bahan yang diguna, cara-cara kerja dan tempat kerja tidak membahayakan para pekerja, pihak pekerja pula hendaklah memastikan bahawa ia menggunakan segala alat-alat keselamatan yang diperuntukkan mengikut cara yang betul dan sentiasa bekerja dengan selamat. Jabatan Kilang dan Jentera akan terus memastikan perkara ini di dalam tahun 1976.

Jabatan Tenaga Rakyat adalah ditugaskan menyediakan data-data tenaga manusia yang diperlukan oleh negara dan kedudukan keadaan permintaan dan bekalan pasaran buruh, ini adalah dipertanggungkan kepada bahagian Perkhidmatan Penerangan Pasaran Buruhnya. Berdasarkan penerangan tentang tenaga pekerja yang diperlukan itu dapatlah Kementerian menyediakan perkhidmatan latihan bagi kemahiran dan mengendalikan piawaian serta ujian persijilan ketukangan. Jabatan Tenaga Rakyat juga adalah ditugaskan bagi menyediakan Perkhidmatan Latihan ini melalui Bahagian Latihan, di sini, Bahagian Perkhidmatan Latihan akan mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti latihan perindustrian bagi mengeluarkan lebih ramai pekerja-pekerja mahir dan separuh mahir bagi memenuhi kehendak industri-industri yang kian bertambah di samping menjalankan kursus-kursus latihan bagi pekerja-pekerja mahir. Jabatan ini melalui Bahagian Latihan Pengajar menjalankan kursus teknik mengajar bagi pengajar-pengajar ketukangan dari agensi-agensi latihan lain dan industri-industri. Selain dari menjalankan kursus, Bahagian Latihan Dalam Loji memberi khidmat-khidmat perunding dan bantuan teknik dalam penyusunan serta pelaksanaan rancangan-rancangan latihan di kilang-kilang. Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan, Jabatan Tenaga Rakyat pula adalah bertanggungjawab bagi menyediakan perkhidmatan bagi menempatkan pencari-pencari kerja dan mengawal pekerjaan bagi orang-orang yang bukan warganegara.

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah ditubuhkan dalam Tahun 1971 dengan tujuan khas untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan yang terdapat di

dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969. Setelah lebih empat tahun, sekim-sekim keselamatan sosial ini telah dilaksanakan dengan cara berperingkat-peringkat di seluruh negara dan pada masa ini sejumlah 33 kawasan yang meliputi hampir 600,000 orang pekerja-pekerja yang bekerja dengan sejumlah lebih kurang 18,000 majikan-majikan telah diisytiharkan sebagai kawasan keselamatan sosial. Ini bermakna bahawa semua pekerja-pekerja di 33 kawasan yang merupakan 14.8% daripada pekerja-pekerja di Malaysia sekarang ini berhak mendapat perlindungan keselamatan sosial seperti kemalangan perusahaan (industrial accidents), penyakit khidmat (occupational diseases) dan keilatan kekal (permanent invalidity).

PERKESO telah merancang akan mengembangkan lagi kegiatan-kegiatannya bagi memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja di kawasan luar bandar seperti ladang-ladang dan lombong-lombong. Suatu rancangan perintis yang meliputi kawasan luar bandar telahpun siap untuk dilancarkan. Bantuan Antarabangsa telah juga diperolehi untuk projek-projek berikut:

- (i) untuk memulakan sekim-sekim baru iaitu sekim sakit, bersalin, umur tua dan kematian;
- (ii) untuk meluaskan perlindungan keselamatan sosial kepada orang-orang yang bekerja sendiri, terutamanya peladang dan nelayan;
- (iii) untuk menjadikan PERKESO sebagai sebuah badan berkanun dengan "corporate status";
- (iv) untuk menyusun semula PERKESO dan memperbaiki proses pentadbirannya dengan tujuan bagi menggunakan puter, dan menukar sistem pembayaran caruman yang menggunakan setem sekarang ini.

Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan yang telah ditubuhkan di dalam bulan Disember, 1971 adalah bertanggungjawab bagi melahirkan penyelia-penyelia dan pekerja-pekerja yang disesuaikan dengan kehendak perindustrian di negara ini dengan mengadakan standard-standard latihan dan mengadakan peperiksaan bagi bakal-bakal penyelia dan pekerja. Oleh yang demikian, dapatlah melahirkan penyelia-penyelia dan pekerja-pekerja yang berkelayakan dari masa ke

semasa. Di dalam membolehkan Lembaga melaksanakan aktiviti-aktiviti dan tanggungjawabnya, satu yunit teknik telah ditubuhkan dalam bulan April, 1974. Yunit teknik ini telah ditubuhkan dengan bantuan Pertubuhan Buruh Antarabangsa dengan memberikan khidmat pakar-pakar Pertubuhan Buruh Antarabangsa bagi melatih kakitangan-kakitangan yunit teknik ini dan seterusnya akan membolehkan yunit teknik ini kelak berdiri dengan sendirinya. Sejak yunit teknik Lembaga ditubuhkan, Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan sehingga kini telah menyediakan 23 jenis syllabus ketukangan yang telah diluluskan bagi tiga peringkat kemahiran iaitu asas, pertengahan dan tinggi. Sebanyak 164 ujian bagi 18 jenis ketukangan telah juga diadakan. Setakat ini, 365 calon telah lulus di peringkat asas dan 9 calon di peringkat pertengahan.

Di bawah Kementerian saya juga terdapat sebuah badan iaitu Mahkamah Perusahaan. Mahkamah Perusahaan adalah ditubuhkan di bawah Seksyen 18 Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Mahkamah ini adalah terdiri dari seorang Yang di Pertua atau Pengerusi yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong dan sebuah Penal yang mengandungi 3 orang; seorang mewakili Majikan, seorang mewakili Pekerja dan seorang Ahli Bebas. Ahli-ahli penal ini adalah dilantik oleh saya sendiri. Selain dari membicarakan pertikaian-pertikaian perusahaan yang dirojokkan oleh Mahkamah bagi membicarakan-nya, Mahkamah juga adalah dipertanggungjawabkan menyemak perjanjian bersama yang didepositkan ke Mahkamah ini untuk diambil perhatian. Cadangan-cadangan dan syor-syor adalah dibuat kepada pihak yang berkenaan supaya perjanjian bersama ini menurut Undang-undang Buruh di negara kita.

Tuan Pengerusi, di sini sekali lagi saya mohon mencadangkan supaya Dewan yang mulia ini meluluskan peruntukan berjumlah \$17,686,557. iaitu \$17,049,000 di bawah Kepala B. 46 dan \$637,557. di bawah Kepala P. 46.

4.12 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil peluang

ini untuk menyokong peruntukan sebanyak \$17,686,557 bagi Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat pada tahun 1976.

Yang pertama, saya merujuk kepada Kepala B. 46, Pecahan-Kepala 1100 Aktiviti (2) Buruh dan Perhubungan Perusahaan. Saya sukaiah memberi ucapan sedikit dalam tajuk buruh dan sistem kontrek. Sistem kontrek dalam lapangan perusahaan kebun semakin seperti epidemic dan ini sebagai satu tektik yang didapati oleh penguasa kebun memukul tenaga pemburuh-pemburuh di bawah tali pinggang dan melalui sistem ini mereka akan melepaskan kewajiban yang diadakan oleh Undang-undang Perburuhan negara. Sistem ini juga mengambil rumah-rumah tenaga perburuhan dan lain lain kebajikan.

Tuan Pengerusi, mengikut sistem kontrek ini, kontrektor yang bekerja dalam satu ladang akan dapat ditukarkan pada tiap-tiap tahun untuk menyelesaikan kesenangan mereka sentiasa berfaedah kepada pengguna. Setelah kontrektor bertukar ia akan melepaskan tugas dan kewajiban bagi pekerja-pekerjanya dan memberhentikan mereka dari jawatan untuk nama yang baik. Apabila satu kontrektor baru masuk menjalankan pekerjaan itu ia akan mempergunakan buruh-buruh dahulu menyelesaikan kerja-kerja kadang-kadang dengan syarat-syarat baru dan pembayaran yang kurang. Pekerja-pekerja miskin setelah diganggu oleh kekurangan tenaga kerja terpaksa menerima apa-apa syarat yang diberikan oleh kontrektor baru.

Tuan Pengerusi, muslihat-muslihat pegangan ini menukarkan kontrektor menurut faedah tenaga perburuhan yang berhak di bawah kontrektor dahulu. Kontrektor yang baru mempergunakan tenaga perburuhan yang sama tidak bertanggungjawab bagi tuntutan bagi faedah buruh—17/6 buruh pada masa ini. Pegangan ladang sedang mengambil berlebihan untuk menambah rezki terhadap kewajiban buruh dan juga tidak peduli pekerja-pekerja yang telah menjadi perkakas-perkakas kepada keuntungan besar. Ini adalah satu tradisi dan praktik memperuntukkan perumahan dan lain-lain kemudahan-kemudahan untuk pekerja-pekerja dan majikan. Sistem kontrek tidak meneruskan peruntukan ini. Dengan sistem ini mereka mempengaruhi satu tenaga perburuhan kekal sementara. Mereka meng-

hisap darah pekerja-pekerja seperti seekor nyamuk dan membiarkan mereka bila mereka telah dijangka tidak berguna lagi kepada mereka. Jikalau kita membiarkan sistem ini dijalankan akan mengganggu kita serta dalam soal peruntukan rumah-rumah dan tanah-tanah bagi kalangan buruh. Satu hari kelak kita akan mengetahui bahawa semua tenaga perburuhan akan bekerja dalam sistem-sistem kontrek tidak mempunyai kemungkinan lain-lain jalan lebih baik daripada membina rumah-rumah setingan sementara di tanah-tanah Kerajaan di sekeliling ladang-ladang itu. Dengan keadaan ini akan menyebabkan orang lain berpenyakit mata kepada lingkungan kita. Oleh sebab itu, saya mengesyorkan bahawa Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat mengambil tindakan kepada perkara-perkara yang tersebut di atas menghapuskan sistem kontrek alam jenis kerja untuk faedah pekerjaan perusahaan kebun.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, dalam tajuk Perhubungan Perusahaan mengenai Ladang Krigelia, Bukit Pasir, Muar. Mahkamah Perusahaan telah menyiarkan Award No. 15 di dalam tahun 1975 pada 31hb Mac, 1975 ianya telah memerintahkan ladang tersebut mesti mengambil kembali 4 orang pekerja-pekerja yang telah dibuang kerja bermula daripada 1hb Mei, 1975 atas dasar pekerjaan dan syarat pekerjaan. Pihak ladang tersebut tidak mengambil kembali pekerja-pekerja tersebut seperti yang diperintahkan. Keempat-empat pekerja yang terlibat telah membuat aduan kepada Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat dan pihak Kementerian telah memajukan perkara ini seterusnya ke Mahkamah Perusahaan dan tarikh pembicaraannya telah ditetapkan pada 13hb Oktober, 1975. Pihak ladang telah menulis surat kepada 4 orang pekerja-pekerja yang dibuang kerja untuk melaporkan diri untuk bekerja pada 13hb Oktober, iaitu tarikh semasa pembicaraan tersebut didengar. Ini menunjukkan yang 5 bulan telah berlalu sebelumnya tatkala pihak ladang menulis kepada 4 orang buangan kerja untuk melaporkan diri untuk bekerja. Mahkamah Perusahaan telah memberikan Award yang kedua pada 24hb Oktober, 1975 (rojokan award itu ialah Award No. 77 Tahun 1975) memerintahkan pihak ladang untuk mengetahui Award yang pertama. Pihak ladang telah enggan mengikut dan mempraktikkan

perintah-perintah tersebut sehingga hari ini ianya tidak memberikan peruntukan pekerjaan kepada keempat-empat pekerja yang telah dibuang kerja.

Tuan Pengerusi, tunggakan gaji-gaji mereka juga tidak dibayar, sekarang setelah kelambatan selama 5 tahun 4 hari, pihak pengurus ladang telah mengambil tindakan ke Mahkamah Tinggi untuk menentang Award-award tersebut. Keempat-empat pekerja yang telah dibuang tersebut telah dinasihatkan untuk membuat laporan kepada Polis di bawah peruntukan Industrial Relations Act, 1967 dengan pandangan untuk mengambil tindakan terhadap ladang tersebut tetapi Undang-undang sekarang tidak begitu kuat untuk mengendalikan perkara-perkara seperti ini. Yang Berhormat Menteri hendaklah membangkitkan atau membuat denda-denda yang lebih ketat lagi kepada pihak-pihak majikan yang telah enggan menurut kepada award-award yang diberikan oleh Mahkamah Perusahaan. Pihak majikan mungkin akan mengambil langkah-langkah wajar ke Mahkamah-mahkamah Tinggi untuk menentang award-award yang mana mereka fikirkan salah, akan tetapi Industrial Relations Act, 1967 hendaklah menyeru majikan-majikan mematuhi award tersebut terlebih dahulu walaupun mereka hendak menentangnya kemudian. Denda-denda mestilah dinaikkan serta diberikan, kalau tidak ianya akan menjatuhkan imej Mahkamah Perusahaan sendiri.

Tuan Pengerusi, pihak majikan juga telah menjalani taktik melambatkan-lambatkan bagi menentang award-award. Di bawah Undang-undang sekarang mereka mempunyai 6 bulan untuk menentang award dan ini juga sama bagi pihak kes Ladang Krigelia. Mereka mengambil masa 5 bulan untuk mengambil langkah-langkah berikutnya. Taktik melambatkan-lambatkan ini adalah baik dan wajar bagi pihak-pihak pengurus tetapi bagi yang tertindas, mereka ini akan menanggung penderitaan dan kesengsaraan tanpa gaji dan penukaran kerja.

Tuan Pengerusi, akhir sekali, lagi satu contoh perbezaan atas tangga gaji dan syarat-syarat pekerjaan di antara Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (E.P.F.) dan di antara Kesatuan Sekerja mereka telah membangkitkan ke Mahkamah Perusahaan dan Award tersebut telah diberikan pada 1hb

Mac, 1975 (Rujuk Nombor Award itu ialah Award No. 10 di dalam tahun 1975). Pihak Lembaga tidak mematuhi malah telah sekali lagi merujuk ke Mahkamah Perusahaan untuk perubahan Award telah diberikan pada 15hb November, 1975. Ini ialah Rujukan Award No. 87 di dalam tahun 1975. Lembaga tersebut masih lagi tiada mematuhi kepada Award tersebut, tindakan telah diambil membangkitkan perkara ini di Mahkamah Tinggi pada 2hb November, 1975 untuk menentang Award ini. Ianya juga telah mendapatkan perintah Mahkamah Tinggi untuk mengambil tindakan sewajarnya.

Sayugia Lembaga ini telah menggunakan semua selok-belok di dalam Undang-undang untuk mengelakkan daripada mematuhi Award tersebut. Tuan Pengerusi, pengambilan masa selama 10 bulan telah dibuat sebelum ianya di bawah ke Mahkamah Tinggi untuk menentang Award tersebut.

Tuan Pengerusi, peruntukan-peruntukan di dalam Industrial Relations Act, 1967 bersempena dengan penahanan berikutnya adalah tidak wajar. Di bawah Undang-undang sekarang tiada penahanan yang boleh dibuat kepada perintah pengembalian tetapi Award sekarang adalah sejajar dan syarat-syarat pekerjaan dan Undang-undang sekarang tidak mempercekapkan perihal penahanan terhadap Award tersebut. Selok-belok ini mestilah disekat. Tuan Pengerusi, Undang-undang seperti ini mestilah dipinda untuk menyatakan yang tiada penahanan berikutnya yang patut diambil bersempena dengan mana-mana Award Mahkamah.

4.23 ptg.

Puan Chow Poh Kheng (Selayang): Tuan Pengerusi, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris disamping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia.

Saya merujuk B. 46, Pecahan-kepala 1100 di bawah Aktiviti No. (1)—Pentadbiran Am.

Tuan Pengerusi, dalam penyata Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat yang tiada memberikan peruntukan untuk menambah kakitangan amatlah memeranjatkan. Kita telah mengetahui kekurangan pegawai-pegawai Perhubungan perindustrian dengan teruknya di dalam Kementerian dan kita tiada nampak sebarang jalan bagaimana pegawai-pegawai yang ada akan dapat membendung bebanan

kerja yang bertambah. Sebagaimana yang telah difahamkan kepada saya, Tuan Pengerusi, bahawa kelicinan tugas Kementerian adalah bergantung kepada bilangan pegawai-pegawai yang terlatih yang ada di dalam bidang Perhubungan Perindustrian dan kuasa yang diberikan kepada Undang-undang Buruh. Sekiranya kekurangan pegawai-pegawai dalam bidang ini berterusan, saya tiada nampak bagaimana Kementerian ini akan dapat membendung tanggungjawab-tanggungjawabnya.

(*Dengan izin*) The next subject which I would like to refer to is Aktiviti No. (3)—Buruh dan Perhubungan Perusahaan. On this subject, Mr Chairman, Sir, I would like to congratulate the Government for the introduction of the Code of Conduct for Industrial Harmony early this year. It is not a set of regulations or laws but a Code of accepted industrial practices which is supposed to be morally binding on both workers and employers. Mr Chairman, Sir, I am not saying something new if I inform the House that there is great public concern that this Code is not being given sufficient respect by both managements and trade unions; and so very often we read in the Press about industrial disputes which, I am sure, could have been avoided if the parties involved had shown some good faith and abided by the Code of Conduct.

I would urge the Minister of Labour and Manpower to devise some machinery which will ensure greater compliance with the Code and I say this because the public is quite fed up with the massive industrial disputes which have broken out in the course of the last twelve months.

While on this subject, too, I would like to ask the Minister of Labour why the Code of conduct has not been signed by the Government, as the largest employer in the country, and by the unions in the Public Service and statutory bodies? Why is it that the Public Service Commission, as the employing agency of the Government on the one hand, and these unions on the other hand, could not be made to comply with the Code of Conduct? It is my belief, Mr Chairman, Sir, that good industrial relation practices should be found in both the private and public sectors. If this has been the case, Mr Chairman Sir, I am sure we will not have experienced the kind

of industrial disputes such as that involving the workers of the Lembaga Letrik Negara recently.

The next subject which I would like to refer to is Aktiviti No. (6)—Pentadbiran Kesatuan Sekerja. Under this subject, Mr Chairman, Sir, I would just like to stress a point that there continue to be many cases where workers have organised themselves and have sought recognition, but their employers have resorted to every possible means to prevent or delay recognition. Some employers just pay no attention to this and some even go to the extent of putting their leaders in some other places of work.

Mr Chairman, Sir, I hope the Ministry of Labour will take a more serious view of these matters. We are not living in the Middle Ages any more. This is 1975 and we will be entering 1976 soon. It is about time that the Government emphasised to all employers that not only is trade unionism a legitimate activity but also that the Government regards the growth of responsible trade unions as an essential and integral part of national development.

4.30 ptg.

Tuan Chian Heng Kai (Batu Gajah): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyentuh Kepala B. 46 muka surat 325, Pecahan-kepala Kod 1100, Aktiviti (6) Pentadbiran Kesatuan Sekerja.

Dalam sidang Parlimen ini Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat selalu memperkatakan Kerajaan tidak anti-buruh, di sini saya suka mengambil peluang ini untuk membuktikan samada Kerajaan anti-buruh atau tidak.

Yang pertama, negeri kita mempunyai beribu-ribu amah, tetapi mereka sendiri tidak mempunyai Kesatuan Sekerja, mereka kerja dari pagi sampai malam, mencuci baju, memasak, menjaga rumah, menjaga kanak-kanak dan lain-lain, malangnya gaji mereka majoriti tidak melebihi seratus ringgit, ini adakah adil?

Yang kedua, negeri kita mempunyai beribu-ribu penolong kedai tetapi mereka juga tidak ada Kesatuan Sekerja dan oleh sebab itu mereka dieksplot sepanjang hidup.

Tuan Pengerusi, kita selalu nampak banyak pekerja-pekerja berpiket dan mogok, ini adalah berikutan kegagalan tuntutan naik gaji, sebagaimana yang kita ketahui, dalam zaman inflasi ini, pekerja-pekerja mendapat pengaruh yang amat buruk. Saya percaya Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat lebih sedar bahawa sebenarnya majoriti pekerja Malaysia tidak menyertai pertubuhan-pertubuhan sekerja oleh kerana mereka takut dipecat di bawah Undang-undang Buruh sekarang.

Sekiranya Kerajaan hendak mempertahankan hak-hak pekerja, Tuan Pengerusi, saya mencabar Yang Berhormat Menteri berkenaan itu mengusulkan satu pindaan Rang Undang-undang Buruh supaya majikan bertanggungjawab menjadikan pekerja sebagai seorang ahli pertubuhan sekerja dengan cara ini, kedua-dua pihak pun mendapat menafaat.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini, di kawasan saya, 11 nyawa pekerja lombong bijih timah telah dikorbankan, tetapi hanya 10 orang diberitahu dalam akhbar. Semua 10 pekerja ini adalah kerja dalam kawasan Kampar. Yang tinggal itu adalah seorang Melayu, namanya ialah Encik Tambi bin Mat Noh. Si mati ini adalah kerja dengan Seng Yik (S.T.M.) Bhd. di kawasan Tanjong Tualang. Oleh sebab syarikat lombong ini ada berhubung dengan seorang EXCO M.C.A. di Dewan Negeri Perak iaitu Yang Berhormat Encik Cheong Kai Fu, maka perkara yang sangat penting ini tidak dapat disiarkan dalam akhbar.

Tuan Pengerusi, kehidupan pekerja lombong bukan sahaja selalu berbahaya, bahkan layanan terhadap mereka adalah sangat rendah. Saya diberitahu bahawa seorang pekerja lombong, kerja satu hari dari pukul enam pagi hingga pukul sembilan malam, gajinya cuma dapat \$4 lebih sedikit saja. Sekiranya pekerja ini berkeluarga, ada ibubapa, ada isteri dan anak-anak, cukupkah perbelanjaan keluarga beliau? Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya berharap dapat Yang Berhormat Menteri berkenaan mengambil perhatian supaya keadaan kehidupan amah, penolong kedai dan pekerja lombong dapat diperbaiki.

4.35 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian menyokong Anggaran Belanjaan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat yang berjumlah \$17,686,557. Saya suka mengambil bahagian Pecahan-kepala 1100, muka surat 325, Aktiviti (1)—Pentadbiran Am. Setelah kita meneliti akan tujuan-tujuan yang baik dan munasabah yang akan dijalankan oleh Kementerian ini yang mana pihak Kementerian akan menyusun semula dan melengkapkan tenaga kerja yang seimbang di antara kaum selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Langkah-langkah yang akan dijalankan oleh Kementerian ini dan dengan susunan-susunan baharu akan mewujudkan perhubungan yang baik di antara majikan dan pekerja.

Tuan Pengerusi, di dalam menyusun aktiviti-aktiviti Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat pihak Kementerian hendaklah mengadakan satu rancangan khas bekas-bekas perajurit kita supaya mereka ini dapat ditempatkan di perusahaan-perusahaan ataupun di firma-firma. Tuan Pengerusi, pengorbanan mereka bagi mempertahankan kedaulatan dan ketenteraman negara kita yang sedang maju, tetapi apa yang menyedihkan jasa-jasa mereka itu mudah dilupakan. Di antara mereka itu boleh dikatakan 10% sahaja yang menerima pencen tetapi yang lain-lain masih berharap kepada pekerjaan-pekerjaan daripada jabatan-jabatan atau pihak swasta. Satu golongan besar daripada bekas-bekas perajurit kita ini masih mengalami kesukaran untuk mendapat pekerjaan. Apa yang saya difahamkan, bekas-bekas perajurit ini bukanlah memerlukan bantuan kebajikan daripada kesatuan-kesatuan ataupun daripada pihak Kerajaan, tetapi apa yang mereka perlukan ialah kemudahan mendapat pekerjaan supaya mereka dapat pendapatan untuk menyara anak-isteri mereka dan persekolahan anak-anak mereka.

Tuan Pengerusi, walaupun Kerajaan telah mengarahkan supaya diberi keutamaan kepada bekas-bekas perajurit mendapat pekerjaan tetapi dasar ini tidak dipatuhi sepenuhnya oleh setengah-setengah jabatan dan pihak-pihak swasta. Maka dengan ini saya berharap dengan kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat ini dapat dipertimbangkan supaya dapat kita mengatasi pengangguran di kalangan perajurit-perajurit kita hari ini.

Satu lagi yang patut dikaji oleh Kementerian masaalah pengambilan buruh-buruh oleh majikan-majikan iaitu mengenai had umur. Umur hendaklah dikecualikan kepada bekas-bekas perajurit. Oleh kerana bekas-bekas perajurit kita yang berhenti berkhidmat itu umurnya telah meningkat di antara 35 atau kepada 40 tahun pada hari ini. Sekiranya umur itu tidak diberi pertimbangan oleh pihak Kementerian kita, maka saya percaya pihak bekas-bekas perajurit kita tidak akan dapat memasuki mana-mana pekerjaan sekalipun. Dengan jasa baik Yang Berhormat Menteri dan Kementeriannya saya yakin dan percaya sekiranya kita dapat mengatasi perkara yang sangat penting ini lebih-lebih lagi manakala bekas-bekas perajurit kita ini tidak ada pekerjaan, Tuan Pengerusi, saya takut terjadi kepada mereka ini satu perasaan hampa kerana ketiadaan pekerjaan maka mereka ini akan menjadi warganegara yang liar kepada bangsa dan tanahair. Oleh itu, pertimbangan hendaklah diwujudkan oleh Kementerian kepada bekas-bekas perajurit kita ini demi kepentingan bangsa dan negara kita.

4.38 *ptg.*

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, Anggaran Belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat disokong oleh saya dengan teguran-teguran.

Yang pertama, saya suka menyampaikan pandangan saya berkenaan dengan Kepala Bekalan B. 46, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1) hingga (8) di muka surat 325 Buku Belanjawan Persekutuan Tahun 1976.

Tuan Pengerusi, pada pendapat saya, pegawai-pegawai dan kakitangan yang ada di dalam senarai Buku Merah iaitu Anggaran Belanja Mengurus 1976 di muka 459 adalah "top heavy" ataupun dalam bahasa kita "besar kepala".

Tuan Pengerusi: Apa nama Kepala? Keras Kepala?

Raja Nasron bin Raja Ishak: Besar Kepala.

Tuan Pengerusi: Oh! Besar Kepala.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Pengerusi, saya menyatakan begitu kerana dalam jawatan yang disenaraikan itu, iaitu 1

sampai 13 di muka 459 Buku Merah ini ada 20 orang pegawai, dan Jurutrenkas di Butiran (14) sampai (17) hanya 8 orang; Kerani 14 orang.

Tuan Pengerusi, kerumitan-kerumitan yang disuarakan oleh beberapa orang Ahli-ahli Dewan Rakyat menunjukkan bahawa kerumitan itu adanya ialah di peringkat bawah. Tetapi saya hendak menyampaikan beberapa contoh kepada Yang Berhormat Menteri di mana there is lack of field work—kekurangan kerja di luar dibuat oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

Contoh yang pertama ialah satu masaalah di sebuah ladang getah dikemukakan kepada Kementerian di mana rumah-rumah buruh yang buruk di bawah standard yang dikehendaki oleh Undang-undang ada 52 unit. Pegawai Luar telah memeriksa dan dilaporkan kepada pejabatnya bahawa majikan akan membuat 4 unit pada satu tahun. Tuan Pengerusi, kalau empat unit bagi setahun, 13 tahun barulah 52 unit itu akan disiapkan oleh majikan. Ini menunjukkan bahawa Pegawai Luar yang bertugas itu hanya bertugas semata-mata memandang dan memetik pendapat daripada majikan. Beliau tidak hendak menggunakan inisiatifnya sendiri untuk menyampaikan pandangannya pula, samada cadangan yang dikemukakan oleh majikan itu boleh terima, lojik atau tidak. In other words, Tuan Pengerusi, Pegawai Luar itu tidak menjalankan tugasnya penuh dengan perasaan tanggungjawab, perasaan untuk melindungi masa hadapan pekerja-pekerja.

Contoh yang kedua, Yang Berhormat Menteri telah menyentuh berkenaan dengan Mahkamah Perusahaan dan Ahli-ahli Penal. Saya percaya, Yang Berhormat Menteri masih ingat akan kes Encik Kua Chee Peng bukan sahaja reward dapat kepada in favour of Encik Kua Chee Peng, tetapi keputusan mahkamah supaya majikan mengambil semula Encik Kua Chee Peng iaitu seorang Kerani Besar di perusahaan bijih timah dan membayar tunggakan gajinya daripada tarikh mula-mula dia diberhentikan sehingga sampai masa keputusan mahkamah itu. Tetapi apa yang mendukacitakan majikan tidak patuh kepada keputusan mahkamah. Perkara ini sudah disampaikan juga kepada Pegawai Jabatan Buruh Selangor. Apa yang dibuat oleh beliau itu, sitting on the files, tidak pergi siasat, tidak pergi tengok, beberapa kali panggilan talipon dibuat, tidak indah. Kerana

apa? Pegawai-pegawai ini sebagaimana saya boleh contohkan, mengikut tanggagajinya ialah Pegawai-pegawai Division I dan II \$3,000 ada, \$2,500 pun ada mengikut tanggagaji di muka surat 459. Apa yang saya suka tekanan di sini, Tuan Pengerusi, ialah supaya Yang Berhormat Menteri mengambil lebih pegawai-pegawai di bawah tanggagaji B. 97 iaitu di tingkatan \$400 kerana orang ini boleh pergi membuat kerja-kerja field work. Jangan ditumpukan di headquarters sahaja membuat kerja-kerja pejabat (paper work). Kerumitan-nya adalah di peringkat "field".

Tuan Pengerusi: Saya fikir elok diterangkan, tadi Yang Berhormat menggunakan perkataan Ingeris "top heavy", diterjemahkan "Besar Kepala". Jadi, daripada ucapan Yang Berhormat itu nampaknya bukan bermakna besar kepala, tetapi ramai sangat orang di tingkatan sebelah atas. Betulkah begitu?

Raja Nasron bin Raja Ishak: Betul, Tuan Pengerusi.

Yang kedua, saya suka membawa pandangan kepada satu contoh lagi, iaitu pada suatu masa saya telah kemukakan satu soalan berkenaan dengan ketiadaan majikan memberitahu pekerja hak mereka untuk menjadi Ahli Kesatuan Buruh. Dijawab oleh Setiausaha Parlimen bahawa kita berdasarkan kepada demokrasi, tidaklah boleh kita memaksa majikan meminta supaya diedarkan satu information kepada semua pekerja-pekerjanya menasihati supaya mereka masuk menjadi ahli Kesatuan Buruh. Tidak boleh, katanya. Beliau menyuarakan suara yang disampaikan oleh pegawai-pegawai daripada belakang kepada beliau tanpa pegawai-pegawai itu memberi briefing seluas-luasnya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Pendek kata, pegawai-pegawai yang bertugas tidak membuat homework apabila menyampaikan perkara itu kepada Setiausaha Parlimen Kementerian tersebut. Ini juga satu contoh menyatakan bahawa dengan adanya sebagaimana, Tuan Pengerusi, katakan tadi, ramai pegawai di tingkatan atas atau besar di atas, maka kerja-kerja research di peringkat luar tidak dibuat oleh Kementerian.

Perkara yang lain, Tuan Pengerusi, saya hendak sampaikan

Tuan Pengerusi: Ada seminit sahaja lagi.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Terima kasih, ini pun satu minit sahaja lagi agaknya. ialah untuk merapatkan lagi perhubungan baik dan erat di antara majikan dan pekerja, eloklah Kementerian galakkan (encourage) supaya satu cara profit sharing dibuat supaya lebih lagi pekerja-pekerja bekerja dengan tekun, taat dan sebagainya.

4.58 ptg.

Dr Ling Liong Sik (Mata Kuching): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong Anggaran Belanjawan 1976 dan ingin mengambil bahagian dalam perbahasan di atas Kepala B. 46, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1) iaitu Pentadbiran Am.

Tuan Pengerusi, saya pun hendak memohon izin untuk campur sedikit bahasa Ingeris di dalam ucapan saya.

Tuan Pengerusi: Bolehlah dicampur sedikit.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Pengerusi, saya hendak berucap sedikit di atas perkara work permit di dalam negara kita Malaysia dan oleh sebab saya telah dengar, ada banyak contoh-contoh yang mana ramai orang yang sudah membuat permohonan untuk mendapatkan work permit, tetapi permohonannya tidak diluluskan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

Di atas perkara ini, Tuan Pengerusi, ramai orang yang telah membuat permohonan semacam ini. Keluarganya pun duduk di negara kita. Anak-anaknya pun duduk di negara kita. Rumahnya pun di negara kita, hartanya pun di negara kita dan mereka pun sudah qualified untuk mendapatkan citizenship by residential qualification. In other words, Tuan Pengerusi, semua akarnya (roots) di Malaysia, tetapi dia terpaksa tunggu hingga beberapa lama untuk mendapatkan reply yang menyatakan "ditolak", kadang-kadang sahaja mereka mendapat jawapan "diluluskan."

Tuan Pengerusi, saya harap Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat boleh mengambil sesuatu sikap yang liberal sekali, sebab di dalam Asia dan Malaysia juga ada suatu philosophy iaitu family unit, satu badan yang mustahak sekali and it is an integral part of society in all Asian philosophy iaitu

family unit dan morally, Tuan Pengerusi, people like these who have spent the best years of their life in the service of the nation in various capacities should deserve some reward and they also morally deserve permanent residence to be able to earn and provide for their families. Pada pendapat saya ialah to break up the families sekarang, to deprive them of their source of livelihood ialah sesuatu proses yang barangkali sinful.

Saya harap yang akhir sekali, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan boleh mengambil perhatian yang berat sekali di atas perkara ini dan boleh mendapat suatu dasar yang liberal yang boleh meluluskan semua applications yang ada di dalam Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat berkenaan dengan kes-kes seperti ini.

4.52 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, pertamanya saya ingin merujuk kepada Kepala B. 46, muka surat 325, Pecahan-kepala 1100 Aktiviti (3)—Keselamatan Pekerjaan.

Tuan Pengerusi, di samping langkah-langkah untuk perindustrian diperhebatkan, kami suka hendak menegaskan bagaimana mustahaknya diberi jaminan supaya langkah-langkah perindustrian yang cukup dijalankan oleh semua kilang demi kepentingan kaum buruh. Kami dengan kesalnya mengambil ingatan bahawa banyak kilang-kilang yang ada sekarang di dalam negeri ini tidak mengambil tindakan bagi keselamatan yang secukupnya. Seriouslynya masalah ini boleh dilihat dari kemalangan perindustrian yang berlaku setiap tahun kira-kira di antara 12,000 hingga 13,000 banyaknya dan ini mengakibatkan 300 kematian setiap tahun. Kemalangan setiap tahun ini juga telah mengakibatkan kerugian hari kerja sebanyak 400,000 hari, \$5 juta sebagai wang pampasan dan \$20 juta sebagai kerugian secara tidak langsung termasuk rawatan kesihatan, jenis pemulihan dan kerosakkan kejenteraan. Oleh kerana perkara-perkara yang telah saya sebutkan itu, saya rasa masanya sudah tiba bagi Kerajaan mengambil langkah atau sikap yang serious mengenai kemalangan perindustrian ini. Kebanyakan daripada kemalangan perusahaan ini berlaku di lombong-lombong, perusahaan dan di kilang-kilang memproses.

Tuan Pengerusi, kilang ini yang berjumlah di antara 13,000 hingga 14,000 adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Kilang dan Kejenteraan yang mempunyai kakitangan seramai lebih kurang 50 orang sahaja. Di sini kami hendak mencadangkan supaya Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat patut bertindak segera untuk memastikan bahawa kemalangan-kemalangan perindustrian ini berkurangan dengan cara mengambil lebih ramai Pegawai-pegawai Penguatkuasa atau Enforcement Officers bagi Jabatan Kilang dan Kejenteraan untuk menjalankan pemeriksaan mengejut di kilang-kilang untuk mengetahui samada mereka ada mengambil usaha untuk mengadakan keselamatan perindustrian yang secukupnya. Kerajaan patut menyebarkan maklumat dan memberi pengertian yang luas mengenai keselamatan perusahaan dan bahaya kerja melalui akhbar-akhbar dan siaran radio dan talivisyen.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, Kementerian juga patut mengarahkan supaya pekerja-pekerja kilang menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan supaya kedua-dua pihak iaitu pihak pekerja dan juga majikan dapat bekerja rapat untuk mengkaji masalah keselamatan perindustrian dalam kilang-kilangnya masing-masing dan diambil langkah untuk membetulkannya.

Tuan Pengerusi, Aktiviti (2), saya ingin sebutkan di sini ialah mengenai Pentadbiran Keselamatan Sosial. Mengenai Pentadbiran Keselamatan Sosial, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kepada seksyen 22 (a) Akta Keselamatan Sosial, 1969 yang menetapkan bahawa sekiranya kehilafan seorang pekerja berlaku selama empat hari atau kurang, pekerja itu tidak layak menerima apa-apa faedah. Ini akan menimbulkan kesusahan kepada pekerja tersebut. Seksyen Akta ini tentu tidak adil oleh sebab kedua pihak iaitu pihak pekerja dan pihak majikan juga ada menyumbangkan kepada SOCSO dan juga kehilafan ini berlaku pada masa bekerja. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberi pertimbangan untuk memotong seksyen ini.

Tuan Pengerusi, ingin saya menyatakan di sini juga bahawa cara-cara untuk menghantar bayaran kepada SOCSO dengan melekatkan stem-stem atas kad sumbangan atau contribution card sangat menyusahkan, dan saya bercadang supaya dibuat melalui

cek-cek. Atas Pentadbiran Keselamatan Sosial juga, saya juga hendak memberitahu kepada Dewan ini tentang kelewatan pihak SOCSO untuk membayar faedah-faedah kepada pekerja-pekerja ini dan telah mengakibatkan kesusahan kepada kaum buruh. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menentukan pembayaran faedah ini di bawah SOCSO dapat dibuat tanpa apa-apa kelewatan.

Tuan Pengerusi, yang akhir sekali saya ingin merujuk kepada Aktiviti (7)—Badan-badan Berkanun. Dan di sini saya hendak berucap sedikit mengenai Mahkamah Perusahaan. Berkaitan dengan Mahkamah Perusahaan saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri tentang kes-kes yang belum diselesaikan oleh Mahkamah ini. Saya memahami bahawa kes-kes telah ditetapkan untuk dibicarakan sampai bulan Mei dan Jun tahun 1976, ini berlaku oleh kerana kekurangan pegawai-pegawai untuk menjalankan pembicaraan kes-kes itu. Pada masa ini Mahkamah Perusahaan hanya ada tiga orang pegawai untuk menjadi pengerusi dan ini tentu tidak mencukupi untuk menjalankan beban kerjanya. Saya harap pegawai-pegawai baru dapat diambil untuk mempercepatkan kes-kes perindustrian di Mahkamah Perusahaan supaya keadilan dapat dibuat kepada kaum buruh.

Akhirnya, saya ingin menyebutkan di atas Kepala yang sama. Tuan Pengerusi, saya hendak menyuarakan satu aspek yang tidak begitu memuaskan tentang operasi Mahkamah Perusahaan ini. Ini ialah berkenaan dengan keputusan Mahkamah Perusahaan yang boleh dicabar oleh pihak majikan di dalam sebuah mahkamah undang-undang atau common law court. Umpamanya, saya ingin sebutkan di sini iaitu tidak lama dahulu ada satu pertikaian buruh di antara pihak South-East Asia Fire Bricks dengan pekerja-pekerjanya yang mana Mahkamah Perusahaan telah membuat satu keputusan bahawa pihak majikan diperintahkan mengambil balik semua pekerja yang telah dibuang kerja. Tetapi dengan kesalnya pihak majikan tersebut tidak mengambil endah di atas keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Perusahaan.

Tuan Pengerusi, apa yang lebih merunsingkan dan menyedihkan ialah pihak majikan memutuskan menyampaikan kesnya ke Mahkamah Tinggi dan lepas itu berjaya

dengan rayuannya. Keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi mungkin menjadi satu precedent yang ada far-reaching repercussion atas system perhubungan perusahaan. Umpamanya, saya telah sebutkan tadi akan juga merupakan satu precedent yang akan digunakan oleh lain-lain pihak majikan.

Saya ingin, Tuan Pengerusi, menarik perhatian

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup 10 minit.

Tuan Lee Lam Thye: Terima kasih.

5.05 ptg.

Tuan Ngan Siong Hing (Kinta): Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap sedikit di bawah Kepala B. 46, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1) hingga (8). Saya minta izin berucap di dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I note that under Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1), certain things have to be pointed out in connection with the Labour Offices. They are now set up all over the country. I am of the view, Mr Chairman, Sir, that some of the Labour Offices that we now find in the country are often helpless in solving claims or in bringing the disputing parties together. Mr Chairman, Sir, the reason is that although some of the Labour Officers are very competent and capable, they are not sufficiently invested with the powers of the common law courts. More often than not, they act as a sort of middlemen and more often than not, where problems are not solved, it is not the fault of the workers or the employees; it is often the fault of the employers who refuse to turn up especially in workmen's compensation cases under the Workmen's Compensation Ordinance, 1952. I, therefore, appeal to the Ministry to look into this matter with a view to restructure the set-up of the Labour Offices throughout the country.

Among other things, Mr Chairman, Sir, many people, especially the trade unions and those who have been the victims of accidents have complained that the compensation now provided under the Workmen's Compensation Ordinance of some \$7,200 is too low. They argue, and I agree with them, that the

amount must now be increased so as to bring it in line with modern day economic circumstances—and it is a fact that in Singapore it is now almost three times this amount. The Workmen's Compensation Ordinance, 1952, Mr Chairman, Sir, is about 23 years old and this Workmen's Compensation Ordinance is a piece of colonial legislation. I am sure that you, Mr Chairman, Sir, would agree that 23 years ago \$7,200 was a lot of money but not now. So, I urge the Ministry concerned to increase the amount to, say, at least \$15,000 or, better still, to \$21,000, that is three times.

Among other things, Mr Chairman, Sir, I regret that some unions which have applied for registration have not yet been registered and I understand that a lot of complaints have been made to the Ministry and this is another matter which the Ministry ought to look into. But, of course, I have numerous examples of unions which have applied for registration, but I do not think it is necessary for me to quote these examples, because this is a small administrative matter and I hope the Ministry can speed things up.

5.10 p.m.

Datuk Lee San Choon: Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih atas pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang kebanyakannya constructive dan izinkan saya, Tuan Pengerusi, menjawab sedikit sebanyak, satu-persatu, kalau boleh.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, habiskan kalau boleh pada pukul 5.30 petang.

Datuk Lee San Choon: Dengan rengkas, Tuan Pengerusi.

Ahli Yang Berhormat dari Kinta ada mencadangkan iaitu Pegawai Buruh ditambah lagi untuk mencepatkan kes-kes yang dilaporkan kepada pejabatnya. Saya mengucapkan terima kasih. Beliau mengesyorkan iaitu Workmen's Compensation, the rate is too low—bayaran pampasan rendah sangat, katanya. Jawapannya seperti saya telah terangkan tadi dalam 33 kawasan di mana SOCSO telah dikuatkuasakan dan terlibat 600,000 pekerja SOCSO telah menggantikan dengan Workmen's Compensation dan juga pada masa sekarang kami sedang mengkaji untuk meluaskan lagi SOCSO. Jadi, mungkin tidak lama lagi soal ini tidak akan timbul lagi.

Berkenaan dengan unions yang meminta hendak didaftarkan tidak dapat didaftarkan, ini satu kenyataan yang luas dan secara am, saya tidak dapat jawab. Pada amnya saya tahu Pendaftar Kesatuan Sekerja telah menjalankan tugasnya dengan serious dan rajin. Jikalau ada kes-kes yang telah mengambil masa ataupun tidak didaftarkan, boleh appeal kepada saya dan saya akan mengkaji kes seperti itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar mencadangkan iaitu mungkin Kementerian patut mengadakan lebih banyak Enforcement Officers supaya keselamatan kemalangan pekerja dapat dikurangkan. Saya mengucapkan terima kasih. Kami memang menjalankan tugas kami dengan serious tetapi kemalangan perusahaan tidak begitu serious seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Angka yang tersebut tadi kemalangan 12,000 tiap-tiap tahun itu adalah untuk semua kemalangan termasuk road accidents dan lain-lain. Sebenarnya 20% dari kemalangan itu berlaku di perusahaan-perusahaan sahaja. Walau bagaimanapun, saya suka juga menyatakan kita kena lihat dari segi perusahaan-perusahaan yang ada sekarang sedang bertambah dari sehari ke sehari, maka terpaksa kemalangan pun bertambah juga.

Berkenaan dengan SOCSO, saya telah terangkan berkenaan dengan stamp bayar dengan cek, gantian stamp itu kami sedang mengkaji perkara itu dan lain-lain juga sedang dikaji dengan bantuan daripada ILO.

Beliau juga mencadangkan, kalau boleh ditimbangan banyakkann Pengerusi Mahkamah Perusahaan. Jikalau masanya sampai patut kita akan tambahkan kami akan menambah, jikalau perlu. Beliau tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Perusahaan boleh dicabar dalam High Court atau Mahkamah Tinggi dan perkara ini telah dibawa juga oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput. Kami memang tahu apabila keputusan dari Mahkamah Perusahaan dicabar dalam High Court, pihak yang berkenaan memang tidak puas hati, kadang-kadang pihak persatuan dan kadang-kadang pihak majikan. Tetapi kami mempunyai satu sistem menjalankan rule of law. Dengan adanya undang-undang sesiapaapun berhak menggunakan undang-undang yang ada sekarang. Walau bagaimanapun, jika masanya telah

sampai kita patut mengkaji semula, sebenarnya kami sedang berbincang dengan kedua-dua pihak iaitu pihak majikan dan pihak pekerja berkenaan soal ini. Jikalau perlu kita akan pinda Akta Perusahaan yang ada sekarang.

Ahli Yang Berhormat dari Mata Kuching mengatakan iaitu work permit yang telah ditolak patut dikaji dengan bersimpati oleh kerana banyaknya pemegang work permit itu walaupun bukan warganegara tetapi keluarganya lahir dan tinggal di sini. Saya ingin memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat dari Mata Kuching iaitu Kerajaan memang sedar atas perkara ini dan bersimpati atas peri kemanusiaan. Sekiranya ada kes-kes seperti itu Ahli Yang Berhormat berhak membawa kepada saya dan saya akan timbangkan di atas peri kemanusiaan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor ada membuat beberapa cadangan, satu daripadanya beliau berkata ramai sangat pegawai-pegawai tinggi (top heavy) dan tidak cukup field officers. Saya tidak bersetuju dengan pandangan itu, tetapi kalau beliau mengatakan bahawa pemeriksaan-pemeriksaan yang telah dijalankan oleh Pegawai-pegawai Buruh ke tempat-tempat pekerjaan tidak mencukupi itu mungkin terjadi kerana tempat pekerjaan sentiasa bertambah tiap-tiap hari dan Pegawai-pegawai Buruh yang ada dalam pejabat-pejabat memang tidak dapat membuat lawatan dan pemeriksaan tiap-tiap hari. Walau bagaimanapun, kami akan cuba dengan seberapa boleh melebihi pemeriksaan kepada tempat-tempat pekerjaan. Beliau telah juga mengambil beberapa contoh berkenaan dengan sub-standard houses di estet, kes Encik Kua Chee Peng, right of workers, berkenaan hak pekerja untuk masuk kesatuan dan pihak majikan mesti menerangkan kepada pekerja-pekerja. Kes-kes seperti ini cukup rumit khasnya berkenaan kes Kua Chee Peng dan right of workers to be informed by majikan dan ada juga yang telah dijawabkan dalam Dewan ini, jadi tidak payahlah saya ulangkan di Dewan ini. Sekiranya Ahli Yang Berhormat berkehendakkan keterangan yang lebih lanjut saya sedia menjemput Ahli Yang Berhormat pada bila-bila masa pun untuk berbincang di atas perkara ini supaya saya tidak membuang masa Dewan ini.

Cadangan berkenaan dengan profit sharing, Kerajaan memang menggalakkan prinsip itu

tetapi untuk menggalakkan lebih ramai penanam-penanam modal menanam modal di negeri ini supaya kita dapat perkembangan peluang pekerjaan, ini kami tidak memaksa. Kami memang menggalakkan.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat mencadangkan supaya memberi peluang kepada bekas-bekas perajurit untuk mendapat pekerjaan. Kami akan timbangkan perkara ini. Beliau juga berpendapat supaya had umur tidak dihadkan. Saya ingin memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat dari Tumpat iaitu kami dari Kementerian Buruh dan Tenaga Rayat cuma menolong mencari pekerjaan untuk pekerja-pekerja yang tidak mempunyai pekerjaan dan syarat-syarat untuk bekerja bukanlah terhad kepada Kementerian saya, tetapi terhad kepada majikan-majikan masing-masing. Kadang-kadang ada majikan-majikan yang menghadkan umur sebaliknya iaitu misalnya berkehendakkan kepada orang-orang yang mempunyai umur lebih daripada 40 tahun atau lebih daripada 50 tahun dan sebagainya. Itu terpujanglah kepada majikan-majikan yang hendak mengupah pekerja-pekerja.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah mencabar saya untuk membuktikan bahawa Kerajaan tidak anti-buruh. Cabaran seperti itu adalah perkara biasa dari satu politician yang membangkang, oleh itu tidak payahlah saya menerima cabaran yang seperti itu. Beliau berkata kalau Kerajaan tidak anti-buruh beliau mencabar supaya saya mengeluarkan satu undang-undang supaya kita memaksa semua pekerja-pekerja menjadi ahli persatuan. Kami telah terangkan perkara ini di Dewan ini beberapa kali iaitu kami berpegang teguh atas prinsip demokrasi berparlimen, prinsip freedom of association. Atas prinsip itu kami tidak boleh memaksa sesiapa pun masuk kesatuan atau tidak masuk kesatuan. Bagaimana pula kalau kami cadangkan satu undang-undang yang memaksa semua Ahli DAP masuk ke National Front. Kalau cadangan beliau itu patut maka cadangan kita mengadakan undang-undang memaksa semua ahli parti Pembangkang masuk parti Kerajaan pun patut juga. Kalau cadangan itu tidak patut maka cadangan beliau itupun tidak patut juga. Jadi, tidak payahlah saya menjawab lebih lanjut di atas perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Selangor, saya mengucapkan terima kasih kepada

beliau dan cadangan-cadangannya akan diambil ingatan, jika perlu kami akan laksanakan.

Akhirnya, cadangan dari Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput untuk menghapuskan sistem konterek. Ini memang satu perkara yang sedang berlaku dari semasa ke semasa dan telah dikemukakan oleh pemimpin kesatuan sekerja dan tokoh politik dari semasa ke semasa. Sebab itu, saya telah menubuhkan satu Jawatankuasa dan ahli-ahlinya terdiri daripada ahli-ahli kesatuan, wakil-wakil kesatuan dan wakil-wakil majikan serta wakil dari Kementerian saya supaya mengkaji perkara sistem konterek ini dengan sedalam-dalamnya dan memberi syor kepada Kerajaan samada boleh kita membaiki keadaan yang ada sekarang ini.

Berkenaan kes-kes yang lain, saya akan ambil perhatian dan jika perlu akan dipertimbangkan cadangan tersebut.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$17,049,000 untuk Kepala B. 46 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$637,557 untuk Kepala P. 46 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Sementara 1976.

Kepala B. 47 dan B. 48

Kepala P. 47 dan P. 48—

5.22 ptg.

Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Pengerusi, saya kemukakan Anggaran-anggaran Belanjawan Mengurus dan Pembangunan bagi Kementerian Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan dan Ajensi-ajensi serta Jabatan yang termasuk di bawah tanggungjawab Kementerian ini iaitu Kepala B. 47, Kepala P. 47, Kepala B. 48 dan Kepala P. 48.

Anggaran di bawah Kepala B. 47 berjumlah \$4,281,700 ialah untuk perbelanjaan mengurus dan jumlah ini akan dibahagikan kepada Instituit Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia sebanyak \$3,367,100; kepada Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail sebanyak \$186,100 dan bakinya sebanyak \$728,500 kepada Kementerian sendiri.

Anggaran pembangunan di bawah Kepala P. 47 sebanyak \$84,779,370 akan dibahagikan seperti berikut:

(a)	\$381,000 ialah untuk Instituit Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia. Daripada jumlah ini sebanyak \$350,000 akan dibelanjakan untuk tapak tanah Ibu Pejabat Instituit tersebut dan baki sebanyak \$31,000 untuk mengadakan alat-alat kelengkapan Instituit itu;	
(b)	\$10 sebagai Vot "Token" diadakan untuk projek pembinaan Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail;	
(c)	\$77,898,360 ialah untuk Lembaga Letrik Negara. Daripada jumlah ini sebanyak \$5,200,000 akan dibelanjakan untuk Rancangan Bekalan Letrik Luarbandar dan baki sebanyak \$72,698,360 akan dibelanjakan untuk pembinaan stesyen-stesyen Janaletrik seperti berikut:	
(i)	Sambungan Port Dickson dan Prai	\$ 748,300
(ii)	Kemajuan Temenggor Peringkat I	71,950,000
(iii)	Kemajuan Letrik Haidro Ulu Perak, Peringkat I (Vot "Token")	10
(iv)	Kemajuan Janaletrik Selatan Tanah Melayu (Vot "Token")	10
(v)	Kawat hubungan letrik dengan Stesyen Janaletrik Port Dickson, Peringkat III (Vot "Token")	10
(vi)	Stesyen Janaletrik, Port Dickson, Peringkat III (Vot "Token")	10
(vii)	Kawat hubungan letrik dengan Temenggor (Vot "Token")	10
(viii)	Projek-projek membekal dan lain-lain (Vot "Token")	10
	JUMLAH	\$72,698,360

(d) \$3,200,000 ialah untuk Perbadanan Bekalan Letrik, Sarawak. Daripada jumlah ini sebanyak \$200,000 akan dibelanjakan untuk Rancangan Bekalan Letrik Luarbandar Negeri Sarawak;

(e) \$3,300,000 ialah untuk Lembaga Letrik Sabah. Daripada jumlah ini sebanyak \$300,000 akan dibelanjakan untuk Rancangan Bekalan Letrik Luarbandar Negeri Sabah.

Jabatan Kimia sebaliknya mempunyai peruntukan yang berasingan, iaitu, di bawah Kepala B. 48 berjumlah \$3,000,000 untuk perbelanjaan mengurus dan di bawah Kepala P. 48 sebanyak \$159,610 untuk perbelanjaan pembangunan. Daripada jumlah \$159,610 iaitu perbelanjaan pembangunan di bawah Kepala P. 48, sebanyak \$125,000 akan dibelanjakan untuk membeli alat-alat dan kelengkapan bagi makmal Jabatan Kimia di Sabah dan bakinya sebanyak \$34,600 akan digunakan untuk pembayaran akhir untuk pembinaan bangunan makmal jabatan itu di Sabah.

Oleh kerana segala keterangan yang perlu adalah terkandung dalam dokumen-dokumen berkenaan yang telah dikemukakan, maka saya rasa tidaklah payah bagi saya memberi penjelasan yang lanjut lagi dan dengan ini saya berharap kelulusan akan diberi kepada Anggaran-anggaran Belanjawan Mengurus dan Pembangunan untuk Kementerian dan Ajensi-ajensi serta Jabatan di bawah tanggungjawab ini iaitu Kepala B. 47, Kepala P. 47, Kepala B. 48 dan Kepala P. 48.

5.26 ptg.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Pengerusi, saya bangun memberikan sokongan kepada Bekalan Perbelanjaan Kementerian Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan. Didapati di sini mengikut Kepala P. 47, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian kerana pembangunannya nampaknya telah bertambah, tetapi apabila dikaji Belanja Mengurus muka surat 519 iaitu tidak ada peruntukan lagi dalam tahun 1976 di Instituti Penyelidikan Sains dan Perusahaan Negara. Begitu juga tidak ada peruntukan kepada Pusat Piawaian Malaysia dan Kaji Teknik Makanan. Saya hendak bertanya kepada Menteri berkenaan, tanpa peruntukan bagi tahun 1976 ini adakah jabatan-jabatan berkenaan kurang bergerak ataupun tidak akan bergerak lagi.

Tuan Pengerusi, saya menitikberatkan Instituti Penyelidikan Sains dan Perusahaan Negara kerana pada satu ketika dahulu saya terbaca dalam suatu siaran akhbar yang mana Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan ada mengisytiharkan iaitu dalam negara kita ini akan berikhtiar bagaimana hendak mencari satu tenaga baru menggunakan kuasa daripada cahaya matahari. Ada-

kah penyelidikan itu boleh diusahakan di dalam negara kita memandangkan negara kita ini berhawa panas dan banyak mendapat cahaya matahari? Satu lagi Tuan Pengerusi, masalah Kaji Teknik Makanan. Kita semua tahu dalam negara kita banyak bahan-bahan makanan, tetapi makanan-makanan ini tidak diproses dengan sempurna dan tidak dapat diekspot dengan cara yang boleh disimpan lama (preservation), dan beberapa banyak lagi bahan-bahan makanan akan dikeluarkan oleh badan-badan swasta, mutunya tidak tinggi seperti yang diharapkan. Saya berharap Bahagian Kaji Teknik Makanan ini dapat diperluaskan dengan sepatutnya segala bahan-bahan mentah makanan dalam negara kita ini dapat disimpan dengan sempurna. Saya percaya dengan cara begini juga kalau diproses atau disimpan dalam tin kita boleh mengawal atau menguasai harga turun naik barang-barang makanan daripada satu masa ke satu masa yang mana kita dapati, terutama harga buah-buahan yang dikeluarkan daripada kampung harganya murah, dan apabila sampai ke pekan harganya tinggi dan buah-buahan ini adalah seasonal atau bermusim. Ada satu ketikanya bila tidak ada musim tidak dapat lagi rakyat negara ini memakan buah-buahan yang tersebut. Apa salahnya Kementerian yang berkenaan menitikberatkan perkara kajiteknik makanan ini supaya buah-buahan kita sentiasa dapat dinikmati sepanjang tahun walaupun jenis buah-buahan itu cuma dikeluarkan pada satu-satu musim sahaja.

Dalam perkara ini juga Instituti Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian ini saya terperanjat di sini ada peruntukannya, muka surat 523, Kepala B. 47 juga, iaitu Belanja Mengurus nampaknya antara tahun 1976 dengan tahun 1975 berkurangan sejumlah \$1,760,200 walhal saya percaya negara kita sedang membangun dan menitikberatkan pembangunan industri-industri dan instituti ini memainkan peranan yang penting untuk menentukan mutu-mutu bahan keluaran industri yang ada di dalam negara kita. Sebagai satu contoh, untuk mengetahui mutu-mutu pengeluaran-pengeluaran yang ada dalam negara kita ini selalunya kalau dihantar keluar negeri atau untuk diekspot, negara-negara asing memandang rendah. Adakah ini boleh jadi kerana jabatan dalam negara kita ini tidak mempunyai satu jenis alat ujian (equipment testing) yang mempunyai standard antarabangsa. Saya berharap

Kementerian ini menitikberatkan perkara penentuan mutu keluaran bahan-bahan yang dikeluarkan melalui industri-industri yang ada di dalam negara kita.

Saya menitikberatkan dalam perkara ini kerana saya dapati beberapa badan swasta yang menjalankan perusahaan dalam negara ini apabila hendak mengeksport barang-barang yang dibuat di dalam negara kita enggan menaruh label "Made in Malaysia" (Dibuat di Malaysia) pada satu ketika dahulu kerana mereka berpendapat daripada segi kajian pasaran di negara-negara lain apabila ada perkataan "Made in Malaysia" itu mereka tidak mahu beli. Inilah perkara yang berlaku melalui pengalaman saya pada suatu pihak swasta yang mana saya sendiri menjadi Setiausaha Syarikat pada ketika itu. Di sini menunjukkan bahawa negara kita walaupun Kerajaan telah berikhtiar mengajak pelabur-pelabur tetapi apabila perusahaan-perusahaan bahan-bahan yang dikeluarkan daripada negara kita ini belum lagi mendapat perhatian dan kepercayaan penuh daripada negara-negara asing dan saya berharap Kementerian ini akan membuat kajian-kajian yang tertentu supaya mutu bahan-bahan keluaran negara kita terjamin dan Kementerian ini mempunyai alat-alat yang lengkap untuk menguji mutu-mutu keluaran bahan-bahan perindustrian kerana pada hari ini kita lihat dalam akhbar-akhbar yang dikeluarkan oleh badan-badan pengguna—Consumers' Association Newsletter, menunjukkan bagaimana orang ramai tertipu. Misalnya, satu barang tambahan atau gantian kepada sebuah motokar yang kalau dikaji buatannya daripada plastik, harganya cuma 50 sen tetapi apabila dijual kepada pasaran orang ramai berharga sampai \$15-\$20. Saya rasa ini adalah menjadi tanggungjawab Kementerian ini di bawah Institusi Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia. Saya percaya pada hari ini orang ramai mengharap Kerajaan kita bersungguh-sungguh supaya mereka tidak tertipu oleh badan swasta yang unscrupulous, yang memikirkan motivation mereka hendak mencari keuntungan sahaja, terutamanya sekali kita takut kepada swasta-swasta yang telah diberi taraf perintis (pioneer status) di dalam negara kita ini.

Itulah harapan saya dalam dua-tiga perkara tetapi saya menyokong penuh supaya Kementerian ini membuat kajian. Sekarang

ini kita mendapat kesusahan mengenai masaalah bekalan letrik memperhebatkan kajian bagaimana dalam negara kita ini boleh menggunakan kuasa matahari untuk mendapatkan kuasa letrik.

5.36 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan di bawah Kepala B. 47 dan B. 48 yang berjumlah \$92,220,680.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh Kepala P. 47, Pecahan-kepala 11—Bekalan Letrik Luar Bandar. Saya suka menyatakan bekalan letrik luar bandar ini sangatlah lembab, entah mengapa saya tidak tahu. Bila kita bertanya kepada pegawai-pegawai yang berkenaan, mereka mengatakan peruntukan tidak ada, tetapi rakyat kita di luar bandar telah menerima kemerdekaan hampir 18 tahun. Nasib mereka masih terbiar lagi dengan anak-anak mereka tidak dapat membaca buku-buku dengan begitu terang, tidak sebagaimana rakyat di dalam bandar.

Tuan Pengerusi, saya suka mengatakan di sini apabila kita mengenangkan nasib rakyat yang tinggal di luar bandar dengan gelap-gelita itu mungkin mereka tidaklah begitu puas hati kepada Kerajaan, khasnya kepada Kementerian Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan ini. Dengan sebab itu, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan di atas satu surat yang telah saya hantar tempoh hari dan surat itu saya terlupa bawa di sini dan di situ Yang Berhormat Menteri ada mengatakan, doa sahajalah, mudah-mudahan kita dapat peruntukan yang lebih dan dalam kawasan-kawasan yang tertentu akan mendapat bekalan-bekalan letrik. Tetapi sampai sekarang ini, pada hari yang mulia dan di dalam Dewan yang mulia ini kita telah dapat meluluskan peruntukan yang diminta oleh Kementerian ini sebanyak beberapa juta ringgit. Saya harap mukim-mukim dan kampung-kampung sebagaimana di dalam kawasan yang berkenaan seperti di Wak Siam, Kampung Pokok Asam, Pinang Tunggal, Bukit Petai, Batu Lintang, Mukim Simpol dan banyak lagi mukim-mukim yang berdekatan yang tidak ada bekalan letrik. Dengan peruntukan yang banyak ini yang telah diperuntukkan di bawah Pecahan-kepala 11 yang berjumlah \$26,200,000 dan

Pecahan-kepala 11 (A) Pembinaan dan Pengambilan Tanah yang berjumlah \$5,200,000. Dengan peruntukan yang sebegini saya harap di dalam kawasan-kawasan yang telah ditentukan yang telahpun diberi ketutamaan patutlah diberi penyelenggaraan ini.

Saya suka juga berterus-terang di sini baru-baru ini selepas pilihanraya kecil bagi kawasan Merbok. Selepas sahaja pilihanraya di situ bekalan letrik dibawa ke sana dan tempat-tempat yang kita telah beri ketutamaan dalam tahun 1973/1974 rasa terkejut apabila mereka tahu selepas pilihanraya kecil itu bekalan ini dibawa ke sana. Mereka berkata ataupun mereka sangka mungkin peruntukan mereka dibawa ke sana. Saya harap bila rakyat di kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi ternanti-nanti dengan kelulusan yang kita akan beri kepada Kementerian Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan ini dapat Yang Berhormat Menteri memberi pertimbangan.

5.40 ptg.

Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak):

Tuan Pengerusi, saya turut sama menyokong permohonan daripada Kementerian yang berkenaan, tetapi pada pandangan saya peruntukan yang diminta ini tentulah tidak cukup, kerana apa yang kita ketahui biasanya bila peringkat daerah berkehendakkan kewangan untuk membiayai sesuatu projek, selalulah kedapatan yang jawabnya wang tidak ada. Jadi saya harap pada peruntukan Anggaran Belanjawan Sementara ini pada masa yang akan datang patut dilebihkan lagi.

Apa yang menjadi sungutan di mana-mana juga terutama di luar-luar bandar iaitu biasanya pemasangan dawaian letrik hanya di bahagian depan sahaja dan di bahagian hala ke dalam ke kampung tidak dipasang yang mana ada pula setengah tempat kebelya sahaja lalu ikut bawah kemudian naik pula kepada satu kampung yang lain. Jadi penduduk-penduduk menganggap mengapa pula kebelya ini lalu ikut bawah, tidak nampakkah yang kami di sini ada mempunyai penduduk juga. Jadi seolah-olah kawasan-kawasan yang tertentu ini menganggapkan mereka ini sebagai di-anaktirikan. Dan lebih anih lagi, di satu kawasan di Mukim Pulau Tiga iaitu di sebelah utara ada, di sebelah selatan ada, di sebelah tengah-tengahnya tidak ada. Jadi

padahal penduduk di kawasan ini lebih bilangan di sebelah utara daripada yang di sebelah selatan. Walaupun telah dikemukakan di kawasan ini pada peringkat daerah mereka menyatakan kawasan ini adalah ditadbirkan oleh K.E.D. (Kinta Electrical Distributor) jadi kalau K.E.D. sudah tidak lalu rasanya, benar-benar sudah tidak sanggup angkat sahajalah bendera, beri kepada L.L.N. Saya rasa tentulah pihak Lembaga Letrik Negara dengan tangan terbuka menerima untuk melanjutkan usaha untuk memasang bekalan letrik ke kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit lagi berkenaan dengan B. 47, Pecahan-kepala 1100 muka surat 337 iaitu Pentadbiran yang mana pendek kata di kawasan saya pada keseluruhannya lebih banyak tempat-tempat tersebut telah digunakan oleh pihak pemasangan bekalan letrik iaitu untuk talian atas menyeberang ke kawasan ini menuju hala ke Lumut. Mengikut ceritanya bekalan ini akan melalui kampung-kampung tersebut dan di kampung-kampung ini biasanya yang dilalui itu akan mendapat wang pampasan pengambilan tanah. Tetapi yang mendukacitakan mereka nilaian yang diberikan adalah terlalu rendah dan tidak sesuai. Walaupun mereka telah merayu beberapa kali kepada pihak yang berkenaan, kepada Pejabat Tanah dan sebagainya, tetapi hendak tidak hendak tandatangan sahajalah, terimalah duit. Tetapi yang anihnya lagi satu-satu kawasan ini pihak Pengurus Kawasan panggil mereka yang terlibat ini ke pejabat untuk menerima wang. Kejadian ini berlaku pada bulan Puasa yang sudah, dipanggillah dengan ramainya, selepas itu ditemuduga pula semula sehinggalah sampai hampir waktu Maghrib ada lagi orang tua-tua yang masih lagi menunggu tetapi setelah ditegur pihak Pengurus Kawasan telah dapat menjalankan dengan memanggil satu hari 20 orang hingga 30 orang, tidaklah sampai 70 atau 80 orang. Jadi kejadian-kejadian seumpama ini saya rasa tentulah tidak akan berulang lagi.

Selain daripada itu, saya menyentuh P. 47, Pecahan-kepala 11 seperti yang disebutkan oleh Ahli dari Sungai Petani tadi yakni pihak Ibu Pejabat Lembaga Letrik Negara apa yang telah dirancang dapat kiranya menyampaikan peruntukan-peruntukan yang tertentu untuk melanjutkan beberapa

projek ekoran yang masih lagi tertinggal yang sangat-sangat diharapkan. Begitu juga apa yang diharapkan oleh penduduk-penduduk yang mana kawasan-kawasan mereka yang dilalui oleh talian besar dapat kiranya diturunkan voltagenya dan dapat dibekalkan kepada kampung-kampung mereka dan boleh mereka gunakan seperti yang diperoleh oleh mereka yang ada di tempat-tempat lain yang mendapat bekalan letrik. Jadi tidaklah ada anggapan pihak rakyat di kampung, kami ini cuma boleh tengok tiang dengan dawai sahaja sedangkan cahayanya kami tidak dapat. Jadi, saya harap pihak Lembaga Letrik Negara atau Kementerian yang berkenaan dapat menimbangakan dengan sebaik-baiknya supaya semua mereka yang berkehendakkan mendapat bekalan.

5.46 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya bercakap berkenaan dengan Pecahan-kepala 1, muka surat 340 berkenaan dengan (1) Instituti Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan selain daripada menyelidik apa-apa yang ada di luar bandar, saya berharap sangatlah bahan-bahan daripada luar bandar patut diutamakan kerana dengan adanya bahan-bahan yang dapat daripada luar bandar, maka dengan sendirinya menambahkan pendapatan orang-orang yang di luar-luar bandar.

Tuan Pengerusi, pada satu ketika saya dengan rombongan Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar Perlis dan semua Wakil-wakil Rakyat melawat ke Pulau Pinang dan dibawa saya pula bersama di Mak Mandin kalau tidak silap saya, tengok berbagai-bagai kilang. Tetapi yang sangat menarik perhatian saya ialah Kilang Ulut yang dibuat daripada jerami. Jadi, kata pengurus yang berkenaan, kilang ataupun industri ini memakan belanja tidak kurang \$100,000 lebih, jadi banyakkah jerami-jerami yang akan digunakan. Jadi, saya berharap sangatlah bahan-bahan yang macam ini alangkah bahagiannya penduduk-penduduk di luar bandar kalau dapat digunakan. Begitu juga saya masih teringat yang saya agak Tuan Pengerusi juga bersama-sama dengan saya dan rombongan rombongan lain kita bersama-sama melawat

di Port Klang. Salah satu yang menarik perhatian saya, salah satu bahan tempatan juga iaitu kayu diproses dijadikan habuk kemudian kayu ini dihantar ke luar negeri dibawa balik selepas diproses. Saya berpendapat perkara-perkara yang macam ini masih banyak dalam kampung atau luar bandar iaitu dua perkara yang saya sendiri tengok dengan mata saya sendiri. Tentu saya berpendapat ada dalam Kementerian ini banyak lagi pakar-pakar yang dapat mengkaji segala bahan-bahan. Jadi bahan-bahan seperti yang saya maksudkan tadi haraplah disiasat lagi, dengan ini menambahkan lagi pendapatan negara khususnya penduduk-penduduk di luar bandar.

Saya amat dukacita, kerana ada daripada industri-industri yang ada dalam Malaysia kita hari ini masih menggunakan bahan-bahan luar daripada Malaysia sedangkan bahan-bahan yang ada dalam Malaysia ataupun bahan tempatan tidak mahu digunakan. Kalau tidak silap saya kilang "Good Year" salah satu daripada kilang pembuat tayar masih menggunakan getah tiruan sedangkan getah kita dalam Malaysia pun masih banyak yang kita terpaksa mencari pasaran dan berbagai-bagai lagi. Dengan sebab itu, saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan untuk berurusan dengan pihak Menteri yang bertanggungjawab kalaulah ada bahan-bahan yang berpatutan, yang patut dibuat oleh industri tiba-tiba tidak mahu diambil bahkan hendak diambil juga bahan-bahan yang luar daripada tempatan patutlah dikenakan cukai-cukai yang tinggi ataupun ditahan langsung supaya membanyakkan bahan tempatan boleh digunakan untuk industri-industri.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Kepala P. 47, Pecahan-kepala 11 berkenaan dengan Bekalan Letrik Luar Bandar. Negeri Perlis adalah sebuah negeri yang kecil, Tuan Pengerusi pun tahu dan banyak rakan-rakan saya telah bercakap. Kadang-kadang yang kecil inipun masalah, kerana banyak sangat ataupun dekat mudah di pandang. Sebagaimana kata rakan saya Yang Berhormat dari Hilir Perak tadi, Perlis lagi merupakan masalah. Manusia ini, Tuan Pengerusi, kalau benda itu jauh, tidak menjadi halangan. Saya contohkan sebagai bulan puasa, saya selalu mengatakan samada di kampung ataupun di ceramah-ceramah, kita berpuasa daripada pukul 5.00 pagi sampai pukul 4.30 ataupun pukul 5.00 petang tidak menjadi masalah,

tetapi bila hampir hendak berbuka puasa dia lapar. Bila sampai waktu itu semua duduk hendak tunggu hidangan, ini adat kepada manusia. Begitu juga perkara lain, saya yakin Tuan Pengerusi pun bersetuju dengan saya, kalau jauh tidak menjadi halangan tetapi bila sampai kepada keadaan hendak "boleh" dengan "tidak boleh", dia datang satu perasaan yang lain. Sebab itulah oleh kerana Negeri Perlis ini sebuah negeri yang kecil, ada satu tempat kampung "A" misalnya ada, kampung "B" tidak ada. Penduduk di kampung "A" mengatakan Kerajaan ini zalim: "Mengapa kampung aku ini tidak diberi tetapi kampung "B" diberi." Kadang-kadang yang anihnya seperti kata kawan saya tadi, ada setengah di jalan, satu jalan lain, yang satu ikut jalan lain. Ada tiga buah kampung; kampung "A" saya katakanlah cara tepat datang melalui Jalan Santan. Kampung "B" datang ikut Jalan Paya. Jadi tiga kampung yang ada tadi, kampung "A" dapat letrik, kampung "B" yang ditengah tidak dapat dan kampung "C" di hujung dapat. Pergi ke sebelah utara ada api, datang ke sebelah selatan tidak ada api, bahkan tidak lebih daripada setengah batu, jadi mereka tuduh Kerajaan kita kejam. Wallhal benda ini munasabah. Dengan sebab itu, Tuan Pengerusi, saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan khasnya kepada Yang Berhormat Menteri yang saya percaya baik budi dan penuh keimanan oleh sebab Negeri Perlis ini sangat kecil, tolonglah buat gerakan istimewa bagi memenuhi api dalam negeri Perlis. Jadi, saya ingat negeri lain tidak dengki kepada negeri Perlis yang dipandang negeri yang adik sekali, negeri yang paling kecil di sebelah utara, kalau dipasang di seluruh negeri Perlis pun saya ingat tidak begitu banyak perbelanjaannya.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat dan saya hairan mengapa api kita tidak boleh diadakan kerana api ini pada pendapat saya bukanlah rugi. Saya pandang dua sebab, tiap-tiap orang yang hendak pasang letrik bukan free. Daripada mula pasang alat-alat, sayapun tidak tahu hendak sebutkan satu persatu; dia kena bayar wang. Pada tiap-tiap bulan dia kena bayar wang lagi. Sebagai buktinya Lembaga Letrik Negara kaya. Tiap-tiap tahun memberi bantuan sana-sini. Apakah sebabnya benda ini tidak boleh dibuat. Jadi, saya rasa cukup ajaib; maafilah kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang cukup baik itu. Saya berpen-

dapat tidak patutlah benda ini ditangguh lama lagi. Saya hairan satu lagi iaitu kontrek dengan letrik. Daripada Bagan Serai kalau tidak silap saya sampai ke utara hanya satu. Sayapun tidak tahu, kalau hendak salahkan Yang Berhormat Menteri, Menteri akan kata bukan dilarang awak tidak boleh masuk, semua orang boleh jadi kontrektor. Jadi, saya pun tidak mengerti atas perkara ini, Tuan Pengerusi. Saya berharap dengan kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tolonglah ikhtiarkan perkara ini supaya api letrik yang diminta oleh orang kampung di luar bandar itu diberikan. Kalau perkara api ini Tuan Pengerusi percaya dengan saya kalau ketika berceramah di luar bandar di mana pun perkara letrik ini dibangkitkan. Di mana kita pergi pun perkara letrik ini dibangkitkan, ini satu masalah besar. Jadi, saya berharaplah kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan tolonglah ambil daya-usaha yang sungguh-sungguh kerana seperti mana saya katakan tadi, bukanlah kita mendapat kerugian bahkan benda ini tiap-tiap kita buat itu mendapat wang.

Tuan Pengerusi, saya juga hairan, Kerajaan memberi arahan supaya menjimatkan api letrik. Betullah kerana letrik kita tidak cukup, kadang-kadang orang yang pakai TV tidak dapat hendak tengok, cahayanya baik tetapi letrik tidak cukup, tetapi yang anihnya, orang-orang di bandar-bandar tidak menjimatkan letrik. Mengapa saya kata tidak berjimat? Pada pukul 6.00 petang sudah dipasang letrik sedangkan pukul 6.00 petang matahari belum jatuh lagi. Kemudian sampai pukul 6.30 pagi esok masih ada lagi api letrik, matahari sudah naik, sedangkan cahaya yang diberi oleh Tuhan lebih terang tetapi masih ada letrik, ini membazir. Kalau ikut dari segi ugama, saya percaya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bersetuju dengan saya, ini sudah berdosa besar. Kita suruh orang kampung menjimatkan letrik sedangkan di pejabat-pejabat ataupun di bandar-bandar sudah memasang letrik sedangkan matahari masih ada lagi. Dengan sebab itu, saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan supaya syor saya sebagai Wakil rakyat Kangar dan sebagai wakil penduduk-penduduk kampung, diambil perhatian berat oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan walaupun Yang Berhormat Menteri akan menjawab 1001 macam masalah, beliau pun ada masalah. Tetapi

masaalah penduduk-penduduk ini saya merayu sangat supaya dapat diatasi sebolehnya pada tahun akan datang.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.57 ptg.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih atas teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya akan menjawab seberapa ringkas.

Yang pertama, kepada saudara saya Yang Berhormat dari Kangar, Perlis berkenaan dengan bekalan letrik di luar bandar dan juga saudara saya Yang Berhormat yang lain yang telah menyebutkan perkara yang sama. Sebagai makluman kepada Ahli-ahli Yang Berhormat itu bekalan letrik luar bandar ini memakan belanja yang besar dan ini tidak memberi keuntungan kepada Lembaga Letrik Negara ataupun kepada Kerajaan oleh sebab perbelanjaan yang besar. Dari segi pendapatannya sungguhpun orang-orang kampung atau pengguna-pengguna membayar tiap-tiap bulan untuk kegunaan kuasa letrik itu, tetapi itu tidak mencukupi dengan wang perbelanjaan yang ditanggung oleh Lembaga Letrik Negara. Dengan sebab itu, ada satu perkiraan antara tiga pihak iaitu sebagai saya telah memaklumkan pada masa-masa yang lepas dalam soal-jawab dan juga dalam percakapan saya di dalam Dewan ini di masa-masa yang lepas iaitu perbelanjaan bekalan letrik luar bandar ini dengan sebab harganya tinggi, maka dibiayai oleh tiga pihak iaitu satu pertiga dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri, satu pertiga oleh Kerajaan Pusat dan satu pertiga lagi oleh Lembaga Letrik Negara.

Saya juga telah maklumkan di masa-masa yang lepas iaitu yang menentukan kawasan mana yang patut dibuat dahulu atau dilaksanakan dahulu itu akan ditentukan oleh Jawatankuasa Tindakan Negeri iaitu Kerajaan Negeri oleh sebab Kerajaan Negeri membelanjakan satu pertiga. Bagi Negeri Perlis bagi makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Pusat telahpun memberi keistimewaan kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain, kerana Kerajaan Perlis tidak payah membayar peruntukan satu pertiga itu, oleh sebab Kerajaan Pusat memang

sedar bahawa Perlis ini adalah sebuah negeri yang kecil dan tidak ada banyak hasil, maka peruntukan dua pertiga dibiayai oleh Kerajaan Pusat, satu pertiga oleh Lembaga Letrik Negara. Ini adalah satu keistimewaan yang besar, negeri-negeri lain tidak dapat. Dengan sebab itu, saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Kangar patut mengucapkan syukur di atas pemberian ini.

Kita memang ada banyak lagi kampung-kampung seumpama Negeri Perlis sungguhpun kecil banyak lagi kampung-kampung yang tidak dapat bekalan letrik tetapi Kerajaan akan berikhtiar seberapa boleh supaya negeri-negeri lain dalam Malaysia ini akan mendapat bekalan letrik luar bandar, tetapi itu bergantunglah kepada kewangan negara. Bagi tahun ini sebagaimana ucapan saya dalam masa saya mengemukakan Belanjaan ini iaitu kita ada \$5 juta lebih bagi tahun 1976 untuk bekalan letrik. Saya minta kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat supaya mana-mana kawasan yang disebutkan yang ketinggalan misalnya, kampung kiri-kanan ada tetapi di tengah tidak ada, diharapkan berhubung dengan Pegawai Daerah masing-masing bagi menentukan samada kampung ini telah dimasukkan dalam rancangan tahun 1976 ataupun 1977 dan sebagainya. Sesudah itu diminta supaya Ahli Yang Berhormat berhubung dengan Pegawai Kemajuan Negeri menentukan samada sudahpun ditentukan keutamaannya oleh Jawatankuasa Tindakan Negeri.

Memang ada arahan daripada Kementerian saya bahkan daripada Kerajaan Pusat supaya mana-mana kampung yang tertinggal itu patut diberi keutamaan. Tetapi sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum seperti Yang Berhormat dari Hilir Perak menyatakan ada wayar voltage tinggi lalu di depan kampungnya tetapi kampung itu tidak dapat bekalan. Untuk hendak menurun atau merendahkan kuasa itu memakan belanja yang besar kerana kena mengadakan stesyen kecil dan dengan itu terpaksa Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat berikhtiar mendapatkan peruntukan perbelanjaan bagi mengadakan stesyen kecil itu. Maka dengan sebab itulah kadang-kadang kita nampak kampung di tengah itu tidak dapat bekalan letrik sungguhpun wayar ada di atas atau di depan kampung itu. Walau bagaimanapun, diharapkan Ahli Yang Berhormat berkenaan berhubung dengan Pegawai Daerah dan seterusnya Pegawai Kemajuan Negeri dan

Jawatankuasa Tindakan Negeri bagi menentukan kampung-kampung yang tertinggal itu dimasukkan bekalan letrik. Kalau tidak dimasukkan dalam rancangan 1976 pun, kita berharap akan dimasukkan dalam tahun 1977, bahkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang akan datang.

Bagi menjawab perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak, suka saya menyatakan iaitu badan tersebut yang tidak ada di dalam peruntukan atau yang tinggal kosong iaitu SIRIM dan SIM yang tidak termasuk dalam anggaran tahun ini ialah sebab kedua-dua badan ini telah dicantumkan menjadi satu iaitu SIRIM. Jadi, peruntukan kedua-dua badan ini dimasukkan ke dalam SIRIM. Jadi, dengan sebab percantuman ini diharap kita dapat menjimatkan tenaga manusia dan juga alat-alatan.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat dari Setapak, Jabatan Kajiteknik Makanan sebagaimana dinyatakan dalam dokumen Anggaran Belanjawan 1976, sebenarnya sekarang ini di bawah Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar. Kalau saya tidak salah ada peruntukannya di bawah Kepala B. 17.

Berkenaan dengan alatan-alatan pengujian barang-barang keluaran kilang atau perusahaan dalam negara kita atau luar negeri yang masuk ke negara kita, memang alat-alat yang cukup telahpun ada dalam Perbadanan SIRIM. Dahulu Perbadanan SIM, sekarang di masukkan ke dalam SIRIM. Memang ada alat-alat pengujian yang mencukupi dan yang moden dan bagi makluman iaitu sejak beberapa tahun yang lepas setakat ini terdapat sebanyak 97 pengilang yang diliputi oleh sekim piawaian ini. Sebanyak 39 lesen telah dikeluarkan untuk menggunakan tanda piawaian SIM (SIM Standard) ini sebagai jaminan mutu yang bebas ke atas barang-barang keluarannya, iaitu mutu yang baik. Barang-barang yang dibenarkan menggunakan tanda piawaian SIM ini terdiri daripada barang-barang keluaran kimia, bahan kejuruteraan, mekanik, barang-barang keluaran pertanian, makanan, ubat dan juga barang-barang letrik dan elektronik. Barang-barang ini bukan sahaja dijual dalam negara kita bahkan diekspot keluar negeri dan didapati pasarannya sangat baik dengan adanya tanda piawaian SIM (SIM standard) itu. Mutunya adalah serupa dengan mutu

barang-barang keluaran negara-negara yang telah maju. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum barang-barang buatan Malaysia ada dijual di negeri-negeri barat. Setakat ini sebanyak 118 sekim tanda pengesahan telah disedia dan diluluskan untuk kegunaan pengilang-pengilang dan perusahaan-perusahaan.

Bidang penyelidikan Solar Energy seperti yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak adalah memakan belanja yang besar. Memang negara-negara yang telah maju sedang menjalankan kajian seperti ini. Jadi, kita mengikut kajian negara-negara yang maju dan apabila dapat lapuran dan pengesahan bahawa Solar Energy ini dapat dimurahkan maka sudah tentu kita akan menggunakan kemudahan-kemudahan ini pada masa yang akan datang. Tetapi ini akan memakan masa yang agak panjang. Pada hemat dan setahu saya kajian yang sedang dibuat ini boleh mendapat tenaga dari cahaya matahari (solar energy) tetapi memakan belanja yang besar untuk kegunaan di rumah-rumah dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya juga telah menjawab teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani dan mana-mana perkara yang saya tinggalkan saya telah ambil ingatan dan Insya Allah kita akan melaksanakan seberapa banyak yang boleh pada masa yang akan datang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$4,281,700 untuk Kepala B. 47 dan \$3,000,000 untuk Kepala B. 48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$84,779,370 untuk Kepala P. 47 dan \$159,610 untuk Kepala P. 48 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Sementara 1976.

Tuan Pengerusi: Sekarang masuk kepada Bekalan dan Perbelanjaan di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar. Saya menjemput Yang Berhormat Menteri berkenaan berucap.

Kepala B. 49, B. 50, B. 51, B. 52, B. 53 B. 54, dan B. 55 (Jadual)—

Kepala P. 49, P. 52, P. 54 dan P. 55 (Anggaran Pembangunan Sementara, 1976)—

6.07 ptg.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Pengerusi, saya mohon izin Tuan Pengerusi untuk menerangkan Anggaran Belanjawan Mengurus Tahun 1976 untuk Kementerian saya iaitu Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Kepala B. 49) dan juga Jabatan-jabatan di bawah tanggungjawab saya. Jabatan-jabatan itu ialah: Jabatan Perancang Bandar dan Kampung (Kepala B. 50), Jabatan Bomba (Kepala B. 51), Jabatan Arkib dan Perpustakaan Negara (Kepala B. 52), Jabatan Pertahanan Awam (Kepala B. 53), Jabatan Cetak Kerajaan (Kepala B. 54) dan Jabatan Muzium (Kepala B. 55). Saya juga ingin menerangkan secara ringkas Anggaran Belanjawan Pembangunan Tahun 1976 bagi Kementerian saya (Kepala P. 49) dan bagi Jabatan Arkib dan Perpustakaan Negara (Kepala P. 52), Jabatan Cetak Kerajaan (Kepala P. 54) dan Jabatan Muzium (Kepala P. 55).

Jumlah anggaran yang diperlukan untuk Belanja Mengurus ialah \$22,013,300 dan bagi Pembangunan pula ialah \$9,924,070. Anggaran ini ialah untuk maksud-maksud seperti yang terkandung dalam Kertas Perintah Bilangan 34/1975 dan keterangan-keterangan mengenainya terkandung dalam Kertas Perintah Bilangan 35/1975.

Mula-mula saya ingin menerangkan Anggaran Belanja Mengurus.

Kepala B. 49—\$1,626,900—Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar

Untuk tahun 1976, Kepala ini memerlukan belanjawan sebanyak \$1,626,900. Iaitu lebih sebanyak \$675,900 dari perbekalan tahun 1975. Tambahan ini disebabkan oleh kerana pengambilan pegawai-pegawai baru di Bahagian Alam Sekitar. Bahagian Kerajaan Tempatan juga akan bergerak maju dan melipatgandakan aktiviti-aktivitinya dalam tahun 1976 dengan berubahnya corak Kerajaan Tempatan dengan mengstruktur semula Penguasa-penguasa Tempatan.

Kepala B. 50—\$1,163,400—Jabatan Perancang Bandar dan Kampung

Jabatan Perancang Bandar dan Kampung akan menyatukan organisasinya dengan memperkenalkan Rang Undang-undang Perancang Bandar dan Desa 1975. Ini adalah

untuk memberi kesan kepada tujuan-tujuan perkhidmatan pusat-pusat bandar dengan memandangkan polisi urbanisasi Kerajaan.

Salah satu daripada tugas Jabatan ini ialah mengkaji bandar-bandar yang memerlukan perancang dan membantu Jabatan-jabatan Negeri menyediakan pelan-pelan bagi bandar-bandar tersebut.

Dengan perlaksanaan Akta Perancang Bandar dan Desa ini nanti, tugas Jabatan ini adalah dijangkakan lebih giat lagi. Jabatan ini akan menyediakan pelan-pelan struktur dan pelan-pelan tempatan bagi Negeri-negeri yang memerlukan bantuan.

Bagi tahun 1976, kajian Bandar Kajang dan satu bandar lagi akan diteruskan dan juga perkhidmatan kepada Tiga Segi Jengka untuk menyediakan pelan strukturnya.

Jabatan ini juga akan mengkaji pelan-pelan kemajuan perancang wilayah untuk Negeri-negeri Melaka, Perlis, Johor, Trengganu dan kawasan MADA.

Untuk Rancangan Pahang Tenggara, Jabatan ini akan menolong menyediakan pelan-pelan struktur untuk 5 bandar baru dan menyambung rancangan untuk pusat-pusat bandar dan pembangunan yang berdekatan dalam 4 bandar yang lain.

Anggaran yang diminta bagi tahun 1976 untuk Jabatan ini ialah \$1,163,400.

Kepala B. 51—\$395,900—Jemaah Pemeriksa Perkhidmatan Bomba

Tujuan utama Jemaah Perkhidmatan Bomba ialah untuk memajukan dengan berkesan, mutu pentadbiran kebombaan, pengawalan dan pencegahan kebakaran di seluruh negara.

Jemaah ini memandang berat terhadap kecekapan ahli-ahli dalam Perkhidmatan Bomba, dengan demikian, memberi latihan selaras dengan pencegah kebakaran yang diperlukan.

Bahagian pencegah kebakaran Jemaah ini mengambil daya-usaha yang aktif memberi kesedaran betapa pentingnya mencegah kebakaran. Ceramah-ceramah telahpun diberi di Jabatan-jabatan Kerajaan, Hospital-hospital, Universiti-universiti, Jabatan Polis dan juga swasta.

Dalam memperbaiki lagi kedudukan perkhidmatan bomba di dalam negara, Kementerian pula telahpun mengambil dayausaha bagi Perkhidmatan Bomba di seluruh negara ini disatukan di bawah satu Pentadbiran pusat. Dengan ini bidang tugas dan tanggungjawab Jabatan Bomba akan diperluaskan lagi.

Jemaah ini memerlukan \$395,000 untuk tahun 1976. Perbekalan yang diminta ini mungkin akan menjadi lebih besar lagi apabila cadangan tersebut di atas dilaksanakan nanti.

Kepala B. 52—\$2,024,900—Jabatan Arkib dan Perpustakaan Negara

Jabatan ini memerlukan peruntukan sebanyak ini untuk menunaikan tugas-tugas dan tanggungjawabnya yang kian bertambah.

Penambahan peruntukkan ini mencerminkan penambahan yang biasa sahaja, iaitu gaji kakitangan dan perolehan bahan-bahan seperti buku-buku untuk Perpustakaan Negara serta untuk Perpustakaan Awam bagi Wilayah Persekutuan, yang dirancang akan mula memberi perkhidmatannya tahun depan. Jabatan ini ada rancangan untuk menubuhkan Arkib Negara Cawangan Sabah dan Sarawak.

Arkib Negara adalah bertanggungjawab bagi pengurusan dan penyimpanan rekod-rekod negara yang mempunyai sejarah-sejarah dan kebudayaan seluruh negara. Di samping itu, kajian-kajian mengenai penyimpanan rekod-rekod itu telah bertambah dari masa ke semasa. Jumlah rekod-rekod yang akan diterima tahun hadapan dijangka meningkat dan begitu juga dengan bilangan ahli-ahli penyelidik yang menggunakan kemudahan penyelidikan di Arkib Negara.

Perpustakaan Negara pula telah menambah koleksi bahan-bahan menurut kehendak-kehendak Undang-undang Pemeliharaan Buku-buku 1966 dan melalui pembelian, hadiah dan pertukaran. Di samping penambahan-bahan bacaan, kegunaannya dijangka bertambah dengan pesatnya dengan adanya perkhidmatan untuk Wilayah Persekutuan.

Kepala B. 53—\$1,030,700—Jabatan Pertahanan Awam

Bagi tahun 1976, Jabatan ini memerlukan anggaran sebanyak \$1,030,700.

Tambahan sebanyak \$24,470 adalah dikehendaki bagi membayar kenaikan gaji tahunan yang biasa bagi pekerja-pekerja dan untuk mengisi kekosongan-kekosongan akibat kenaikan pangkat pegawai-pegawai di Jabatan ini.

Lain-lain Perbelanjaan Berulang tiap-tiap tahun juga adalah bertambah sebanyak \$101,530. Tambahan ini perlu disebabkan bayaran sewa untuk beberapa buah Pejabat Bahagian telah dinaikkan dan juga Jabatan ini akan mengambil Ahli Pasukan Sukarela yang baharu pada tahun 1976. Ini akan melibatkan tambahan pembayaran Elaun-elaun Latihan.

Kepala B. 54—\$14,563,500—Jabatan Cetak Kerajaan

Anggaran bagi tahun 1976 yang diminta ialah, sebanyak \$14,563,500. Dari jumlah tersebut, sebanyak \$5,620,460 ialah jumlah emolumen untuk kakitangan dan \$8,248,350 untuk bekalan-bekalan dan bahan-bahan yang lain ialah untuk perbelanjaan seperti api, air, elektrik dan lain-lain perkhidmatan.

Kepala B. 55—\$1,208,000—Jabatan Muzium

Jabatan Muzium pada keseluruhannya terdiri dari Muzium Negara di Kuala Lumpur, Muzium Perak di Taiping, Pejabat Tapak (Site Office) di Merbok, Kedah dan Pejabat Zon di Melaka.

Jabatan Muzium memainkan peranan penting untuk menyebarkan pengetahuan warisan kebudayaan tradisi serta menyelamatkan dan melindungi harta kebudayaan negara. Tanggungjawab itu dijalankan dengan cara memberi pelajaran bagi orang dewasa yang ingin tahu tentang kebudayaan dan sejarah tanah air, memberi pelajaran kepada kanak-kanak sekolah supaya mereka sedar akan sejarah tanah air dan memberi kemudahan-kemudahan penyelidikan bagi penuntut-penuntut Instituti Pelajaran Tinggi dan lain-lain pertubuhan. Jabatan ini juga memainkan peranan dalam pembangunan ekonomi negara sebagai daya penarik kepada pelancung-pelancung yang berkunjung ke negara ini.

Anggaran Perbelanjaan Mengurus yang diperlukan ialah \$1,208,000. Daripada jumlah besar itu sebanyak \$739,230 adalah untuk pembayaran gaji kakitangan.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin menerangkan Anggaran Pembangunan bagi tahun 1976.

Kepala P. 49—\$8,500,700—Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar.

Anggaran Pembangunan bagi Kepala ini yang dipinta, yang disebutkan tadi, dan ini berkurangan sebanyak \$9,942,023 daripada tahun 1975. Wang yang saya pinta itu akan digunakan bagi maksud-maksud seperti berikut:

Ibu Pejabat		\$ 110,000 (geran)
Bandaraya Kuala Lumpur	3,200,030 (geran)	4,700,020 (pinjaman)
Majlis Bandaraya George Town		10 (pinjaman)
Majlis Perbandaran Ipoh	150,010 (pinjaman)	
Majlis Perbandaran Melaka	220,000 (pinjaman)	
Majlis Perbandaran Seremban		120,000 (pinjaman)

Dari jumlah \$8,500,070 tersebut di atas, sebanyak \$3,310,030 adalah untuk geran dan sebanyak \$5,190,040 adalah untuk pinjaman.

Kementerian saya sedang giat bertindak untuk meluaskan kawasan kuasa-kuasa tempatan agar dapat lagi kawasan-kawasan luar bandar menerima kemudahan-kemudahan seperti yang boleh diberi oleh kuasa-kuasa tempatan dan juga untuk menyatukan kuasa-kuasa tempatan agar ianya menjadi lebih besar dan cekap. Penyusunan semula kuasa-kuasa tempatan ini adalah sejajar dengan pembangunan kita yang pesat dengan berpanduan kepada dasar ekonomi baru. Buat masa sekarang negeri-negeri Pulau Pinang, Perak dan Kedah telahpun menyusun semula penguasa-penguasa tempatan, sementara Negeri Selangor telah melaksanakan penyusunan semula ini pada beberapa penguasa-penguasa tempatan. Negeri-negeri yang lain sedang dalam proses mengstruktur semula penguasa-penguasa tempatan mereka.

Dalam tahun 1976, Bahagian Kerajaan Tempatan dijangka akan bergerak dengan lebih pesat lagi apabila proses penyusunan semula penguasa-penguasa tempatan diperhebatkan setelah Akta Kerajaan Tempatan dan Akta Perancang Bandar dan Desa dikuatkuasakan. Kerajaan-kerajaan Negeri juga memberi sokongan yang kuat kepada usaha-usaha Kementerian saya.

Di bawah Ibu Pejabat (Pecahan-Kepala 1) anggaran sebanyak \$110,000 adalah dipinta sebagai pemberian geran kepada Majlis Bandaraya dan Majlis Tempatan untuk membiayai projek-projek kecil seperti pembinaan jalan dan parit.

Untuk tahun 1976, jumlah geran yang diperlukan oleh Bandaraya Kuala Lumpur ialah sebanyak \$3,200,030 (Pecahan-Kepala 17—22). Ini adalah untuk keperluan, keperluan sosial, balai bomba dan kelengkapan dan juga untuk Pejabat-pejabat Kecil Bandaraya. Jumlah ini akan diberi kepada Bandaraya Kuala Lumpur secara geran oleh Kerajaan Pusat.

Pecahan-pecahan Kepala 11, 12, 13, 14, 15 dan 16 merupakan jumlah pinjaman yang akan diberi kepada Bandaraya Kuala Lumpur. Jumlah yang diperlukan bagi maksud tersebut ialah \$4,700,020. Projek-projek yang akan dijalankan dengan menggunakan wang pinjaman, ini termasuklah pembinaan pejabat-pejabat Bandaraya Kuala Lumpur. Pada masa ini Bandaraya Kuala Lumpur tidak dapat menempatkan kesemua pejabat-pejabatnya di dalam satu bangunan dan oleh yang demikian, mengakibatkan kesukaran pentadbiran oleh kerana banyak pejabat-pejabatnya terletak di merata-rata tempat di Kuala Lumpur. Wang pinjaman ini juga akan digunakan untuk memperbaiki sistem parit di daerah Bandaraya Kuala Lumpur secara berperingkat. Kerja-kerja penyambungan saluran-saluran najis untuk disalurkan dari beberapa kawasan di Kuala Lumpur juga sedang dijalankan. Ini adalah sejajar dengan suatu kajian yang dibuat oleh perunding-perunding untuk satu sistem saluran najis di seluruh kawasan Wilayah Persekutuan dan daerah-daerah yang berhampiran dengannya. Di samping itu kerja-kerja bagi memperbaiki kemudahan lampu-lampu di jalan-jalanraya akan juga diteruskan oleh Bandaraya Kuala Lumpur.

Bagi Majlis Bandaraya George Town, Pulau Pinang (Pecahan-kepala 35) sebanyak \$10 adalah dipinta sebagai wang tanda (token vote). Ini adalah untuk melanjutkan kerja-kerja tambahan kepada saluran najis yang ada sekarang.

Untuk Majlis Perbandaran Ipoh (Pecahan-kepala 40 dan 41), pinjaman yang diperlukan ialah sebanyak \$150,010 untuk pembinaan 5 klinik beranak dan kebajikan

kanak-kanak di Kampung-kampung Baru di sekitar Perbandaran Ipoh. Ini adalah projek lanjutan dari Rancangan Malaysia Kedua. Wang tanda pinjaman sebanyak \$10 (Pecahan-kepala 40), adalah perlu sementara menunggu lapuran kajian oleh perunding ENEX atas kemudahan penyaluran najis (Sewerage Scheme) bagi Ipoh.

Majlis Perbandaran Melaka (Pecahan-kepala 46) memerlukan pinjaman sebanyak \$220,000 bagi tahun 1976 untuk menjalankan dan memperbaiki sistem parit (drainage system) di kawasan-kawasan yang rendah untuk mengatasi masalah-masalah banjir.

Di bawah Pecahan-kepala 51, Majlis Perbandaran Seremban memerlukan pinjaman sebanyak \$120,000. Jumlah ini adalah baki daripada \$2.2 juta yang diperuntukkan dalam tahun 1975, untuk pembinaan suatu pasar baru di Jalan Templer Seremban.

Kepala P. 52—\$609,000—Jabatan Arkib dan Perpustakaan Negara

Jumlah anggaran belanja bagi projek membina bangunan Arkib Negara, di bawah Rancangan Malaysia Kedua ialah \$5 juta. Projek pembinaan bangunan Arkib Negara yang dijangka bermula dalam tahun 1975 telah tergendala oleh kerana tapak bangunan telah diambil oleh Jabatan Kerja Raya untuk penyesuaian sistem pengangkutan jalanraya di Kuala Lumpur. Perbelanjaan projek bangunan Arkib Negara yang diperlukan bagi tahun 1976 ialah \$500,000 iaitu untuk kerja-kerja persediaan tanah dan pembinaan di tapak baru.

Bagi bangunan Perpustakaan Negara, jumlah yang telah diperuntukkan ialah \$2.5 juta dalam Rancangan Malaysia Kedua. Perbelanjaan sebanyak \$90,000 adalah dikehendaki dalam tahun 1976 untuk menyelesaikan pelan-pelan bangunan tersebut dan untuk penyedia tapak bangunan baru yang akan menggantikan tapak bangunan lama yang telah diambil oleh J.K.R. bagi maksud penyesuaian sistem jalanraya dalam bandar Kuala Lumpur.

Peruntukan bagi projek Perpustakaan Awam dalam Rancangan Malaysia Kedua ialah \$500,000. Jumlah ini ialah sumbangan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan-

kerajaan Negeri sebagai bantuan untuk mengujudkan perpustakaan awam di tiap-tiap negeri di Semenanjung Malaysia. Bagi tahun 1976, \$19,000 adalah dikehendaki untuk negeri-negeri yang belum menerima bantuan bagi menubuhkan perpustakaan-perpustakaan awam.

Kepala P. 54—\$375,000—Jabatan Cetak Kerajaan

Jabatan ini memerlukan peruntukan sebanyak \$375,000 bagi tahun 1976 untuk menyiapkan pembinaan stor kertas yang sedang dibina sekarang. Setor kertas ini sedang dibina di kawasan Ibu Pejabat Jabatan ini di Kaula Lumpur dan setelah selesai kelak akan digunakan untuk menyimpan kertas-kertas dan juga borang-borang keperluan bagi semua Jabatan Kerajaan.

Kepala P. 55—\$440,000—Jabatan Muzium Negara

Jabatan Muzium Negara akan meneruskan kerja-kerja pemulihan dan pemeliharaan kawasan-kawasan kajipurba di Lembah Bujang yang termasuk usaha-usaha membongkar kawasan sekelilingnya. Usaha ukur-mengukur serta penyelidikan kajipurba keseluruh negara ke atas bangunan-bangunan monumen-monumen dan kawasan-kawasan pra-sejarah dan sejarah Semenanjung Malaysia akan terus dijalankan juga.

Di bawah Rancangan Pembangunan Muzium-muzium, penubuhan muzium-muzium kawasan berbentuk rumah-rumah tradisional akan terus diusahakan. Rumah-rumah ini akan didirikan semula di sekitar kawasan Muzium Negara dan berbentuk sebagai Muzium penduduk yang mewakili tiap-tiap negeri.

Perbelanjaan Pembangunan bagi tempoh interim 1976 ialah sebanyak \$440,000 dan tambahan akan dikehendaki apabila Rancangan Malaysia Ketiga diluluskan, bagi melaksanakan projek-projek yang akan dipersetujui di dalamnya.

Sebagai kesimpulannya, jumlah anggaran yang diminta untuk tahun 1976 bagi Kementerian saya dan Jabatan-jabatan di bawahnya ialah seperti berikut:

Anggaran Belanja Mengurus 1976:

Kepala B. 49	...	...	\$ 1,626,900
„ B. 50	...	...	1,163,400
„ B. 51	...	...	395,900
„ B. 52	...	...	2,024,900
„ B. 53	...	...	1,030,700
„ B. 54	...	...	14,563,500
„ B. 55	...	...	1,208,000
JUMLAH			\$22,013,300

Anggaran Belanja Pembangunan 1976:

Kepala P. 49	...	...	\$ 8,500,070
„ P. 52	...	...	609,000
„ P. 54	...	...	375,000
„ P. 55	...	...	440,000
JUMLAH			\$ 9,924,070

Tuan Pengerusi, saya mohon izin tuan untuk mencadangkan bahawa perbelanjaan bagi Kepala B. 49 sehingga B. 55 menjadi sebahagian daripada Jadual Bill Perbekalan dan jumlah yang dipinta bagi Kepala P. 49, P. 52, P. 54 dan P. 55 diluluskan oleh Dewan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang bolehlah dibahaskan Kepala-kepala B. 49 hingga B. 55 dan Kepala P. 49, P. 52, P. 54 dan P. 55. Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

6.40 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Pengerusi, saya bangun dan mohon izin untuk bercakap sedikit sahaja tentang Anggaran Perbelanjaan yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan dan saya hendak senturi tentang muka surat 352, Kepala P. 49—Bandaraya Kuala Lumpur. Tuan Pengerusi, di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi, baharu-baharu ini Bandaraya telah membuat satu exercise yang baru dan telah menukarkan penilaian rumah-rumah yang bukan sahaja di Kuala Lumpur

tetapi juga yang dahulunya di luar Wilayah Persekutuan. Ini bermakna Tuan Pengerusi, kalau seseorang yang ada satu pondok di Ulu Kepong seumpamanya, pada masa dahulu tak payah bayar apa-apa assessment, tetapi sekarang dikenakan assessment yang mahal.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, the Americans during the Boston Tea Party raised the battle cry, “No taxation without representation”. The people of Wilayah Persekutuan are quite resigned to the fact that they cannot have representation and they have accepted the taxation that Bandaraya and the Central Government have imposed on them. What they are now saying is, “no taxation without services”. If there is a house, as I pointed out, a pondok at some odd corner, the Bandaraya does not provide any service whatsoever and yet now the owner has to pay assessment and the assessment is not a small one. It may be small by Bandaraya standards, but I dare say that to the squatter who before did not have to pay anything because there is no electricity, no roads, no water and now he has to pay however small the amount may be, let us say he has to pay \$60 per year, that is \$5 a month, that can go a very long way to a squatter. Therefore, Mr Chairman, Sir, I want to emphasise to the Minister, and through him to the Datuk Bandaraya, that while I agree that there should be assessment and a renewal of assessment perhaps every 10 years or so, there must be adequate services. Now within the former Kuala Lumpur, I would say that there are adequate services, the roads are swept; if you want a telephone, you can get a telephone; if you want electricity, electricity is given, but there are lots of places where there are no roads. The people have asked for roads, but they cannot get roads.

Yesterday I was pulled along to a place in Kampung Datuk Keramat. For the benefit of the Honourable Minister, it is Lorong Kiri 12. Penduduk di sana telah duduk di sana selama 18 tahun. Mereka bertanya kepada saya “Tengok Doktor, kita duduk di sini sudah 18 tahun, tetapi jalan ini kita buat sendiri. Mengapakah kita kena bayar assessment, education rate, semua kena bayar? We are not God-forsaken people, but the Bandaraya has forgotten our existence.” Although there has been lots of correspondence between the residents and the

Bandaraya, and formerly the Selangor State Government because that place was at one time under the State Government, they don't understand why this Lorong Kiri 12 is not metalled while the other roads around that area are all metalled. They say that when visitors and V.I.P.s are brought around, they are not brought around to their area, they are brought around to the areas where the roads are well kept. I hope the Honourable Minister will take note of what I say and will put an end to such discrimination because I have travelled along that road all the way from Kampung Datuk Keramat to Ulu Klang and I can say that that is the only stretch of road which is not metalled and where there are holes. They said they have filled the holes. One chap told me: "To build this house, I have put 40 lorry loads of sand and bernasib baik somebody wanted to throw away the sand; I got it at \$3 per lorry load which does not even pay for the cost of transport, let alone the sand but because they wanted to get rid of it, I asked them to dump it in my land". There is a drain there but the former drain has been levelled up, and they say: "What sort of health facilities we have? We write in and we get a reply from the Health Department and they come and spray perhaps once a year." That certainly is not by any standard adequate to keep away dengue or malaria.

Mr Chairman, Sir, coming back to this overall question of assessment without services, I can point out to the Honourable Minister many other areas. I have in the past written to the Datuk Bandaraya and to the engineers concerned and also sent in copies to the Honourable Minister—I do not know whether he has received them and read them. But I have in the past written many letters. Take, for example, the areas around Jinjang. Jinjang is the largest of new village in the country and around it are the Nanyang Estate, the Kepong Bharu Estate, the Kepong Garden Estate. All these now have to pay assessment, but they don't, I reiterate, they don't get anything by way of services. Is the Bandaraya which is collecting assessment, going around to say "we will sweep your drains for you, we will take care of your drainage for you." I have told the Minister that in the past when there was a flood I go to the D.I.D., the D.I.D. very politely has told me "Please go and see the Bandaraya because it is now under Wilayah Perse-

kutuan." I go and see the Bandaraya; there is no such thing as a Drainage Department under the control of Dewan Bandaraya. The residents of Kuala Lumpur who are now made to pay assessment, I hope the Minister will be sympathetic and agree with me, when I say that they must be provided with service. Otherwise in all those areas where there are no service, the Dewan Bandaraya should stop levying assessment until such time they can provide the service. I think according to today's *Malay Mail*, there are nearly 4,000 objections to the assessment, some of them have been more than doubled. While I agree that any Local Government should have the wherewithal to provide the services and if the residents want the services, then they must pay for them—I will agree on that, but there must be some sort of equality, because in one area you raise the assessment by two or three times, more than the existing rates, while in other areas you don't.

Mr Chairman, Sir, I do hope that the pleas that I have made on behalf of the non-rate payers in Kuala Lumpur but who now have been forced to be rate payers will be taken care of by the Minister responsible for Kuala Lumpur.

6.50 ptg.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang (Kuala Kerai): Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian di bawah Kepala B. 50, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (3), (4) dan (6). Ber-cakap di bawah Kepala ini, yakni Perancang Bandar dan Desa tentang perancangan nasional sebagai salah satu alat pencapaian ke arah Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan:

- (a) membasmi kemiskinan di kalangan penduduk-penduduk tanpa mengira kaum; dan
- (b) menstrukturkan semula masyarakat dengan tujuan, mula-mula mengurangkan dan akhirnya membasmi langsung pengenalan kaum melalui fungsi-fungsi ekonomi.

Saya dapati sekarang ini suatu perkembangan yang tidak sihat berlaku di dalam perancangan bandar dan desa, yakni kalau mengikut sistem urbanisasi ataupun kalau mengikut pakar-pakar ekonomi, kita dapati bahawa ada 3 peringkat perancangan yang besar, iaitu:

- (1) Peringkat Perancangan Federal;

- (2) Peringkat Perancangan Negeri; dan
- (3) Peringkat Perancangan Penguasa-penguasa Tempatan.

Pada masa kebelakangan ini Kerajaan dengan kemampuan dan capacity yang ada melalui agensi-agensi Kerajaan hanyalah menumpukan penuh perhatian kepada bandar-bandar sahaja, tidak nampak kesannya di peringkat Penguasa-penguasa Tempatan ataupun di kawasan-kawasan desa atau luar bandar. Perancangan seumpama ini tentulah akan melemahkan pembangunan dan perkembangan sosial dan ekonomi di peringkat grass-root walhal terdapat sumber-sumber pembangunan yang banyak di peringkat Penguasa-penguasa Tempatan.

Tuan Pengerusi, negara tidak akan mencapai matlamatnya hendak menyusun semula masyarakat selagi jurang perbezaan antara bandar dan desa ataupun antara perbandaran dengan luar bandar dan kampung-kampung baru terbentang luas, terutamanya di bidang perkhidmatan-perkhidmatan sosio-ekonomi. Sebab itulah kita lihat penghijrahan belia-belia kita dari desa-desa ke bandar-bandar adalah banyak dan menjadi masalah-masalah sosio-ekonomi pula di bandar-bandar. Daripada angka yang kita dapati daripada Jabatan Buruh, umpamanya, dalam bulan April, 1975 kita dapati bahawa terdapat 138,150 penganggur yang berada di seluruh bandar-bandar besar dan kalau dikira di Kuala Lumpur sahaja kita dapati bahawa seramai 14,021 yang berada dan menganggur di Kuala Lumpur. Di samping itu juga penduduk desa dan luar bandar setakat ini terus mundur tanpa kemudahan-kemudahan asas ataupun perkhidmatan-perkhidmatan yang memuaskan seperti mana yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, sudah sampai masanya perancangan besar-besaran di peringkat desa ataupun luar bandar ini diperhebatkan dan anggaran peruntukkan di bawah Kepala ini yang berjumlah \$1.1 juta itu tidak mencukupi. Kerajaan melalui satu Akta yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi yang bernama Perancangan Bandar dan Desa yang akan dikemukakan dalam Dewan ini kelak, saya rasa hendaklah menitikberatkan perkara-perkara yang saya syorkan di bawah ini:

Pertama, mengkaji beberapa masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk bandar dan luar bandar, terutamanya

masaalah-masalah perumahan, pengangguran, masalah moral, penjenayahan, sistem perkhidmatan sosial (social amenities), kemudahan-kemudahan asas seperti jalan-jalan, bekalan air, elektrik, perkhidmatan kesihatan dan sebagainya. Fakta-fakta kajian tentang masalah-masalah ini haruslah dikemukakan kepada pihak-pihak perancang bandar di peringkat-peringkat negeri dan di peringkat-peringkat daerah.

Kedua, Kementerian ini sendiri mengusaha, mengawal dan merancang sendiri segala pemajuan serta penggunaan semula sumber-sumber alam. Faktor-faktor ekonomi seperti tanah dan buruh, bangunan-bangunan dan lain-lain di dalam kawasan masing-masing baik di bandar ataupun di luar bandar.

Ketiga, di dalam perancangan ini pihak Kementerian mestilah memberi kuasa yang luas sekali kepada pihak penguasa-penguasa tempatan, kerana setakat ini kita lihat bahawa Majlis-majlis Tempatan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi untuk dipercantumkan semua sekali atau untuk diperbaharui diubah-wajahkan semuanya itu, setakat ini sebenarnya tidak berkembang bahkan tidak giat di dalam perlaksanaan perancangan. Antara lain sebabnya ialah di antara ahli-ahli yang dilantik di dalam Majlis Tempatan itu sebenarnya, kalau saya boleh minta maaf, kepada mereka semua, adalah kebanyakannya tidak mempunyai kelayakan-kelayakan yang istimewa untuk memikirkan sesuatu tentang urbanisasi, tentang sosiologi dan sebagainya.

Keempat, pihak Penguasa Kerajaan Tempatan mestilah mengambil bahagian yang cergas di dalam mempercepatkan proses pembangunan pekan-pekan baru, bandar-bandar baru di kawasan-kawasan perkampungan baru di luar-luar bandar atau di desa-desa ataupun di wilayah-wilayah, sebagaimana Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi, serta juga mengambil inisiatif yang lebih besar bagi menghidupkan pekan-pekan yang separuh mati di seluruh negara. Pekan-pekan ini kalau saya dapat sebutkan sebagai contoh seumpama Pekan Gua Musang, Pekan Jerreh, Tanah Merah, Machang dan lain-lain.

Tidak dapat disangkal lagi, Tuan Pengerusi, bahawa persoalan urbanisasi ataupun perbandaran merupakan satu solusi atau satu

ubat yang mujarab bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru, kerana sebenarnya masaalah yang selalu timbul ialah jurang perbezaan antara penduduk-penduduk, antara "haves" and the "have-nots", antara orang yang berada dengan tidak berada dan khususnya antara orang-orang di bandar dan di luar bandar kerana perkhidmatan yang didapati di bandar-bandar itu sebenarnya lebih memuaskan daripada perkhidmatan yang ada di luar-luar bandar. Bila proses urbanisasi ini berjalan lancar di seluruh negara maka masaalah-masaalah pengenalan kaum melalui fungsi-fungsi ekonomi itu dapat diselesaikan sedikit demi sedikit, kalau pun tidak dapat diselesaikan semua sekali.

Tuan Pengerusi, Kerajaan Tempatan dikenali oleh rakyat sejak beberapa tahun yang silam, sejak zaman penjajahan dahulu lagi, tetapi kita tentu akan bertanya kenapa sehingga sekarang ini penguasa-penguasa itu tidak dapat berjalan dengan lancar. Ada beberapa perkara yang dilaporkan di dalam "Athi Nahappan Report" menyebutkan beberapa masaalah berbangkit di dalam mengawal Penguasa-penguasa Tempatan, terutamanya di dalam bidang kewangan. Kemampuan pihak penguasa-penguasa tempatan sebenarnya untuk mencari sumber-sumber kewangan adalah begitu kecil capacitynya, apatah lagi kalau sekiranya Ahli-ahli Lembaga Majlis Tempatan atau Bandaran itu sendiri sebagaimana saya sebutkan tadi tidak mempunyai kemampuan dan capacity, tidak mempunyai kebolehan-kebolehan tertentu untuk menguruskan sendiri hal-hal kewangan. Saya mengharapkan supaya apakala Akta yang baru akan dibentangkan oleh pihak Menteri tidak berapa lama lagi boleh jadi minggu hadapan di dalam Dewan ini, yang saya baca ada satu peruntukkan untuk melantik sebuah Jawatankuasa Perancang di peringkat Negeri. Saya merasakan bahawa pihak Kementerian hendaklah betul-betul mengkaji bagi memilih orang-orang yang betul-betul mempunyai kelayakan tanpa mengira samada kelayakan itu professional ataupun tidak dan memilih betul-betul orang yang ada minat di dalam hal-ehwal pentadbiran urusan penguasa tempatan, kerana kalau tidak tentulah kita akan berhadapan dengan masaalah-masaalah yang saya sebutkan tadi.

Dalam kesempatan perbincangan yang begini singkat, saya sekali lagi menyeru pihak

Kementerian supaya mengkaji betul-betul akan keperluan-keperluan perancangan nasional yang menyeluruh dan menyegerakan pembukaan-pembukaan bandar baru dan menghidupkan kembali pekan-pekan yang hidup segan mati tak mahu. Selain daripada itu, dengan segera menghantar pegawai-pegawai daripada Pejabat Perancang Bandar dan Desa ke kawasan-kawasan yang terpencil, ke kawasan-kawasan yang jauh di pedalaman desa seperti di negeri-negeri di Pantai Timur iaitu Kelantan, Trengganu, Perlis, Kedah dan lain-lain di mana kita dapati bahawa kebanyakan daripada Penguasa-penguasa Tempatan tidak dapat berjalan dengan lancar. Setakat ini saya rasa pegawai-pegawai dan kakitangan daripada pihak perancang bandar tidaklah mencukupi, kalau pun ada seorang untuk bertugas di negeri maka tentu sekalilah akan menjadi sukar kepada pegawai itu untuk berkejar ke sana, ke mari, ke daerah-daerah untuk memberi sesuatu pendapat di dalam mesyuarat Lembaga Bandaran ataupun dalam mesyuarat Tindakan Daerah dan sebagainya.

Saya menyeru supaya pihak Kementerian ini memperbanyakkan lagi pegawai-pegawai kita yang khusus, boleh jadi dapat diambil daripada Universiti Sains Malaysia umpamanya, yang ada kelulusan urban studies ataupun sociology, daripada Universiti Malaya ataupun daripada I.T.M. sendiri supaya dengan cara ini dapatlah mereka itu berada "at the grass-roots level" supaya mereka itu sendiri boleh mengkaji di tempat itu sendiri. Bukan daripada mengambil seorang pegawai daripada Kuala Lumpur pergi bertugas ke Kota Bharu dan pegawai itu yang tidak tahu asal-usul kawasan dan sebagainya itu dihantar dan sekali-sekala memasuki mesyuarat dan sebagainya tentu sekalilah sumbangan yang bakal diberikan oleh seorang pegawai ini tidak begitu menyeluruh sebagaimana yang orang betul-betul mengetahui hal keadaan di satu-satu kawasan itu. Saya rasa hanya setakat ini sahajalah ucapan saya.

Tuan Pengerusi: Tempoh sudah cukup. Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus.

7.00 mlm.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Pengerusi, dalam peruntukan yang diminta oleh Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar ini saya suka menyebut sedikit sahaja.

Yang pertama mengenai B. 48, Pecahan-kepala 1100 dan Aktiviti (2). Saya suka menyebutkan yang pertama sekali mengenai perkhidmatan kepada Kerajaan Tempatan. Jadi, masalah ini memang sudah lama diperbincangkan dan telah lama diperbahaskan, cuma saya suka sebut dan sampaikan di sini ialah masalah kegelisahan setengah-setengah ataupun segolongan besar daripada Ahli-ahli Majlis Tempatan yang mana mereka itu boleh dikatakan terumbang-ambing sejak daripada mereka itu terpilih daripada tahun 1961 kalau tidak silap saya sehingga sampai sekarang ini dan sehingga setengah daripada Ahli-ahli Majlis Tempatan yang terpilih itu ada yang telah meninggal dunia dan tidak berganti dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya telah menerima beberapa memorandum dan saya nampak memorandum ini telah dihantar juga kepada Menteri yang berkenaan iaitu bertarikh 4hb Ogos, 1971 lagi, mengandungi rayuan-rayuan dan pengesyoran-pengesyoran dan saya sedar bahawa Kementerian yang berkenaan telah membuat penyiasatan, membuat kajian dan sebagainya. Saya hanya suka sebutkan di sini ialah masalah mereka itu seolah-olah tidak ada tempat pergantungan bagi Penguasa-penguasa Tempatan ataupun Ahli-ahli Majlis Tempatan. Umpamanya, sejak daripada mereka itu terpilih dengan dibayar elaun ataupun apa yang hendak disebutkan sebanyak \$20 sebulan sehingga hari ini mereka itu dibayar \$20 sebulan. Perkara yang seperti ini saya rasa tentulah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sendiri memikirkan bahawa ini adalah satu perkara yang amat tidak patut dan amat tidak menasabah. Jadi kalaulah kedudukan mereka itu dibubarkan dan kedudukan mereka itu dibatalkan dan dilantik Ahli Jawatankuasa baru dengan satu peraturan yang baru tidak mengapa, tetapi dengan penggantungan mereka itu hanya diberi imbuhan sebanyak \$20 sebulan, saya rasa ini patutlah dipertimbangkan oleh Kementerian yang berkenaan lebih-lebih lagi sewaktu peraturan baru akan ditentukan ataupun sewaktu penamatan penghabisan tempoh perkhidmatan mereka itu yang mungkin akan ditentukan oleh Menteri yang berkenaan. Saya rasa patutlah Kementerian ini menimbangkan jasa-jasa bakti mereka itu dengan memberi imbuhan yang berpatutan dari segi perkhidmatan mereka itu. Walaupun saya sedar dan insaf bahawa

Kementerian ini sudah tentu tidak akan memberi satu ganjaran yang berlebihan tetapi sekadar menyejukkan hati mereka atau sekadar mengingatkan jasa-jasa pengorbanan mereka itu terhadap pembangunan desa di dalam negara kita ini. Jadi saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengambil perhatian yang berat dan tolong mempertimbangkan rayuan-rayuan daripada Ahli-ahli Majlis Tempatan kita yang berselerak di seluruh negara kita ini dengan pengorbanan mereka itu sudah berpuluh tahun lebih.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya mengharapkan juga kepada Kementerian ini supaya dapat menentukan dalam masalah perancang bandar dan luar bandar ini mengenai B. 50 Aktiviti-aktiviti 2, 3 dan 4. Satu perkara yang saya suka hendak minta kepada Kementerian ini ialah mengenai perancang bandar dan luar bandar. Jadi, saya nampak pada masa-masa yang sudah-sudah Kerajaan kita banyak membuang belanja, membuang wang oleh kerana barangkali kesilapan ataupun salah sewaktu merancang satu-satu kawasan untuk dijadikan perbandaran ataupun sebagainya, seolah-olah perancang-perancang kita dapat memikirkan kemajuan satu-satu bandar atau satu-satu tempat itu sekadar untuk 5 tahun ataupun tidak lebih daripada 10 tahun sahaja. Saya nampak di kebanyakan bandar-bandar ataupun di luar bandar dalam negara kita ini, satu-satu projek yang dibuat di bawah perancangan bandar ini dapat digunakan kadang-kadang sampai 2 tahun terpaksa dirombak balik, diubah balik dengan perbelanjaan yang berpuluh ribu ringgit, kononnya ini sudah tidak sesuai kerana sudah buat beberapa tahun, dua tahun, tiga tahun yang lepas. Setengah-setengah itu dapat digunakan untuk masa 5 tahun maka dirombak, diubah, bangunan dirombak dan sebagainya. Jadi perkara-perkara seperti ini menggambarkan kepada orang-orang yang tidak berapa faham dalam masalah ini seolah-olah tukang-tukang rancang ataupun perancang-perancang ini dapat merencanakan bandar dan luar bandar kita ini sekadar untuk 5 tahun, maka wang yang dibelanjakan, yang dihabiskan itu, 5 tahun selepas itu ditambahkan dengan berpuluh-puluh ribu ringgit ataupun berjuta-juta ringgit pula bagi merencanakan untuk 5 tahun hadapan. Jadi, saya mengharapkanlah kepada perancang-

perancang kita supaya dapat memikirkan seberapa jauh yang boleh bagi menyelamatkan wang negara kita dan bagi memberi ketenangan kepada penduduk-penduduk di dalam kawasan bandar ataupun di luar bandar. Jadi kalaulah pada tahun ini kita rancang kita biarkan orang ini buat bangunan dan sebagainya, maka cukup 5 tahun kita perintah orang itu pindah pula, runtuhkan rumah kerana ini sudah tidak kena, ini sudah tidak sesuai lagi, saya rasa lebih baiklah mulai daripada sekarang kita cuba memikirkan walaupun kita terpaksa menggunakan wang yang lebih banyak sedikit, tetapi kita dapat menggunakan rancangan kita itu dengan masa yang lebih lama dan lebih sesuai supaya perkara-perkara seperti ini tidak menjadi kegelisahan kepada rakyat yang berkenaan yang terlibat dengan projek-projek yang dirancang baru oleh Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Terima kasih.

7.08 mlm.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya berucap pendek sahaja. Pada mulanya saya ingin merujuk kepada Kepala P. 49, Pecahan-kepala 13, muka surat 352 mengenai Memperbaiki Longkang-longkang Besar di Bandaraya Kuala Lumpur.

Mengenai perkara ini saya ingin menggesa Kerajaan supaya bertindak dengan cekap atau dengan serta-merta untuk memperbaiki semua longkang-longkang besar atau sistem pamaritan di Bandaraya sebagai satu langkah yang efektif untuk mencegah banjir di dalam bandar kita. Masaalah banjir telah menjadi satu masaalah yang besar dan serious di Bandar Kuala Lumpur. Setiap kali hujan turun Kuala Lumpur akan dibanjiri dan mengakibatkan banyak kesusahan kepada orang ramai. Pada hari Isnin yang lepas satu banjir yang serious berlaku di Kuala Lumpur dan bukan sahaja menyusahkan orang ramai dan semua kenderaan di jalan-jalan tetapi juga membawa penderitaan kepada kawasan-kawasan setinggan di dalam Bandar Kuala Lumpur. Sungguhpun hari itu hujan turun lebat, akan tetapi Dewan Bandaraya dan juga

pihak Jabatan Parit dan Taliair tidak dapat menjauhkan diri daripada tanggungjawab mereka untuk mencari jalan yang sesuai untuk mencegah banjir.

Tuan Pengerusi, tidak lama dahulu dan juga pada hari ini kita telah diberitahu oleh Kerajaan bahawa langkah-langkah disediakan oleh pihak Bandaraya untuk mencegah banjir. Seorang Menteri juga ada mengumumkan bahawa Kerajaan mempunyai satu rancangan jangka panjang yang melibatkan perbelanjaan sebanyak \$15 juta untuk mencegah banjir di Kuala Lumpur. Kita juga diberitahu bahawa pihak Dewan Bandaraya telah menubuhkan sebuah Badan Bertugas Banjir untuk mengawasi dan menjaga tiap-tiap tempat yang mudah kena banjir supaya langkah-langkah dapat diambil. Sungguhpun pengumuman-pengumuman tersebut telah dibuat tetapi kita belum nampak perlaksanaan atau apa-apa tindakan yang dapat mencegah banjir ini. Ini sangat mendukacitakan dan saya sekali lagi merayu dan menggesa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya menyiasat perkara ini dan menentukan bahawa tindakan yang sewajarnya dapat diambil dengan cepat yang boleh.

Tuan Pengerusi, satu kajian perlu dibuat untuk menentukan sejauh mana sistem longkang-longkang kita dan juga pembangunan tanah atau kemajuan tanah yang sembarangan (indiscriminate land development) oleh Kerajaan dan pihak swasta mengakibatkan banjir yang sering berlaku di Bandaraya Kuala Lumpur.

Dalam hubungan ini, ingin saya menyampaikan tiga cadangan untuk pertimbangan Kerajaan untuk mencegah banjir di bandar Kuala Lumpur.

- (1) Memperbaiki dengan serta-merta sistem pamaritan termasuk mendalamkan Sungai Klang, Sungai Bunus, Sungai Gombak, Sungai Batu supaya aliran air tidak dihindarkan. Di sini saya merasa kesal bahawa sungai-sungai yang saya sebutkan tadi tidak diperdalamkan selama 10 tahun ini.
- (2) Dewan Bandaraya harus memperkuat unit penguatkuasa untuk mengawasi dan menentukan bahawa sebarang kemajuan tanah oleh pihak Kerajaan ataupun pihak swasta tidak

akan mengakibatkan banjir. Semua pemaju-pemaju mesti dikehendaki membena "silat traps" untuk mencegah banjir ini.

- (3) Badan Pertugas Banjir yang telah ditubuhkan oleh Dewan Bandaraya patut bergerak dengan cekap untuk menjalankan tugas-tugasnya.

Yang kedua, saya ingin menyebut Kepala B. 50, muka surat 354 Aktiviti (4) Bahagian Perancang Kawasan Bandar. Mengenai perkara ini saya ingin menyentuh satu perkara yang sangat penting kepada Kuala Lumpur berhubung dengan mengadakan satu pelan induk yang sempurna bagi Kuala Lumpur. Hingga hari ini tidak ada sebarang pelan induk sempurna bagi Bandaraya ini. Semenjak Lapuran Rudolph mengenai perancang bandar Kuala Lumpur diselesaikan, hingga hari ini tidak ada apa-apa rancangan yang muktamat bagaimana kedudukan Kuala Lumpur akan berada pada masa hadapan. Saya ingin meminta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya dapat menjelaskan perkara ini.

Tuan Pengerusi, saya ada menerima aduan daripada beberapa orang bahawa mereka tidak dibenarkan membuat bangunan berbagai tingkat. Dalam hal ini pelanggan-pelanggan telah diberitahu bahawa kawasan yang dipohon itu tidak sesuai bagi pembangunan seperti ini. Walau bagaimanapun, saya nampak ada banyak pembangunan-pembangunan berbagai tingkat dibuat dalam kawasan tengah Bandaraya Kuala Lumpur sungguhpun mereka tidak ada kemudahan tempatan meletak kereta. Pentadbiran perancang bagi Kuala Lumpur patut menentukan bahawa sebelum pelan-pelan diluluskan pihak swasta atau pemaju mesti mengambil langkah untuk menentukan ada tempat meletak kereta yang sesuai bagi orang ramai.

Yang akhirnya, saya ingin menyentuh sedikit mengenai Kepala Bekalan B. 49. Aktiviti (3) Alam Sekitar. Berkenaan dengan hal ini, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kepada sungutan orang ramai mengenai pelepasan asap daripada kenderaan di Bandaraya Kuala Lumpur. Ini akan mengancam kesihatan orang ramai. Saya harap bahawa Kementerian yang berkenaan akan mengambil langkah yang sesuai untuk mengatasi masalah ini.

7.16 mlm.

Tuan Farn Seong Than (Sungai Besi): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian di dalam perbincangan atas Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar dalam Kepala Bekalan 49 dan 50 dan saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, under Kepala B. 49, an amount of \$1,626,000 has been allocated to the Ministry of Local Government and Environment. It shows an increase of \$675,900 as compared to the provision for 1975.

One of the reasons for this increase is to increase the activities of the Local Government Division and also the restructuring of Local Authorities. Mr Chairman, Sir, in this connection, I wish to comment on the administration of Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur, since it is the largest Local Authority in the country and also the most important of all Local Authorities in the country in view of the fact that it is running the daily affairs of the nation's capital.

The success or failure of this administration will not be only seen or judged by the people in the Federal Territory but it will also not escape the observations of people from other States as many other State capitals will look upon Kuala Lumpur as an example for their own future development. What is more important is the fact that Kuala Lumpur, apart from being the nation's capital, is becoming a popular tourist centre for foreign visitors for the simple reason that the foreign visitors first disembark at Subang Airport before going elsewhere in the country. Further, Kuala Lumpur is also fast becoming popular as a trading, commerce and banking centre.

Mr Chairman, Sir, with all the important advantages of circumstances surrounding Kuala Lumpur, it is therefore fundamental to have an efficient Local Authority running the affairs of the Capital City as well as its surrounding area. However, it is regrettable to note that after more than 2 years of its inception, City Hall of Kuala Lumpur is still struggling in organising the various departments under its administration.

One fine example of this is the Health and Urban Services Division of City Hall. Mr Chairman, Sir, through my personal experience as a City M.P. in the Wilayah Persekutuan, I must report to this House that the health and urban services rendered by City Hall are most deplorable, inadequate and inefficient. I fully support the view expressed by the Honourable Member for Kepong.

Sir, the rubbish collection service by the City Hall is still not extended to most housing estates and new villages in the Federal Territory. Residents in these areas are left at the mercy of private contractors who usually charge an unreasonable fee for disposing of the rubbish. Rubbish collection by these contractors are often irregular whereby leaving heaps of rubbish along back-lanes, street corners and road sides which are not only an awful sight but also a danger point in spreading diseases.

Mr Chairman, Sir, as a matter of fact, in the town of Sungai Besi, rubbish collection is only carried out by one miserable bullock cart which comes once in three days to the town. Sir, I hope what I have said will not be taken lightly by City Hall officials or the Minister concerned though it concerns rubbish. I, therefore, call upon the Honourable Minister to instruct City Hall to provide an efficient rubbish disposal service to all areas within the Federal Territory since it has recently introduced assessment on all new areas under its jurisdiction.

Sir, under Kepala B. 50, regarding Town and Country Planning, I welcome the Ministry's introduction of the Town and Country Planning Bill and its organisation programmes. Mr Chairman, Sir, we must accept the fact that environmental problems like flash floods and traffic jams are due to poor town planning by the authorities concerned and also due to the delay in the implementation of the various flood alleviation schemes in the Federal Territory. Only two days ago, Kuala Lumpur was plagued by flash floods and traffic jams after a few hours of heavy rainfall. Commuters from the various parts of the Wilayah Persekutuan were stranded though we had been assured in this House or through the Press especially the following day after the dreadful floods in the City by the Minister concerned that

various flood alleviation schemes costing millions of dollars would be introduced under the Third Malaysia Plan. But when, nobody actually knows. I hope the Minister concerned can disclose to this House when this scheme will be introduced.

Sir, regarding flash floods, I wish to draw the attention of this House to the rampant development of housing estates such as Taynton View and Taman Midah to the west of Sungai Besi town. This rampant development has caused frequent flash floods whenever there is a heavy rainfall. This is due to the clearing of the vegetation on higher grounds to make way for the above-mentioned housing estates and the lack of proper drainage to divert and contain rain water. The existing waterways running through the town are far too shallow and narrow to contain the increased volume of rain water from the higher grounds to the west. Such flash floods usually cover the town with one foot of water which gives rise to dreadful traffic jams at the entrance of the town and on both ends of the main road leading to the town of Sungai Besi. These traffic jams often cause a long queue of vehicles which sometimes stretch for more than a mile on both ends of the road resulting in great inconvenience and wastage of time to the people. Bearing in mind of the strategic position of Sungai Besi town where the Sungai Besi Military Camp is situated, one would wonder what will happen if there is an enemy attack on the military camp on a flooding day. The mobility from outside the camp in Sungai Besi will be very much affected. Similarly, if there is an attack on the City itself, mobile aid from Sungai Besi town would also be stranded. In this connection, I wish to call upon City Hall or the authorities concerned to remedy the flooding in Sungai Besi with the view of clearing the security risk it will cause and also to prevent further inconvenience caused to the residents there.

7.25 *mlm.*

Tuan Au How Cheong (Telok Anson):

Tuan Pengerusi, saya mohon izin bercakap di dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi, saya bercakap di bawah Kepala B. 49, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am dan (2) Perkhidmatan kepada Kerajaan Tempatan, muka surat 349.

(*Dengan izin*) Sir, I would like to take this opportunity to call upon the Ministry to have more direct communications with the Local Government. In the past, as far as I know, on matters concerning Local Government, the discussions and communications were confined mainly between the Ministry and the State Governments. Rarely do we hear of officials from this Ministry visiting the local authorities. It is understandable if the subjects discussed refer to policy, refer to amendments of the existing laws or the creation of new ones. Such a discussion undoubtedly would be confined between these two authorities, i.e., the State Government and the Ministry. But in order to be able to render any advice and service effectively to the Local Government, there must be some direct communication between the Ministry and the local authorities. It is also appreciated that it would not be possible, or it would not be an easy matter, for the Ministry to visit all the local authorities as there are so many. I would, therefore, propose that officials of this Ministry or, better still, the Honourable Minister himself would extend visits or conversations at least at district level periodically, so that there would be more direct contact and that the Minister or the Ministry would have a better picture and a deeper understanding of the problems faced by the local authorities.

Tuan Pengerusi, I make the above proposal because I am aware that many local authorities are not aware or do not know of the type of facilities provided by this Ministry in spite of the fact that they are very badly in need of this assistance. For example, the Ministry can provide a main drainage system for Bandar Melaka under Pecahan-kepala 46 or a new market for Seremban under Pecahan-kepala 51. Many towns, especially Telok Anson, for instance, are in need of such facilities and are unable to get them because they push all their problems to the State Government and it is common knowledge that most of the State Governments are already overloaded with so many problems. I would, therefore, appeal to the Minister to send his officials around more often to visit the local authorities.

7.28 mlm.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Semerah): Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian bercakap di bawah

Kepala B. 49, B. 50, B. 51, B. 52, B. 53, B. 54 dan B. 55 di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar. Pecahan-kepala 1100, muka surat 354, Kepala B. 50 Perancang Bandar dan Desa, Aktiviti (4) Bahagian Perancang Kawasan Bandar.

Di bawah Aktiviti ini saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri berkenaan supaya menitikberatkan lebih lagi terhadap bangunan kawasan pasar minggu di Kuala Lumpur khususnya di kedai-kedai jualan di dalam kawasan pasar minggu Kuala Lumpur itu, kerana tempat ini adalah tumpuan kunjungan pelawat-pelawat luar negeri yakni tourist. Dan saya percaya kiranya kedai-kedai di dalam kawasan itu di cantikkan lagi dengan tanaman-tanaman seperti bunga seperti yang diperbuat di pusat bandaraya, pelawat-pelawat akan tertarik datang ke kawasan ini untuk membeli-belah dan ini akan memperelokkan pemandangan di negara kita selain daripada mengharumkan nama negara kita Malaysia ini.

Dan juga dengan cara mengelok dan memperkemaskan keadaan dan kedudukan pasar minggu yang ada itu, Kerajaan juga dengan tidak secara langsung dapat menolong peniaga-peniaga yang di dalam kawasan itu yang boleh dikatakan keseluruhannya terdiri daripada bumiputra dan khususnya orang Melayu yang ingin mencuburkan dirinya di dalam lapangan perniagaan. Lagipun Pejabat Pelancungan berdekatan dengan Pasar Minggu yang tersebut. Sekiranya Kerajaan tidak mengambil perhatian mengenai dengan kemajuan Pasar Minggu ini bererti bangunan-bangunan yang telah didirikan itu akan mengalami kerugian dan mungkin peniaga-peniaga yang ada di situ akan meninggalkan tempat itu dan beralih ke lain tempat untuk mencari kemajuan perniagaan mereka.

Di bawah Kepala B. 54, Pecahan-kepala 1100 muka surat 366, Aktiviti (1)—Pentadbiran Am dan Aktiviti (2)—Percetakan. Di bawah Aktiviti (2) saya suka menyatakan penghargaan kepada Jabatan Cetak Kerajaan kerana kerja-kerja yang telah diselenggarakan mengenai cetak-mencetak risalah-risalah Perbahasan Parlimen. Walaupun kerja-kerja yang dihantarkan kepada Jabatan Cetak itu lambat ataupun berhampiran benar dengan tarikh Mesyuarat

Parlimen, namun demikian Jabatan ini telah menyelenggarakan kerja-kerjanya dengan memuaskan. Dalam hubungan ini saya menyeru kepada Kerajaan supaya mengambil beberapa orang lagi kadet-kadet untuk dilatih sebagai pegawai yang berkelayakan demi untuk melicinkan lagi perjalanan pentadbiran Pejabat dan kerja-kerja mencetak. Dengan adanya tambahan dibuat bagi mencukupkan pegawai di Jabatan Percetakan ini, saya berharap supaya risalah-risalah Parlimen akan dapat disiapkan lebih awal dan dapat dihantarkan kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya perkara yang hendak dibincangkan di dalam Mesyuarat Parlimen dapat diteliti oleh Ahli-ahli Mesyuarat ataupun Ahli-ahli Parlimen supaya tidaklah berlaku seperti yang ada pada hari ini. Ini mungkin disebabkan kekurangan kakitangan, maka dengan ini saya memberi sokongan kepada pihak Kementerian yang berkenaan di atas peruntukannya supaya dapat diselenggarakan kerja-kerja tersebut.

Kepala B. 49, Pecahan-kepala 1200, Aktiviti (3)—Alam Sekitar. Saya juga menyeru Kerajaan dan pihak-pihak yang berkenaan supaya segera menjalankan kajian yang tertentu di dalam kawasan-kawasan perumahan haram ataupun setinggan. Ini memandangkan kedudukan penghuni-penghuni sekarang ini yang mana adalah tidak adil dibiarkan mereka itu bergerak dengan sewenang-wenangnya dengan tidak memikirkan keadaan udara di sekelilingnya. Melalui kedudukan secara ini sebahagian besarnya tidaklah dikatakan benar-benar miskin, tidak ada tempat tinggal dan sebagainya. Silalah jalankan penyiasatan dengan teliti betapa sebuah rumah kilat atau setinggan mempunyai kelengkapan perabut yang mahal, dengan dapur gas dan sebagainya dan mempunyai kereta-kereta baru. Ini menunjukkan siapa mereka yang sebenarnya. Setengah-setengah daripadanya pula mengambil kesempatan mendirikan rumah dengan tidak mengira tempat itu merbahaya dengan tujuan untuk disewakan kepada orang-orang yang memerlukan rumah, sedangkan rumah-rumah ini tidak cukup perbekalan, umpamanya, bekalan api, air, tandas dan parit tempat saluran air dan udaranya juga tidak cukup, menyebabkan kawasan ini penuh dengan nyamuk dan lalat. Dengan keadaan yang demikian bukan sahaja orang yang duduk di dalam kawasan

ini sahaja akan mengalami kesulitan atau merbahaya dengan sebab udara tidak cukup, tetapi juga melibatkan orang-orang yang berdekatan di situ. Saya mencadangkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Pencegahan Pendirian Rumah-rumah Setinggan supaya dapat mengawal setiap masa dan setiap ketika kepada tanah-tanah Kerajaan ini daripada didirikan rumah-rumah setinggan. Tidak seperti yang ada pada hari ini sesudah didirikan dan sesudah diduduki oleh penghuni-penghuni barulah Kerajaan mengambil tindakan. Ini adalah merosakkan nama baik Kerajaan kerana sebagaimana yang telah dilakukan di masa-masa yang sudah. Maka dengan ini saya memberikan sepenuh-penuh sokongan di atas peruntukan yang telah diberikan kepada Kementerian yang berkenaan.

Tuan Pengerusi: Saya cuma dapat membenarkan seorang sahaja lagi Ahli Yang Berhormat bercakap, selepas itu saya akan jemput Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menjawab.

7.36 mlm.

Tuan Tan Cheng Bee (Bukit Mertajam): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong kepada peruntukan di semua bahagian di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar. Saya ingin bercakap di bawah Kepala B. 50—Perancang Bandar dan Desa, Pecahan-kepala 1100.

Saya mohon izin dalam ucapan saya hendak campur sedikit sebanyak menggunakan bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi, di dalam Perancang Bandar dan Desa banyak Majlis Tempatan sudah dicantumkan sebagaimana mengikut pendapat Yang Berhormat Menteri apabila Majlis ini bercantum kerja-kerja yang dibuat lebih giat dan baik serta perbelanjaan pentadbiran dan lain-lainnya boleh dikurangkan.

Tuan Pengerusi, pada pendapat saya, percantuman Majlis Tempatan di Seberang Prai, seperti Seberang Prai Utara, Seberang Prai Tengah dan Seberang Prai Selatan sangat luas dan tidak sesuai dengan dasar Kerajaan untuk menolong penduduk-penduduk di luar bandar.

(*Dengan izin*) Sir, if I am not mistaken, it is the policy of Government to bring every Government Department having close dealings with the rakyat in luar bandar as close as possible to the people in the area. The amalgamation of three Councils in Seberang Prai is far from that policy. The headquarters of the Amalgamated Council is in Butterworth which is not less than 30 miles from Sungei Udang, the southernmost point of Province Wellesley dan kalau Majlis yang dicantumkan itu boleh mengurangkan perbelanjaan pentadbiran Majlis ini, saya rasa tidak betul langsung kerana di dalam mesyuarat L.P.K.T. pada bulan yang lepas saya lihat kalau tidak silap saya Budget untuk tahun 1976 telah diluluskan dengan deficit \$3 juta. Di sini saya hendak menegor \$3 juta deficit bagi sebuah Majlis Tempatan sahaja boleh dikatakan terlampau banyak. Tuan Pengerusi, all members of the Amalgamated Council of the L.P.K.T. are nominated not according to their wards. The people, therefore, do not know to whom to go when they have problems affecting the Council, except to go to the State Assemblyman or the M.P. of that area. In order to make it possible for the residents in the respective areas to make representation to the L.P.K.T. effectively, I would suggest that the Chairman and the senior officers of the Lembaga make regular visits to the respective Districts. It will be better if a monthly itinerary be published showing the time and date the Chairman and senior officers would visit each district in order to facilitate the people meeting them on problems affecting the work of the Council.

Finally, Sir, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri sekiranya hendak mencantumkan Majlis di negeri-negeri lain yang belum dicantumkan diharap bercermatlah sedikit supaya jangan lagi percantuman Majlis yang begitu luas menyebabkan kesusahan dan kebimbangan kepada penduduk-penduduk di satu-satu kawasan.

7.40 mlm.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya hendak mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada mengambil bahagian dan memberi teguran dan pandangan-pandangannya kepada saya berkenaan dengan Bekalan Belanjawan Kementerian yang di bawah jagaan saya.

Saya rasa dukacita Ahli Yang Berhormat dari Kepong tidak ada di sini untuk mendengar apa yang saya hendak jawab kepada teguran-tegurannya. Ahli Yang Berhormat itu berkata kawasan-kawasan tambahan dalam Wilayah Persekutuan kena cukai pintu yang baru ada 4,000 orang menurut apa yang dikatakan di dalam suratkhbar ada membuat bantahan (objection) kepada Wilayah Persekutuan tentang cukai pintu yang baru. Saya fikir ini ada sedikit kekeliruan sebab kebanyakan yang membuat bantahan ini tidak berapa mengerti. Sebab apa yang dikeluarkan kepada mereka bukan apa yang mereka patut bayar kepada Wilayah Persekutuan, itu cuma harga nilaian rumahnya jikalau dihetong rumahnya disewakan kepada orang awam. Ertinya, di dalam bahasa Inggeris rateable value yang patut dikenakan kepada sesebuah rumah itu, itu bukan apa yang patut dibayar kepada Dewan Bandaraya. Jadi, daripada itu barulah Dewan Bandaraya baru menetapkan berapa peratuskah yang patut diambil (charge) kepada rateable value itu. Jadi, ini barangkali ada sedikit kekeliruan daripada orang ramai dan tidak lama lagi masaalah ini akan diselesaikan apabila orang yang membuat bantahan itu bertemu dengan pegawai-pegawai di Dewan Bandaraya sebab dalam peruntukan Undang-undang Kecil, ada peruntukan untuk appeal kepada Dewan Bandaraya. Jikalau appeal itu dibuat keterangan akan diberi kepada mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga ada menyentuh kawasannya sendiri iaitu Kepong. Saya suka memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat iaitu Kawasan Wilayah yang di luar daripada asalnya iaitu 36 batu persegi tidak dikenakan assessment, kecuali taman perumahan atau housing estate yang ada termasuk di dalam kawasan baru itu dan ini pun hanya dapat 7% sahaja. Datuk Kramat 6% sahaja dan Jinjang yang biasanya membayar assessment kepada Kerajaan Negeri Selangor, assessment yang akan dikenakan 7%. Rasa saya tidaklah boleh menjadi keberatan kepada penduduk-penduduk di kawasan itu.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai, saya bersetuju kepada pendapat-pendapatnya, memberi perkhidmatan asas kepada Penguasa-penguasa Tempatan. Syor-syor ini akan diambil maklum.

Berkenaan dengan perancangan, beliau juga membuat syor kajian dari segi sosio-ekonomi, pengawalan, penjenayah dan lain-lain. Usaha-usaha menstruktur Penguasa Tempatan sekarang adalah bertujuan untuk menjadikan penguasa-penguasa Tempatan itu lebih viable yang boleh memberi perkhidmatan asas dan melaksanakan pembangunan. Ahli Yang Berhormat juga mengesyorkan supaya lebih kuasa diberi kepada Penguasa-penguasa Tempatan dan juga Ahli-ahli Majlis yang akan dilantik sekarang kurang layak, kerana tidak berapa ada pengalaman. Beliau mengesyorkan supaya proses menstruktur semula untuk membentuk pentadbiran mesti dilihat daripada kedudukan kewangan. Akta baru memberi kuasa lebih lagi kepada Penguasa-penguasa Tempatan dan kepada Kerajaan Negeri melantik ahli-ahli yang berkeliber. Berkenaan dengan perancang Akta baru ada peruntukan supaya dapat kajian dibuat terlebih dahulu.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus menegur Ahli Majlis Tempatan gelisah kerana sudah beberapa tahun tidak diganti. Ini ada digantikan dan ahli-ahli baru akan dilantik oleh Kerajaan Negeri.

Berkenaan dengan sepucuk surat yang dihantar kepada saya pada 4hb Ogos, 1971, meminta kaji elau sebanyak \$20 sebulan yang diberikan sekarang kepada Ahli-ahli Majlis Kerajaan Tempatan, soal menambah elau terpulanglah kepada Kerajaan Negeri. Jadi, saya boleh juga menggunakan jasa baik saya menasihatkan kepada Kerajaan Negeri tetapi kuasanya adalah terletak di bawah Kerajaan Negeri. Di dalam suatu mesyuarat Majlis Kerajaan Tempatan Negara, perkara ini telah dibincangkan dan dipersetujui oleh Negeri-negeri yang berkenaan supaya apabila Ahli-ahli Majlis Kerajaan Tempatan apabila tamat perkhidmatannya akan diberi saguhati sebanyak \$300 seorang.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus juga ada bersungut kerana perancang kita masa ini buat rancangan jangka pendek, perancangan dibuat oleh perancang untuk bandar dan kampung tetapi perlaksanaannya dijalankan oleh pihak yang lain. Jadi, Kementerian saya boleh menolong kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar menyentuh mengenai banjir yang berlaku di Kuala Lumpur. Saya telah men-

jelaskan dengan panjang lebar tentang rancangan mencegah banjir. Perkara ini telah ditimbulkan semasa soal-jawab di dalam Dewan yang mulia ini pada 29hb Oktober, 1975, saya telah menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Telok Kemang dengan panjang lebar menerangkan apa yang dirancangan oleh Kerajaan samada jangka panjang atau jangka pendek untuk mengatasi banjir di dalam Wilayah Persekutuan dan kawasan di sekitarnya. Saya berharap kepada Ahli Yang Berhormat supaya merujuk kepada *Hansard* tersebut supaya dapat beliau membaca dengan jelasnya apa yang telah saya katakan dahulu dan tidak payahlah saya membuang masa untuk menjawab perkara ini lagi.

Saya cuma hendak memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat mengenai kerja untuk membaiki pamaritan dalam kawasan Kuala Lumpur dan di sekitarnya telah dijalankan oleh Jabatan Parit dan Taliair. Saya berharap kita dapat mengatasi perkara yang terjadi beberapa hari yang lepas.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga telah membuat teguran mengenai mencegah asap-asap kereta dan lain-lain. Langkah-langkah sedang diambil dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan untuk mengadakan peraturan bagi mencegah perlepasan asap daripada kenderaan. Untuk tujuan ini alat-alat khas Hatridge smoke-meter sedang dipesan daripada luar negeri. Alat-alat ini adalah perlu untuk menguatkuasakan peraturan-peraturan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson mengesyorkan supaya Kementerian saya bersangkutpaut dengan lebih rapat lagi dengan Kerajaan Tempatan dan bukan dengan Kerajaan Negeri sahaja. Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu pegawai-pegawai di Kementerian saya dan saya sendiri kadang-kadang telah banyak kali membuat lawatan ke negeri-negeri untuk memberi nasihat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Bagi tahun ini lawatan telah dibuat kepada ibu negeri dan bandar-bandar besar bagi maksud menstruktur Kerajaan Tempatan yang baru. Telok Anson juga dilawati dan lawatan akan dikerapkan lagi pada tahun 1976.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi bersungut mengenai pentadbiran kesihatan di

bandar Kuala Lumpur dan bersungut mengenai pembuangan sampah oleh kontrektor-kontrektor di kawasan Ahli Yang Berhormat itu. Lori untuk membuang sampah sarap telah dipesan tetapi belum lagi sampai dan oleh kerana itu Dewan Bandaraya belum dapat mengambilalih perkhidmatan itu. Beliau berpendapat perancangan tidak elok sebab banjir atau flash flood selalu berlaku. Saya suka menerangkan tidak ada rancangan yang dibuat untuk mencegah banjir itu. Rancangan pencegahan banjir belum lagi selesai dilaksanakan.

Satu perkara lagi yang telah dikemukakan ialah mengenai perbuatan oleh pemaju-pemaju bila taman perumahan dibuka seperti Taman Midah mengenai potongan pokok dan lain-lain. Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, sekarang tidak boleh lagi dibuat begitu kerana telah ada undang-undang yang mengawal kerja tanah.

Mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Semerah saya tidak berapa faham dengan apa yang ditegurkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, tetapi saya akan mengambil perhatian tentang apa yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Akhirnya, kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, saya mengucapkan banyak terima kasih di atas sokongannya dan pendapatnya berkenaan dengan kawasannya iaitu Seberang Prai yang terlalu luas, dengan sebab itu pentadbirnya tidak berapa lengkap dan tegas. Ini adalah satu perkara yang rumit kerana baru setahun Kementerian Kerajaan Tempatan ditubuhkan dan kita berharap tidak lama lagi Kerajaan Tempatan Seberang Prai boleh memberi perkhidmatan yang lebih berkesan lagi. Jadi syornya kepada Pengerusi dan Pegawai-pegawainya supaya mereka melawat tempat-tempat yang di luar daripada Butterworth supaya dapat berhubung rapat dengan penduduk-penduduk di Seberang Prai Utara dan Seberang Prai Selatan dan kami akan menasihatkan kepada Pengerusi dan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$1,626,900 untuk Kepala B. 49; \$1,163,400 untuk Kepala B. 50; \$395,900 untuk Kepala B. 51; \$2,024,900 untuk Kepala B. 52; \$1,030,700 untuk Kepala B. 53; \$14,563,500 untuk Kepala B. 54 dan

\$1,208,000 untuk Kepala B. 55 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$8,500,070 untuk Kepala P. 49; \$609,000 untuk Kepala P. 52; \$375,000 untuk Kepala P. 54 dan \$440,000 untuk Kepala P. 55 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Sementara, 1976.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita teruskan perbahasan di bawah Kementerian Perhubungan. Saya jemput Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Kepala B. 56, B. 57, B. 58, B. 59 B. 60, B. 61 dan B. 62 (Jadual)—

Kepala P. 56, P. 57, P. 58, P. 59, P. 60, P. 61 dan P. 62 (Anggaran Pembangunan Sementara, 1976)—

8.00 mlm.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Pengerusi, dengan izin Tuan, saya suka membentangkan Anggaran Belanja Mengurus bagi Kementerian Perhubungan dan Jabatan-jabatan di bawah Kementerian saya, di bawah Kepala-kepala B. 56 hingga B. 62 diambil semua sekali:

B. 56 Kementerian Perhubungan	\$ 1,035,400
B. 57 Penerbangan Awam	6,300,110
B. 58 Perkhidmatan Kaji-cuaca	5,525,600
B. 59 Jabatan Laut ...	4,386,200
B. 60 Jabatan Laut Sarawak dan Sabah ...	6,636,100
B. 61 Perkhidmatan Pos ...	57,886,400
B. 62 Jabatan Talikom ...	10
JUMLAH ...	\$81,769,820

menjadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi, saya suka membentangkan Anggaran Pembangunan bagi Kementerian Perhubungan serta Jabatan-jabatan di bawahnya di bawah Kepala-kepala P. 56 hingga P. 62 iaitu:

P. 56 Kementerian Perhubungan	\$101,175,412
P. 57 Penerbangan Awam	44,011,370
P. 58 Perkhidmatan Kaji-cuaca	158,644
P. 59 Jabatan Laut ...	329,519

P. 60 Jabatan Laut Sarawak dan Sabah ...	620,391
P. 61 Perkhidmatan Pos	5,258,280
P. 62 Jabatan Talikom ...	6,800,000
JUMLAH ...	<u>\$158,353,616</u>

menjadi sebahagian daripada Jadual.

Anggaran Belanja Mengurus bagi Tahun 1976 yang berjumlah \$81,769,820 telah bertambah hanya sebanyak \$1,646,190 jika dibandingkan dengan anggaran Tahun 1975 yang berjumlah \$80,123,630. Tambahan ini di antara lain merupakan tambahan perbelanjaan kakitangan dan kenaikan-kenaikan perbelanjaan biasa. Sementara Anggaran Pembangunan Sementara yang berjumlah \$158,353,616 merupakan perbelanjaan hadap projek-projek pembangunan Rancangan Malaysia Kedua yang akan diteruskan atau akan siap dalam tahun 1976.

Tuan Pengerusi, adalah menjadi dasar dan tujuan Kementerian saya, pada tahun hadapan ini, untuk lebih memperbaiki lagi perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh jabatan-jabatan dan agensi-agensi di dalam beberapa bidang perhubungan dan pengangkutan. Di dalam lapangan perhubungan dan pengangkutan di mana perkembangannya begitu pesat sekali, adalah penting bagi kita untuk mengkaji dan meneliti di mana mana perlu akan pula berusaha menggunakan alat-alat dan teknik-teknik yang moden sesuai dengan perkembangan teknologi pada masa ini supaya kita tidak ketinggalan di dalam lapangan ini dan juga untuk memberikan perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih sempurna dan cekap kepada pengguna-pengguna. Di samping itu, Kementerian saya juga berhasrat untuk mempergunakan dengan sepenuhnya kelengkapan dan kakitangan yang sedia ada. Dari segi ini penumpuan akan diberikan di dalam menyediakan kemudahan-kemudahan latihan kepada semua kakitangan untuk melengkapkan diri mereka dengan teknik-teknik moden dan terbaharu supaya membolehkan mereka memperbaiki lagi prestasi di dalam pekerjaan, tetapi ini pula tidak bermakna yang Kementerian ini akan melupakan tata-tertib dan sopan santun kakitangan-kakitangan. Perhatian juga akan diberikan di dalam menyemai sifat-sifat kelakuan yang baik dan bersopan santun di kalangan kakitangan-

kakitangan terutamanya mereka yang mempunyai perhubungan secara langsung dengan orang ramai.

Sifat-sifat Penting Tahun 1976

JABATAN POS

Pembinaan Pejabat Besar Pos Kota Bharu, Pejabat Pertukaran Mel di Butterworth, Pejabat Pos Mersing dan Keluang akan diteruskan dan dijangka siap pada akhir tahun ini atau awal tahun 1976. Sebanyak 10 buah pejabat pos bergerak akan dilancarkan lagi awal tahun 1976, di samping 43 buah wakil-wakil pos yang di jangka dibuka dalam tahun itu juga.

JABATAN TALIKOM

Jabatan ini memerlukan pinjaman berjumlah \$6,800,000 di dalam Anggaran Pembangunan Sementara bagi membantunya meneruskan usaha-usaha menambah dan memperbaiki lagi perkhidmatan talipon dan taligraf keseluruhan negara. Beberapa ibusawat baru akan dibina yang akan menyediakan lebih kurang 112,000 talian dalam tahun 1976. Di samping itu juga ibusawat-ibusawat automatik akan terus ditambah untuk membolehkan panggilan jauh dibuat tanpa melalui operator. Sementara rancangan rangkaian pelanggan-pelanggan pula akan menyiapkan 60,120 pasangan talian dan 18,800 talian tambahan ibusawat langsung dalam tahun 1976 untuk memenuhi kehendak-kehendak permohonan yang kian bertambah. Sebanyak 600 talian-talian pelanggan telex juga akan di jangka dipasang dalam tahun 1976. Untuk mendapatkan butir-butir lanjut mengenai anggaran perbelanjaan jabatan ini silalah merojok kepada Kertas Statut Bil. 67/75 yang ada dibentangkan di Parlimen ini.

PELABUHAN-PELABUHAN

Pelabuhan Kelang memerlukan pinjaman berjumlah \$16,100,000 untuk melaksanakan beberapa kerja di bawah rancangan Pembesaran dan Penyambungan Selat Utara di dalam Anggaran Pembangunan Sementara Tahun 1976. Pelancaran Dermaga Kontena kedua juga merupakan salah satu projeknya dalam tahun 1976.

Sebanyak \$15,300,000 adalah diperlukan oleh pihak Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang bagi projek-projek Perhentian "Bulk Cargo" dan Dermaga keenam di Butterworth di dalam Anggaran Pembangunan Sementara

1976. Kedua-dua projek akan dimulakan dalam tahun 1976. Dermaga keenam di jangka siap dalam tahun 1977 sementara projek Perhentian "Bulk Cargo" di jangka siap dalam tahun 1978. Di samping itu pula kompleks Pengkalan Bas/Gerai-gerai Butterworth akan diteruskan pembinaannya dalam tahun 1976. Kemudahan kontena di Dermaga Butterworth ini juga hampir selesai. Projek-projek pembinaan pelabuhan-pelabuhan Johor, Kuantan dan Jeti Melaka akan diteruskan dalam tahun 1976. Jeti Kuala Trengganu telahpun siap dibina. Lembaga-lembaga Pelabuhan Kuantan dan Johor yang baru ditubuhkan memerlukan pinjaman berjumlah \$3,700,000 untuk belanja-belanja mengurus mereka.

\$11,000,000 yang akan dipinjamkan kepada Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad (M.I.S.C.) dalam tahun 1976 adalah merupakan bayaran-bayaran yang diperlukan berkaitan dengan pembelian kapal-kapal "Coastal". Sebanyak \$11,631,589 pula akan dipinjamkan kepada Limbungan Kapal dan kejuruteraan Malaysia Sendirian Berhad untuk meneruskan kerja-kerja pembinaannya dan ada kemungkinan limbungan-limbungan itu akan mula digunakan pada tahun 1976.

Pembinaan pelabuhan-pelabuhan di Kota Kinabalu dan Sandakan akan siap tahun ini, sementara Pelabuhan Sibul pula di jangka siap dalam tahun 1976.

KERETAPI TANAH MELAYU

Dalam Anggaran Pembangunan Sementara tahun 1976, peruntukan berjumlah \$18,925,010 ini adalah bertujuan meneruskan rancangan-rancangan permodenan, pemuliharaan dan pembangunan Keretapi Tanah Melayu. Sebanyak 20 buah koc kelas tiga dan 14 koc kelas dua di jangka diterima lewat tahun 1976. Sebuah "Model" Keretapi bagi kegunaan sekolah latihan juga dijangka diterima dalam tahun 1976. Dengan tujuan memberi kemudahan pengangkutan sepenuhnya kepada orang ramai, Keretapi Tanah Melayu telah menambah perkhidmatan seperti dari Kuala Lumpur ke Batu Caves telah dimulakan pada 15hb Oktober, 1975 dari Kuala Lumpur ke Kelang, sebanyak 7 perkhidmatan telah dimulakan pada 1hb Disember, 1975 pula dari Kuala Lumpur ke Sungai Buluh. Untuk mendapatkan butir-butir lanjut perbelanjaan pengurusan dan

pembangunan Keretapi Tanah Melayu silalah merujuk kepada Kertas Perintah Bil. 32/75 yang ada dibentangkan di Dewan ini.

PENERBANGAN AWAM

Sesuai dengan perkembangan yang pesat di Jabatan Penerbangan Awam Semenanjung Malaysia sistem pentadbiran kewangannya telah bertukar corak kepada sistem Akaun Perdagangan yang dijangka dapat menunjukkan dengan lebih tepat lagi prestasi Jabatan ini di samping melicinkan lagi aspek pentadbiran kewangan yang diperlukan oleh jabatan ini

Dalam tahun 1976 jabatan ini akan terus melaksanakan rancangan-rancangan memperbaiki kemudahan-kemudahan penerbangan seperti mengadakan alat-alat pembantu penerbangan, radar-radar selain daripada projek-projek pembangunan memanjangkan landasan di Kota Kinabalu, Pulau Pinang, Kota Bharu dan Kuching. Untuk mendapat butir-butir lanjut mengenai anggaran perbelanjaan Jabatan Penerbangan Awam Semenanjung Malaysia; Ahli-ahli Yang Berhormat sila rojak kepada Kertas Perintah Bil. 76/75 yang ada dibentangkan di Parlimen ini.

KAJICUACA

Selain daripada tugas utamanya membantu Penerbangan Awam jabatan ini telah dapat dengan jayanya membantu usaha-usaha Kerajaan memajukan sektor pertanian, menyediakan data-data amaran ribut dan akan memperluaskan lagi perkhidmatannya untuk meliputi bidang pencemaran udara yang menjadi masalah besar negara-negara membangun terutama negara-negara perindustrian. Projek-projek pembangunan Jabatan ini di bawah Rancangan Malaysia Kedua hampir siap kesemuanya melainkan dua balai kajicuaca di Temerloh dan Alor Star dan sebuah balai sismoloji di Ipoh di jangka siap dalam tahun 1976.

LAUT

Pembinaan besar-besaran sebuah jeti di Kuala, Pulau Langkawi akan siap tidak beberapa lama lagi, sementara sebuah Limbungan Kecil di Pelabuhan Kelang akan siap pada pertengahan tahun 1976. Di Sarawak pula pembinaan sebuah kapal Pendarat bagi membantu di dalam perlaksanaan projek-projek pembangunan di Sarawak sedang di-siapkan. Sabah akan membelanjakan sejumlah \$92,246 untuk menyediakan alat-alat

membantu pelayaran supaya kapal-kapal dapat belayar di perairan Malaysia dengan selamatnya.

Demikianlah serba ringkas aktiviti-aktiviti pengurusan dan pembangunan yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Perhubungan dan Jabatan-jabatan serta badan-badan berkanun di bawahnya dalam tahun 1976.

Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, saya pohonkan supaya Anggaran Belanja Mengurus Kepala-kepala B. 56 hingga B. 62 sebanyak \$81,769,820 dan Anggaran Pembangunan Kepala-kepala P. 56 hingga P. 62 sebanyak \$158,353,616 dijadikan sebahagian daripada Jadual dan diterima.

8.14 mlm.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Pengerusi, saya bercakap dengan seberapa ringkas di bahagian Kepala P. 61, Pecahan-kepala 21—Pejabat-pejabat Pos Sarawak, muka surat 414, yang mendapat peruntukan sebanyak \$1,745,252.

Saya suka menarik perhatian Kementerian ini tentang perkara daerah kecil Kuala Oyak di dalam Bahagian Ketiga Sarawak di mana pada waktu penjajah dahulu daerah itu di bawah tadbiran seorang Penolong Pegawai Daerah yang menguruskan segala kerja termasuk perkhidmatan pos. Pada masa sekarang daerah ini selepas ditutup beberapa tahun sudah dibuka semula lebih satu tahun yang lepas dengan mempunyai seorang Pegawai Tadbiran Sarawak dan seorang Kerani dan Budak Pejabat dan beberapa orang pegawai-pegawai lain juga. Walaupun demikian, apa yang ganjil ialah untuk rakyat membeli setem di situ terpaksa membeli daripada Wakil Pejabat Pos di kedai di situ. Begitu juga, mengendalikan surat-surat yang datang untuk disampaikan kepada pihak yang berkenaan kadang-kadang terdapat surat-surat itu hilang, termasuk surat berdaftar seperti yang saya telah difahamkan. Oleh hal yang demikian, saya merayu kepada pihak yang berkenaan supaya Pejabat Daerah Kecil Oyak diberi kuasa menjual setem-setem dan mengendalikan kiriman mel untuk kepentingan rakyat di situ. Pegawai Tadbiran dan Kerani atau Budak Pejabat pun dapat menjalankan tugas pos seperti di Oyak seperti mana dibuat di waktu penjajah dahulu, tidak semestinya pegawai pos dikehendaki bertugas di daerah-daerah kecil

seperti itu memandang urusan pos yang sedikit sahaja untuk jualan setem dan urusan surat berdaftar.

Tuan Pengerusi, saya berharap perkara seperti ini diambil perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan dan saya juga bercadang seperti kawasan Ulu Mukah di Selangau sekarang terdapat seorang Up-river ejen bertugas di situ yang lengkap dengan pejabat yang tertentu. Saya rasa up-river ejen yang mendapat gaji dan elaun sebagai salah seorang yang bekerja tetap di bawah tadbiran langsung oleh Jabatan Residen dan Daerah diberi kuasa menjual setem dan mengendalikan kiriman mel dan menerima mel yang tertentu sahaja seperti dari Ulu Mukah ke Sibul dan sebaliknya bagi memberi perkhidmatan pos yang lebih baik kepada rakyat di luar-luar bandar yang berjauhan daripada pejabat Pos.

Akhirnya, saya menyokong peruntukan yang dikehendaki oleh Kementerian ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

8.18 mlm.

Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed (Arau): Tuan Pengerusi, saya adalah menyokong peruntukan bagi Kementerian Perhubungan dalam Anggaran Belanjawannya yang berjumlah \$240,123,436.

Dalam menyokong Anggaran Belanjawan ini saya suka menyentuh Kepala P. 56, Pecahan-kepala 14—Memodenkan Kemudahan-kemudahan Penumpang. Tahniah patut diberi kepada Kementerian ini yang telah mengambil tindakan untuk memodenkan kemudahan-kemudahan penumpang, moga-moga dengan langkah itu tidak lagi dapat kita dengar sungutan-sungutan yang diberikan oleh penumpang-penumpang, terutama sekali dari segi kesesakan. Saya pernah mendengar penumpang-penumpang bersungut berkenaan perkara ini, mereka terpaksa berdiri daripada Johor Bahru hingga ke utara yang memakan masa lebih daripada 24 jam dan kalau sekiranya langkah ini dijalankan maka maknanya segala sungutan-sungutan itu dapat dihapuskan.

Saya suka menarik perhatian dalam masa-alah ini bukan sahaja pemodenan itu kepada penumpang-penumpang tetapi apa yang diharapkan juga pihak Kementerian dapat

memikirkan juga bagaimana untuk memodenkan ataupun untuk memperbaiki keretapi-keretapi yang mengangkut barang, kerana kalau setakat sekarang ini pada pandangan umum dapat dilihat bahawa keretapi tidak dapat menarik pelanggan-pelanggan untuk menggunakan keretapi bagi mengangkut barang-barang. Kalau sekiranya masalah ini dapat diperbaiki oleh Jabatan Keretapi, bukan sahaja perkara itu dapat mendatangkan keuntungan kepada Jabatan Keretapi, tetapi pada pendapat saya boleh mengurangkan kesesakan lalu lintas di jalan-jalanraya dan boleh mengurangkan kemalangan jalanraya yang sering berlaku di masa ini. Oleh yang demikian, saya harap sepertimana pemodenan yang akan dilakukan kepada penumpang-penumpang keretapi juga hendaklah dilakukan pembaikan supaya dapat menarik pengguna-pengguna menggunakan keretapi di dalam mengangkut barang-barang.

Satu perkara lagi yang saya ingin menyentuh di sini ialah Aktiviti (16) Mengkaji Jambatan. Di dalam perkara ini saya harap pengkajian itu bukanlah semata-mata menumpukan kepada jambatan-jambatan yang besar-besar sahaja tetapi hendaklah juga menumpukan kepada jambatan-jambatan yang kecil-kecil, terutama sekali di kawasan-kawasan persawahan kerana pada perhatian saya kebanyakan jambatan-jambatan kecil di persawahan padi terutama sekali di Kedah dan di Perlis, kebanyakan jambatan-jambatan kecil itu tidak dapat digunakan sekarang ini, tidak boleh dilalui air dan menyebabkan banjir selalu merosakkan padi-padi orang-orang kampung. Petani-petani selalu merungut manakala hujan turun jalan keretapi menyekat air dan jambatan-jambatan kecil itu tidak dapat dilalui oleh air menyebabkan banjir dan menyebabkan kerosakan banyak padi-padi di sebelah utara sana.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh manakala pengkajian dibuat kepada jambatan-jambatan begitulah juga hendaklah pengkajian dibuat kepada gate-gate kecil ataupun jalan-jalan kecil yang melintasi jalan-jalan keretapi di kawasan-kawasan persawahan, kerana dahulunya tiap-tiap setengah batu ada gate-gate kecil yang boleh pesawah-pesawah itu melalui membawakan barang-barangnya dan membawakan alat-alatnya untuk bersawah tetapi gate-gate kecil itu sekarang ini telah dibatalkan, yang menyebabkan kesukaran kepada petani-petani di dalam mem-

bawa barang-barang perusahaan mereka terutama sekali trektor-trektor kecil yang mana memakan masa yang lama kerana mereka terpaksa membawa jalan jauh untuk sampai ke sawah-sawah mereka. Oleh yang demikian, saya harapkan di dalam mengkaji jambatan-jambatan juga hendaklah dikaji berkenaan dengan jalan-jalan kecil yang melintasi jalan keretapi supaya tidak menjadi gangguan kepada petani-petani di persawahan padi di sebelah utara sana menjalankan perusahaan mereka dan memberi kemudahan kepada mereka untuk mengerjakan kerja-kerja mereka di sawah.

8.24 mlm.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya (Maran): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong Anggaran Belanjawan yang baru sahaja dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan sebentar tadi.

Di samping memberikan sokongan saya sukaiah berkata sepatah dua di bawah Tajuk Keretapi Tanah Melayu, muka surat 382. Sebagaimana yang kita semua maklum bahawa semenjak beberapa tahun yang lampau Keretapi Tanah Melayu menempuhi satu sejarah yang agak menyedihkan. Keretapi Tanah Melayu tidak pernah mendapat keuntungan malah sentiasa mengalami kerugian. Pukul rata kerugian semenjak beberapa tahun yang sudah berjumlah lebih kurang \$1 juta sebulan. Di dalam tahun 1974 sahaja kerugian berjumlah lebih kurang \$10.4 juta, di dalam tahun 1975 kerugiannya akan melebihi kerugian tahun 1974 oleh kerana hingga bulan Oktober tahun ini kerugiannya sudah meningkat kepada \$12 juta. Perkhidmatan Keretapi ini ialah satu perkhidmatan awam dan satu jenis pengangkutan yang perlu bagi negara kita ini dan dengan demikian Kerajaan ataupun Kementerian yang berkenaan seharusnya memberikan perhatian yang lebih berat kepada pentadbiran Keretapi ini.

Tuan Pengerusi, adalah benar bahawa pendapatan bulanan Keretapi Tanah Melayu cukup untuk menutup perbelanjaan pengurusan ataupun running expenses dan kerugian yang saya maksudkan itu ialah merupakan kerugian capital depreciation sahaja, akan tetapi kerugian capital depreciation itu seharusnya tidak patut dibiarkan berlarutan. Sehingga hari ini pihak Kerajaan tidak pernah memberikan sebarang subsidi

kepada Keretapi Tanah Melayu. Masanya akan tiba apabila capital depreciation itu telah menjadi begitu banyak hinggalah perjalanan keretapi mungkin tergendala dan Kerajaan diwaktu itu akan terpaksa mengeluarkan subsidi beratus juta ringgit yang boleh mencekik Perbendaharaan sendiri.

Saya mengetahui, Tuan Pengerusi, bahawa Keretapi Tanah Melayu mempunyai banyak potensi, Keretapi Tanah Melayu mempunyai harta yang tidak bergerak ataupun immovable property yang bernilai beratus juta ringgit di seluruh negara ini. Akan tetapi, berapakah pendapatan bulanan dari hartahartanya yang sebenar? Setakat yang saya tahu hanya setengah juta ringgit sebulan. Ini tentulah menghairankan kita dan tidakkah Kementerian berkenaan mempunyai perasaan syakwasangka bahawa memang ada penyelewengan di dalam pentadbiran Keretapi ini. Penyelewengan ini bukan dilakukan dalam tahun 1974 ataupun dalam tahun 1975 bahkan telah berlaku semenjak berpuluh tahun dahulu di mana harta-harta tidak bergerak ini seperti "Godown", tanah disewakan dengan harga 8 sen satu kaki persegi dan selama inperpetuity, sedangkan harga pasaran ini ialah di antara 20 sen hingga ke 30 sen satu kaki persegi. Bukti penyelewengan ini nyata sekali apabila pihak Perbendaharaan telah meminjamkan seorang daripada pegawainya pada tahun ini untuk menjadi Pegawai Pentadbir Urusan Tanah dan Harta, maka pegawai tersebut telah berjaya hingga ke bulan Oktober tahun ini mendapatkan pendapatan setengah juta ringgit lebih daripada pendapatan-pendapatan yang sudah. Ini ialah disebabkan pegawai tersebut adalah seorang yang muda, yang penuh dedikasi dan seorang yang bersemangat bertanggungjawab di dalam tugasnya dan saya rasa jikalau Keretapi Tanah Melayu mempunyai 20 orang sahaja pegawai-pegawai seperti ini yang ditempatkan di jawatan yang strategic, maka saya percaya Keretapi Tanah Melayu sudah tentu bukan sahaja tidak mengalami kerugian bahkan akan mendapat keuntungan yang besar di masa-masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, jawatan yang strategic yang saya maksudkan itu ialah jawatan yang menguruskan hal-hal penumpang dan jawatan yang menguruskan hal-hal pengangkutan barang-barang, kerana kedua-dua bahagian ini mendatangkan pendapatan tidak kurang daripada \$6 juta sebulan

daripada jumlah pendapatan \$7 juta sebulan. Pendapatan daripada kedua-dua sumber ini semakin hari semakin bertambah dan jika pihak Kementerian tidak mengawasi dengan betul maka saya khuatir kesempatan ini tidak dapat digunakan dengan sebaik-baiknya.

Begitu juga, Tuan Pengerusi, pada hari ini Keretapi Tanah Melayu mempunyai seorang Pengurus Besar yang betul-betul berdedikasi, yang berkaliber dan seorang yang sangat bertanggungjawab dan beliau juga mempunyai Timbalan yang tidak kurang juga cekapnya daripada beliau sendiri. Tetapi saya khuatir jikalau Kementerian kurang memandang berat di atas hal pentadbiran Keretapi ini, maka kecekapan ataupun kebolehan pegawai-pegawai ini mungkin tidak dapat digunakan dengan sepenuhnya-penuhnya.

Kita tahu bahawa Keretapi di mana-mana sahaja di dunia ini jarang-jarang benar mendapat keuntungan bahkan mengalami kerugian. Tetapi seperti saya katakan tadi, Keretapi Tanah Melayu mempunyai harta yang begitu banyak dan dengan demikian, Keretapi Tanah Melayu seharusnya menggunakan harta ini dengan cara yang sebaik-baiknya supaya ianya dapat mendatangkan keuntungan dan boleh menutup kerugian Keretapi di tempat-tempat yang mendatangkan kerugian itu. Jadi, saya mengesyurkan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mengambil langkah meminda Railway Ordinance yang saya agak telah usang dan tidak sesuai dengan keadaan zaman ini. Pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, pindaan haruslah dibuat supaya membolehkan Keretapi Tanah Melayu menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan yang lain selain daripada aktiviti tradisional, misalnya, tanah yang beratus ekar itu boleh digunakan untuk pelaburan. Keretapi Tanah Melayu boleh menggunakan tanah-tanah ini untuk pembinaan seperti yang dilakukan sekarang ini. Sungguhpun pembinaan ini telah dimulakan sedikit-sedikit oleh Keretapi namun demikian, saya percaya aktiviti-aktiviti itu tidak begitu menepati dengan Ordinan itu kerana Ordinan itu tidak membolehkan Keretapi membuat pelaburan seperti ini. Saya berharap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengambil tindakan untuk memindanya supaya aktiviti-aktiviti Keretapi

sekarang ini, aktiviti melaburkan modalnya itu tidak ditanya-tanya oleh orang ramai (Public).

Satu lagi perkara, Tuan Pengerusi, saya mohon Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya memikirkan serta mengkaji untuk menjadikan Keretapi Tanah Melayu ini sebagai satu corporation seperti yang dipraktikkan di negara-negara lain, kerana didapati pentadbiran di bawah corporation itu adalah lebih cekap dan menguntungkan. Lagi pun saya rasa di bawah Corporation ini pekerja-pekerja dan pegawai-pegawai Keretapi itu tentulah boleh diberi insentif yang lebih dan dengan demikian saya percaya Keretapi Tanah Melayu boleh merekrut lebih banyak lagi pegawai-pegawai yang berkelibar. Dengan demikian, saya percaya dan yakin bahawa Keretapi Tanah Melayu ini kalau tidak untung sekalipun sekurang-kurangnya dapat mengurangkan kerugian yang dialami itu.

8.33 *mlm.*

Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak):

Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong

Tuan Pengerusi: Saya minta Yang Berhormat bercakap pendek-pendek sedikit, sebab ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain hendak bercakap, dan saya akan menjemput Yang Berhormat Menteri menjawab pada pukul 8.50 malam. Jemput, sambungkan ucapan Yang Berhormat.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Saya menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian yang berkenaan. Saya ingin menyentuh B. 61 Aktiviti (1) Bahagian Pentadbiran Am dan Perkhidmatan Pengurusan, muka surat 410 Perkhidmatan Pos Luar Bandar. Di kawasan-jawasan luar bandar biasanya surat-surat lambat sampai dan kadang-kadang langsung tidak sampai, terutama sekali di kawasan pedalaman yang mana surat-surat itu biasanya diletakkan di satu tempat ataupun di kedai-kedai sahaja, bahkan kadang-kadang dikirim sahaja. Banyak sungutan yang diterima daripada penduduk-penduduk luar bandar bahawa ada surat-surat yang mustahak yang dikeluarkan oleh beberapa pejabat Kerajaan supaya mereka dapat hadir di satu-satu tempat tetapi surat itu telah lambat sampai kepada mereka. Begitu

juga kepada pelajar-pelajar ataupun kepada belia-belia yang dapat tawaran pekerjaan ataupun tawaran temuduga dan sebagainya telah tertinggal begitu sahaja, jadi dengan keadaan demikian, mereka menganggap perkhidmatan ini adalah kurang memuaskan. Oleh yang demikian, saya sukalah mencadangkan supaya dapat ditambah lagi penghantar-penghantar surat di luar bandar ataupun mengadakan seberapa yang boleh beberapa buah wakil-wakil pos sekurang-kurangnya dapat sebanyak-sedikit mengatasi masalah-masalah kelewatan akan surat-surat yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh B. 61 berkenaan dengan Perkhidmatan Pos. Apa yang saya ingin menekankan di sini yakni mengikut rancangan yang sudah hendak habis Rancangan Malaysia Kedua dan Rancangan Malaysia Ketiga sudah hendak timbul, tetapi apa yang diura-urakan untuk mendirikan sebuah pejabat pos di Kampung Gajah sehingga ini tidak lagi kelihatan apa-apa pun. Oleh yang demikian, saya rasa mustahak perkara ini dapat disegerakan kerana mulai tahun hadapan kawasan tersebut telah dijadikan satu kawasan daerah baharu dan meliputi kawasan yang menambahkan beban kerja kepada daerah ini menjadikan dia 7 mukim. Jadi, tentulah perkhidmatan pos begitu perlu dan mustahak di kawasan ini.

Selain daripada itu, saya ingin menyentuh P. 62—Perkhidmatan Talikom ataupun Talipon. Izinkan saya mengucapkan terima kasih kerana pihak jabatan yang berkenaan telahpun dapat memberi sedikit kemudahan kepada kawasan yang tertinggal yakni telah mengadakan sebuah ibusawat kecil dengan tidak payah menggunakan panggilan operator di Kampung Gajah. Jadi, dengan yang demikian, ada lagi saya rasa pondok-pondok talipon di tepi jalan ini perlu dibaiki semula kerana pada masa dahulu tidak ada panggilan terus terpaksa memanggil operator, jadi selalunya mereka yang menggunakan itu bukanlah dengan tujuan hendak merosakkan, tetapi oleh kerana bila panggil itu tidak dijawab, bahkan saya sendiri memanggil melalui operator kadang-kadang tidak dijawab. Jadi, apabila tidak dijawab itu tentulah barangkali yang si pengguna tadi begitu mustahak dengan tidak secara langsung tangannya melepaskan talipon itu dan terjatuh. Jadi saya rasa perasaan pada tiap-tiap orang pun memang

barangkali begitu kerana tidak dapat digunakan dengan baik dia pun rasa marah, apalah talipon ini buat ada sahaja jadi dengan itu tentulah perasaan marahpun tiba. Saya rasa perkara tersebut boleh kita baiki dengan cara pondok-pondok talipon ini dibaiki semula dan kita berunding kepada tempat-tempat yang berkenaan, rumah siapa ataupun dekat rumah siapa boleh kita tempatkan pondok-pondok ini, saya rasa ini lagi lebih selamat. Dengan cara demikian sahaja kalau ada mereka yang nakal tuan rumah itu tentulah boleh mengatakan ini bukan saya punya, tetapi orang ramai punya, jangan rosakkan kerana perkhidmatan ini memang baik boleh kita menggunakannya bila-bila masa. Saya rasa inilah jalan lebih selamat. Saya rasa pada peringkat ini di kawasan saya kalau perlukan tenaga saya boleh berunding untuk meletakkan pondok talipon itu.

Selain daripada itu, saya ingin sentuh berkenaan dengan kajian jambatan di dalam kawasan atau berhampiran dengan kawasan saya ada sebuah jambatan iaitu jambatan Keretapi Sungai Bidor yang mana di sebelah itu digunakan oleh orang-orang yang berjalan kaki dan berbasikal. Keadaannya begitulah menyulitkan kerana sebahagian besar jalan ini adalah digunakan oleh orang-orang ataupun penduduk-penduduk daripada kawasan sawah padi atau kawasan saya sendiri yang pergi ke bandar Teluk Anson melalui jambatan ini.

Saya rasa sudah sampailah masanya jambatan ini diperbesarkan untuk memudahkan mereka yang menggunakan basikal ataupun berjalan kaki. Kadang-kadang pernah terjadi dua tiga kejadian pada masa yang lalu orang yang tergelincir kakinya jatuh ke dalam sungai. Nasib baiklah pada ketika yang sama juga ada pengayuh-pengayuh sampan di bawah itu sempat menyelamatkan. Kalau perkara ini berpanjangan berlaku saya rasa perasaan tidak puas hati penduduk-penduduk luar bandar yang menggunakan jambatan ini tentu merosakkan nama baik Kerajaan kita pada hari ini.

Saya rasa perlulah pihak Kementerian ini dapat mengkaji semula dan memperbesarkan sedikit membolehkan mereka apabila berselisih tidaklah terjadi seperti jambatan gesel yang kadang-kadang tidak boleh lalu dua orang sekali jalan iaitu seorang daripada ber-

henti dan seorang yang lain berjalan. Dengan keadaan demikian bila bersentuh sedikit tentulah orang yang seorang lagi itu jatuh ke bawah. Jadi, itulah sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang akhir sekali, kemudian Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

8.42 mlm.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Pengerusi, dalam membahaskan peruntukan yang diminta oleh Kementerian Perhubungan ini, saya suka sentuhkan Kepala B. 57 dan P. 57 yang berjumlah \$50,311,480 iaitu Pecahan Kepala (1) mengenai Pembesaran Lapangan Terbang di Pulau Pinang.

Tuan Pengerusi, pembesaran lapangan terbang Pulau Pinang ini telah melibatkan pengambilan tanah sawah dan tanah petani-petani dan pembayaran saguhati terhadap pengambilan itu telahpun selesai. Apa yang hendak saya bangkitkan di dalam Dewan ini ialah masaalah saguhati kepada pesawah-pesawah. Pada tuan-tuan punya tanah sawah itu telahpun pihak Kementerian ini membayar saguhatinya, tetapi kepada pesawah-pesawah yang mengerjakan sawah padi, ada yang dua puluh atau tiga puluh tahun yang setengah daripadanya mata pencariannya bergantung kepada sawah padi itu tadi. Jadi apabila tanah sawah ini telah terlibat dengan pembesaran lapangan terbang ini lebih kurang 35 orang pesawah padi telah berjumpa saya dan merayu kepada pihak Kementerian supaya dapat memberi saguhati kepada mereka. Kebetulan pula berhampiran dengan lapangan terbang ini ada sekeping tanah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk pembangunan perumahan. Pesawah-pesawah di sebelah sana telah mendapat saguhati daripada pihak Kerajaan Negeri. Sebaliknya, pembesaran lapangan terbang ini yang telah diambil oleh pihak Kementerian Perhubungan saguhati kepada pesawah itu tidak dibayar. Ini membangkitkan perasaan tidak puas hati. Seolah-olah ada pilih kasih dalam pembayaran saguhati terhadap pesawah ini. Pihak petani atau pesawah tidak tahu yang mana satu yang ditadbirkan oleh Kerajaan Negeri dan yang mana pula ditadbirkan oleh Kerajaan Pusat. Jadi mereka menyatakan tanah ini diambil oleh Kerajaan. Inilah masaalahnya dan saya harap Menteri yang berkenaan akan dapat menimbangkannya. Kalau

Menteri yang berkenaan berkehendakkan butir-butirnya saya akan berikan dengan seberapa segera.

Berhubung dengan pembesaran lapangan-terbang ini juga, pihak pesawah-pesawah tadi merayu supaya anak-anak mereka yang terlibat mengerjakan sawah padi yang mana mata pencarian mereka hari ini sudah hilang. Apa yang mereka merayu kepada Menteri yang berkenaan ialah apabila pembesaran lapangan-terbang itu dibuat, maka banyaklah pekerjaan-pekerjaan baru boleh didapati di lapangan-terbang ini. Misalnya, sebagai ahli bomba, pemotong rumput, penjaga parit di sekeliling lapangan-terbang itu barangkali tidak berkehendakkan pekerja-pekerja yang berkelulusan tinggi. Pihak pesawah dan petani ini berharaplah supaya pekerjaan itu diutamakan kepada anak-anak mereka.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua yang hendak saya cakapkan ialah mengenai Kepala P. 57 muka surat 384, Pecahan-kepala 30, Dermaga Keenam di Butterworth.

Pada masa yang lalu jemaah-jemaah haji menggunakan Pelabuhan di Pulau Pinang untuk menaiki kapal ke Mekah. Sekarang sudah diubah ke Dermaga Air Dalam di Butterworth. Apa yang hendak saya katakan di dalam Dewan ini ialah masaalah rumah atau tempat rehat jemaah-jemaah haji ini sementara mereka hendak menaiki ke kapal. Hari ini mereka ini ditempatkan di dalam gudang, seolah-olah jemaah haji ini ialah barang-barang yang hendak diangkut ke Mekah. Ini pada pandangan orang-orang yang bukan Islam akan menjatuhkan maruah orang Islam sendiri, seolah-olah jemaah haji ini pergi naik kapal itu free sahaja atau tidak kena tambang, sebab itulah mereka dilayan begitu rupa, seolah-olah mereka ini barang.

Kawasan pelabuhan itu saya lihat banyak kawasan-kawasan lapang lagi. Oleh yang demikian, saya haraplah pihak Kementerian ini dengan kerjasama Lembaga Urusan dan Tabung Haji dapat mengadakan satu tempat atau satu kawasan khas untuk jemaah haji menanti sementara mereka menaiki kapal haji. Ini sangatlah mustahak sebab kalau kita tengok pada tiap-tiap kali musim haji, jemaah-jemaah haji ini ada yang pitam dan sebagainya kerana kawasan terlalu panas kerana tidak ada tempat yang sesuai untuk mereka hendak berteduh. Itulah sahaja dan kalau boleh Kementerian memberi peluang

kepada penjaja-penjaja kecil, sebab bila ada jemaah haji ini maka banyak peniaga-peniaga kecil, terutamanya peniaga-peniaga bumiputra mengambil kesempatan berniaga di situ. Kalau boleh disediakan tempat-tempat untuk peniaga-peniaga kecil ini. Bukan kita hendak sediakan bangunan, cuma menyediakan kawasan supaya peniaga-peniaga kecil ini dapat mendirikan khemah-khemah atau gerai-gerai mereka sendiri supaya dengan itu mereka juga dapat peluang mencari makan dan berlatih berniaga.

8.49 mlm.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi pandangan atas beberapa Jabatan dalam Kementerian saya.

Yang pertama, Ahli Yang Berhormat dari Mukah ada berkata berhubung dengan Jabatan Pos di kawasannya, saya suka beritahu kepada Yang Berhormat itu saya memberi jaminan untuk memperbaiki dan memberi perkhidmatan pos yang lebih baik lagi di tempat tersebut.

Begitu juga kepada Yang Berhormat dari Hilir Perak yang mengatakan perkhidmatan pos luar bandar tidak memuaskan hati. Jadi, tujuan Kementerian saya ialah hendak memberi perkhidmatan wakil pos yang lebih dan juga pejabat-pejabat pos akan ditempatkan di mana ada mempunyai penduduk yang ramai. Saya sukacita memberitahu kepada Dewan ini bahawa di dalam Rancangan Malaysia Kedua, Jabatan Pos sudahpun menjalankan kesemua projek lebih kurang 98% yang telah dijadual di dalam Rancangan Malaysia Kedua. Dan saya percaya di dalam rancangan akan datang kita akan menambah lagi pejabat pos dan wakil-wakil pos di tempat-tempat yang menghendakinya.

Ahli Yang Berhormat dari Arau dan Ahli Yang Berhormat dari Maran telah bercakap dengan panjang lebar mengenai Keretapi Tanah Melayu. Saya sedar, Keretapi ada menghadapi beberapa masaalah, tetapi masaalah ini bukan sahaja berlaku pada hari ini, malah telah berlaku pada masa beberapa tahun dahulu. Saya merasa sukacita kerana dapat memberitahu kepada Dewan ini yang mana pada masa sekarang sepertimana Ahli Yang Berhormat dari Maran mengatakan ada satu semangat baru di dalam Pentadbiran Keretapi pada masa ini. Saya sendiri serta

pegawai-pegawai dari Kementerian saya ada juga mendapat briefing di dalam beberapa bulan sekali, umpamanya, dua bulan sekali, dan saya mendapat tahu ada beberapa rancangan bukan sahaja untuk memperbaiki landasan-landasan, membeli koc, tetapi ada juga rancangan-rancangan untuk mencari lebih banyak hasil atau lebih banyak pendapatan daripada penumpang-penumpang Railways kita.

Daripada 1hb Januari, Pentadbiran Keretapi sudahpun membuat langkah untuk mengenakan tambang baru keretapi kepada penumpang-penumpang. Jadi, First Class pada masa sekarang daripada 14.7 sen dinaikkan ke 17 sen, Second Class daripada 7.5 sen dinaikkan ke 8 sen manakala Third Class daripada 4.7 sen dinaikkan ke 5 sen. Dan juga ada lain-lain perubahan bukan sahaja menaikkan rate kepada penumpang tetapi ada juga cadangan untuk hendak menambahkan lagi parcel rate bagi menambah wang pendapatan yang lebih kepada Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu. Langkah-langkah akan diambil bagi mengurangkan masa di dalam perjalanan, memperbaiki landasan, jambatan dan lain-lain.

Seperti mana ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Keretapi di mana-mana tempat juga ada mengalami kesusahan, bukan mendapat keuntungan yang banyak, begitu juga Malayan Railways kita. Tetapi apabila kita bandingkan dengan kerugian di lain-lain negeri, kerugian kita hanya sebanyak \$10 juta atau \$12 juta tidaklah begitu banyak. Kerugian ini, seperti kita sedia maklum bukanlah di atas sebab management, ini disebabkan atas imposition management. Tindakan Kerajaan hendak memberi bonus, memberi Special Relief Allowance ataupun lain-lain menyebabkan extra cost kepada Railways Administration, yang dia tidak boleh kata tidak boleh, sebab pekerja-pekerja ialah pegawai Kerajaan, cadangan hendak menjadikan Railways sebagai Corporation seperti yang ada pada hari ini adalah di dalam kajian. Pada masa sekarang ini ada sebuah Jawatankuasa untuk mengkaji perkara ini dan kita sedang menunggu laporan itu. Kerajaan akan menimbangkan laporan itu. Tetapi walau bagaimanapun baik pun Corporation atau Government body, apa yang kita hendak ialah motivation dan memberi leadership serta kerjasama daripada semua pihak. Sekiranya perkara itu dapat dilaksanakan di

dalam mana-mana Pejabat ataupun badan kalau tidak dapat keuntungan sekalipun, kita boleh jadi "happy".

Saya merasa sukacita pada masa sekarang dengan adanya kerjasama daripada General Manager dan kakitangan semua sekali barulah ada semangat baru bukan sahaja untuk memperbaiki tetapi ada cadangan hendak membuat alat-alat dan coaches ataupun seats di tempat-tempat kita sahaja dengan tidak payah membeli daripada luar negeri. Ini adalah rancangan di dalam Railways Administration pada masa sekarang. Saya percaya dengan jalan ini pihak Railways boleh berjalan dengan baik.

Di atas perkara pondok talipon, ini adalah satu masalah yang terdapat di banyak tempat. Seperti yang kita sedia maklum banyak terjadi vandalism yang mana kadangkala apabila seseorang itu membuat panggilan talipon dan tidak dapat menghubungi operator dengan segera, maka mereka akan membuat kerosakan membuang itu dan ini yang mana hendak repair pun susah. Sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat mengetahui berkenaan dengan perkara ini diharap dapat memberitahu kepada Jabatan Talikom dan aduan seperti itu pasti akan diterima.

Bagi menjawab pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau berkenaan dengan masalah ganti rugi kepada petani-petani ini sudah pun diselesaikan. Seperti Ahli Yang Berhormat itu sendiri maklum apabila kita beri compensation kita ada take into account hal petani-petani dan tuan-tuan punya tanah. Sekiranya Ahli Yang Berhormat boleh memberitahu kepada dia, minta daripada taukeh tanah ataupun tuan punya tanah dan bolehlah diberi supaya dia dapat sedikit.

Mengenai masalah tempat di Butterworth untuk Jemaah Haji yang datang atau pergi kerana menunaikan fardhu haji, bolehlah saya berunding dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji untuk memperbaiki keadaan yang ada sekarang ini.

Itulah sahaja secara ringkas jawapan saya, dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan kepada Kementerian saya.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$1,035,400 untuk Kepala B. 56; \$6,300,110 untuk Kepala B. 57; \$5,525,600 untuk Kepala B. 58; \$4,386,200 untuk Kepala B. 59; \$6,636,100 untuk Kepala B. 60; \$57,886,400 untuk Kepala B. 61 dan \$10 untuk Kepala B. 62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$101,175,412 untuk Kepala P. 56; \$44,011,370 untuk Kepala P. 57; \$158,644 untuk Kepala P. 58; \$329,519 untuk Kepala P. 59; \$620,391 untuk Kepala P. 60; \$5,258,280 untuk Kepala P. 61 dan \$6,800,000 untuk Kepala P. 62 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Sementara, 1976.

Kepala B. 63 (Jadual)—

Kepala P. 63 (Anggaran Pembangunan Sementara, 1976)—

9.00 mlm.

Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Belanja Mengurus di bawah Kepala B. 63 berjumlah \$18,574,900 dan Belanja Pembangunan yang ditunjuk di bawah Kepala P. 63 berjumlah \$1,772,920 diluluskan.

Tuan Pengerusi, matlamat Kementerian Kebajikan Am ialah untuk memperbaiki keadaan ekonomi dan kebahagiaan sosial anggota-anggota masyarakat yang kurang bernasib baik. Dalam rangka mencapai matlamat ini perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi oleh Kementerian saya telah beransur-ansur berubah, baik dari segi konsep maupun emphasis atau ketegasannya. Sekarang Kementerian ini lebih menumpukan usaha ke arah mengembeling ahli-ahli masyarakat yang kurang bernasib baik menerusi rancangan-rancangan yang berasaskan pencegahan dan pembangunan. Kandungan asas perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi terutama sekali ditujukan untuk mengujudkan kehidupan berkeluarga yang stabil dan mewujudkan suasana supaya mereka berpeluang memperbaiki keadaan hidup mereka. Peluang-peluang akan diberi kepada mereka untuk dilatih dalam berbagai-bagai pertukangan supaya mereka dapat dilengkapi dengan kemahiran bagi mendapat pekerjaan atau memulakan satu-satu usaha bagi mata pencarian.

Dalam perkhidmatan remedial pula, usaha-usaha lain untuk memperbaiki dan memperluaskan kemudahan-kemudahan dalam yayasan Kementerian bagi menjaga, menolong dan memulih anggota-anggota masyarakat yang kurang bernasib baik itu akan diteruskan supaya seberapa ramai yang boleh akan dapat berdikari dan tidak lagi akan terus-menerus bergantung kepada Kerajaan.

Dalam perkhidmatan supportive pula Kementerian saya akan terus bekerjasama dengan lain-lain agensi Kerajaan dalam bidang kesihatan, pendidikan, perancangan keluarga dan bantuan guaman. Begitu juga perkhidmatan pemulihan penagih-penagih dadah dan lain-lain perkhidmatan akan juga diperkemaskan.

(*Dengan izin*) Dewan yang berbahagia ini saya akan menghuraikan Anggaran Belanjawan Kementerian saya mengikut lima aktiviti, iaitu Perkhidmatan Pentadbiran, Perkhidmatan Pencegahan, Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak, Perkhidmatan Pemulihan dan Perkhidmatan Pemulihan Akhlak.

PERKHIDMATAN PENTADBIRAN: Yang ditujukan iaitu mengandungi empat bahagian terbesar iaitu Pentadbiran; Pengurusan Analisa; Penyelidikan Perancangan dan Penilaian serta Latihan.

Bahagian Pengurusan Analisa yang meningkatkan kecekapan pengurusan dengan menggunakan kakitangan yang sangat kecil dan akan meneruskan rancangan ini bagi mengkaji sistem kerja/organisasi dan mengambil tindakan seterusnya untuk mencapai kecekapan yang lebih tinggi dan ekonomi dalam pentadbiran perkhidmatan-perkhidmatan. Dalam tahun 1976 bahagian ini akan menjalankan kajian-kajian organisasi dan pentadbiran perkhidmatan kebajikan di Negeri Sembilan dan Pahang, dan juga pentadbiran Rumah-rumah Kanak-kanak di Serendah dan di Melaka.

Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Penilaian akan meneruskan rancangan penyelidikan dan juga penilaian rancangan-rancangan yang kini sedang dijalankan. Kajian-kajian akan dibuat terhadap masalah perceraian di kalangan keluarga-keluarga Muslim, masalah penyalahgunaan dadah serta kajian di atas beberapa kawasan yang terpilih di mana ramai bilangan penduduk yang berhijrah ke situ

supaya masalah-masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat di tempat-tempat tersebut itu dapat difahamkan dan dimengertikan.

Bahagian Latihan akan terus menumpukan perhatiannya untuk memberi latihan kemahiran iktisas kepada kakitangan bagi memenuhi keperluan-keperluan Jabatan yang kian bertambah. Pegawai-pegawai kanan akan dihantar ke seberang laut untuk mengikuti latihan lanjutan dalam bidang-bidang khas dan juga lawatan sambil belajar untuk mengkaji perkembangan yang baharu dalam berbagai bidang kebajikan masyarakat yang tertentu. Bahagian ini akan juga mengadakan kursus-kursus asas dalam rancangan latihan-latihan berkhidmat bagi kakitangan-kakitangan serta pekerja-pekerja sosial sukarela. Semuanya 33 kursus latihan berkhidmat telah dirancang bagi tahun 1976.

Perkhidmatan Pentadbiran ini memerlukan satu peruntukan sebanyak \$1,521,710 untuk Belanja Mengurus dan \$500 untuk Belanja Pembangunan.

PERKHIDMATAN PENCEGAHAN: Perkhidmatan Pencegahan iaitu satu perkhidmatan yang akan meneruskan perkhidmatannya yang baru diorientasikan iaitu:

- (a) untuk memperluaskan aktiviti yang berorientasikan pembangunan dan memberi kerjasama kepada lain-lain Kementerian dan agensi-agensi swasta dalam bidang kebajikan masyarakat supaya orang-orang cacat dapat berdikari dan menjadi anggota masyarakat yang produktif;
- (b) untuk memperkemas dan memperbaiki kerja-kerja kes dan penasihat pegawai-pegawai luar; dan
- (c) untuk memperbaiki dan memperluaskan rancangan-rancangan bantuan khas.

Untuk melaksanakan perkhidmatan ini, peruntukan adalah diminta untuk:

- (i) memulakan perkhidmatan-perkhidmatan baru iaitu bagi pemulihan penagih-penagih dadah, perkhidmatan kebajikan sekolah untuk mendorong ibubapa supaya meneruskan persekolahan anak-anak mereka dan untuk mengatasi rintangan-rintangan yang mungkin melambatkan proses pelajaran anak-anak;

seterusnya perkhidmatan "supportive" kepada Biro Bantuan Guaman dalam melaksanakan fungsi-fungsinya;

- (ii) memperkemas dan memperluaskan Perkhidmatan Kesejahteraan Keluarga yang telah dimulakan dalam tahun 1974;
- (iii) memperluaskan Rancangan Bantuan kepada Orang-orang Tua yang Berkeperluan bagi meliputi seramai 900 orang-orang tua dalam tahun 1976 berbanding dengan 800 dalam tahun 1975;
- (iv) memperluaskan Rancangan Bantuan kepada Kanak-kanak yang berkeperluan bagi seramai 3,350 Kanak-kanak dalam tahun 1976 berbanding dengan 2,667 dalam tahun 1975 supaya dapat diteguhkan lagi kedudukan keluarga pada keseluruhannya dan keluarga-keluarga di luar bandar khususnya;
- (v) memperluaskan lagi Sekim Elaun kepada Orang-orang Cacat untuk seramai 500 orang cacat dalam tahun 1976 berbanding dengan 300 dalam tahun 1975;
- (vi) bantuan pelancaran bagi seramai 500 orang cacat berbanding dengan 300 dalam tahun 1975 untuk menolong mereka berdikari;
- (vii) peruntukan bagi pembelian anggota palsu bagi kegunaan 167 orang cacat dalam tahun 1976 berbanding dengan 124 dalam tahun 1975.

Bahagian ini akan terus mengadakan bantuan teknikal dan kewangan kepada pertubuhan-pertubuhan sukarela yang menjalankan perkhidmatan dalam bidang yang sama.

Perkhidmatan Pencegahan memerlukan peruntukan sebanyak \$3,741,800 untuk belanja mengurus.

PERKHIDMATAN KELUARGA DAN KANAK-KANAK: Berkenaan dengan Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak pula ia-itu satu perkhidmatan yang memberi jagaan dalam yayasan-yayasan kepada kanak-kanak, orang-orang tua dan pesakit-pesakit melarat yang memerlukan jagaan.

Dalam tahun 1976 tujuh buah Rumah Kanak-kanak boleh menampung seramai 725 orang kanak-kanak dan bilangan sebenar mendudukinya dalam tahun 1975 ialah 580. Bilangan ini dijangka bertambah menjadi 600 orang dalam tahun 1976. Mutu jagaan, pendidikan dan latihan vokesyenal akan terus diperkemaskan dan diperbaiki. Perhatian istimewa akan diberi kepada pendidikan kanak-kanak supaya mencapai hasil yang lebih baik lagi daripada yang telah diperuntukkan dalam bidang pendidikan ini. Kursus-kursus latihan vokesyenal juga untuk golongan budak lelaki dan perempuan akan diperluas dan dipermodenkan bagi memastikan mereka boleh mendapat pekerjaan yang berpendapatan baik apabila mereka teiah keluar daripada yayasan-yayasan ini kelak.

Jumlah penghuni yang boleh menduduki lapan buah Rumah Orang Tua ialah 2,315 orang. Bilangan yang sebenar yang ada pada masa ini iaitu tahun 1975 ialah seramai 2,315. Bilangan ini dijangka tidak berubah dalam tahun 1976. Perhatian khas akan terus diberikan kepada keperluan-keperluan orang-orang tua ini dan diadakan juga berbagai-bagai keperluan yang lain supaya penghuni-penghuni berpeluang menyertainya dan dapat hidup dengan cergas di dalam seberapa banyak bidang yang mungkin.

Jumlah maksima penghuni di tiga buah Rumah Pesakit-pesakit Melarat ialah seramai 960 orang, akan tetapi bilangan sebenar yang mendudukinya dalam tahun 1975 ini ialah 650. Bilangan ini dijangka akan bertambah menjadi 960 dalam tahun 1976. Sebahagian daripada ketiga-tiga buah Rumah ini dijadikan sebagai Pusat-pusat Pemulihan Penagih-penagih Dadah dan perkhidmatan ini akan terus dijalankan ke tahun 1976.

Aktiviti ini juga memberikan bantuan kewangan dan teknikal kepada 28 buah pertubuhan-pertubuhan sukarela yang mengendalikan kerja-kerja yang serupa dengan Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak.

Sebuah Rumah Orang-orang Tua yang baru akan di bina di Sibul, Sarawak. Oleh itu suatu peruntukan sebanyak \$400,000 adalah dikehendaki untuk memulai kerja-kerja pembinaan dalam tahun 1976.

Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak memerlukan suatu peruntukan sebanyak \$7,526,620 bagi belanja mengurus dan \$400,010 bagi belanja pembangunan.

PERKHIDMATAN PEMULIHAN: Perkhidmatan Pemulihan ialah satu-satu perkhidmatan yang mengendalikan Rumah-rumah bagi Orang-orang Cacat Akal, Pusat Pemulihan bagi Orang-orang Cacat Anggota dan juga Bengkel-bengkel Perlindungan untuk memberikan pekerjaan kepada mereka yang tidak dapat bertanding dengan orang-orang yang tidak cacat dalam memperolehi pekerjaan di luar.

Rumah Kanak-kanak Jubili, Johor Bahru telah di khaskan bagi jagaan kanak-kanak cacat akal. Rancangan latihan untuk memberi kebolehan dalam cara-cara hidup sehari-hari dan pendidikan sosial akan dijalankan dalam tahun 1976 oleh sekumpulan kakitangan yang telah dilatih khas untuk maksud ini. Kadar penghuninya dijangka tidak berubah iaitu 155 orang seperti dalam tahun 1975. Rumah bagi Kanak-kanak Cacat Akal dan Anggota yang kedua yang telah disiapkan baru-baru ini akan mula berjalan dengan sepenuhnya dalam tahun 1976.

Pusat Pemulihan bagi Orang-orang Cacat Anggota di Cheras akan terus memberikan latihan vokesyenal kepada mereka yang boleh mendapat faedah daripada latihan tersebut. Pusat ini boleh menampung seramai 120 orang pelatih dan kadar penghuninya dijangka adalah seramai itu juga dalam tahun 1976.

Sebuah Bengkel Perlindungan akan dibina di Kelang untuk memberikan pekerjaan kepada mereka yang tidak boleh mendapat pekerjaan di luar. Suatu peruntukan sebanyak \$400,000 adalah dipohon bagi kerja-kerja pembinaannya yang akan dijalankan dalam tahun 1976. Suatu peruntukan sebanyak \$140,000 juga diperlukan untuk membayar kerja-kerja kontrak di Pusat bagi Kanak-kanak Cacat Akal dan Anggota.

Selain dari itu, aktiviti ini juga memberikan bantuan kewangan dan tenikal kepada 12 buah pertubuhan sukarela yang berkecimpung dalam kerja-kerja pemulihan orang-orang cacat.

Aktiviti ini berkehendakkan suatu peruntukan sebanyak \$1,617,700 bagi belanja mengurus dan sebanyak \$540,000 bagi belanja pembangunan.

PERKHIDMATAN PEMULIHAN AKHLAK: Berkenaan dengan Perkhidmatan Pemulihan Akhlak, sukalah saya menerangkan iaitu perkhidmatan ini adalah bertanggungjawab atas Sekolah Akhlak, Rumah Tahanan Sementara/Asrama Akhlak, Rumah Perlindungan Wanita dan Gadis, dan Pusat Pemulihan Pengemis dan Kutu-rayau. Bagi tahun 1976, perkhidmatan ini akan menyelenggarakan sejumlah 19 buah yayasan dengan mula berjalannya sebuah lagi Rumah Perlindungan Wanita dan Gadis di Rembau dalam tahun ini.

Dalam tahun 1976, Sekolah Akhlak bagi pemulihan akhlak budak-budak nakal dan sebanyak tujuh buah dan mempunyai tempat maksima untuk 752 murid-murid. Namun demikian, kadar penghuninya bagi semua Sekolah Akhlak itu dianggarkan seramai 658 orang berbanding dengan 620 orang dalam tahun 1975.

Rumah-rumah Tahanan Sementara/Asrama-asrama Akhlak untuk budak-budak yang ditahan sementara menunggu penyelesaian kes-kes mereka, dan bagi pendidikan budak-budak yang diletak dalam percubaan akan mempunyai kadar penghuni seramai 203 orang seperti dalam tahun 1975.

Dalam tahun 1975, ada hanya dua buah Rumah Perlindungan Wanita dan Gadis yang menampung seramai 130 orang. Sebuah Rumah yang baru yang sedang dibina di Rembau pada masa ini dijangka akan berjalan dengan sepenuhnya pada pertengahan tahun 1976. Kadar penghuni bagi yayasan ini telah dihitungkan sebanyak 250 orang dalam tahun 1976.

Pusat Pemulihan Pengemis dan Kutu-rayau di Mersing mempunyai tempat maksima bagi 420 orang penghuni akan tetapi telah dihitungkan sebanyak 390 orang sahaja yang ada dalam rumah itu pada masa ini.

Di semua yayasan-yayasan ini, perhatian khas adalah diberi untuk memperkemaskan dan memperbaiki lagi segala rancangan-rancangan latihan, khususnya latihan vokesyenal dan kerja penasihatannya memandangkan bahawa ini sangat penting dalam proses pemulihan.

Aktiviti ini juga memberikan bantuan kewangan dan teknikal kepada dua buah pertubuhan sukarela yang juga menjalankan perkhidmatan pemulihan budak-budak dan wanita dan gadis yang terdedah kepada bahaya moral.

Pembinaan sebuah Sekolah Akhlak yang baru di Taiping dan juga sebuah Rumah Perlindungan Wanita dan Gadis yang baru di Batu Gajah, Perak dijangka akan bermula dalam tahun 1976. Oleh itu, suatu peruntukan sebanyak \$800,000 adalah dikehendaki bagi maksud ini. Suatu peruntukan sebanyak \$32,400 juga diperlukan untuk membayar kerja-kerja kontrak di Rumah Perlindungan Wanita dan Gadis di Rembau yang mana dijangka akan siap pada tahun hadapan.

Perkhidmatan Pemulihan Akhlak berkehendakkan peruntukan sebanyak \$4,167,070 bagi Belanja Mengurus dan sebanyak \$832,410 bagi Belanja Pembangunan.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

9.15 mlm.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, saya dengan sepenuh hati menyokong anggaran yang diperuntukkan kepada Kementerian Kebajikan Am yang berjumlah sebanyak \$20,347,820 di bawah Kepala Bekalan 63.

Tuan Pengerusi, Kementerian ini adalah satu Kementerian yang hanya membuat kebaikan, menolong dan membantu segala fakir-miskin, orang-orang tua, anak-anak cacat, kemalangan kebakaran dan juga apabila terjadinya banjir.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri pun seorang wanita dan perkara-perkara serupa ini sengaja diberi kepada wanita sebab wanita bersikap lembut, pengasih, kesihatan-belas dan yang selalu bertimbang rasa.

Kepala Bekalan 63 di bawah Aktiviti (1) hingga (5). Saya sesungguhnya berasa bangga dan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am di atas galakan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri kepada aktiviti Central Welfare Council yang telah lebih dipergiatkan di tahun-tahun yang lampau, terutama ke arah menjaga lebih 80 buah Rumah Orang-orang

Tua dan juga 40 buah hostel yang kecil untuk murid-murid miskin di luar bandar. Saya diberitahu bahawa satu kajian sedang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri untuk mengadakan mini hostel untuk wanita-wanita dari luar bandar yang bekerja di kilang-kilang dan di pekan-pekan terutama di waktu mereka mengalami cara hidup baru di bandar-bandar.

Tuan Pengerusi, saya juga diberitahu bahawa Yang Berhormat Menteri telahpun mencadangkan kepada Central Welfare Council untuk mencari jalan mengadakan rumah-rumah untuk keluarga pengemis yang telah ditahan di bawah pindaan Undang-undang Akta Vagrant dan fungsi-fungsi yang dibuat oleh Council ini adalah sejajar dengan dasar Kerajaan untuk melindungi dan menjaga orang-orang tua yang tidak ada kebolehan untuk mencari nafkah mereka sendiri dan untuk menuju kepada pembangunan negara. Di samping itu memberi peluang kepada peringkat-peringkat muda bagi mengambil bahagian menggantikan peringkat-peringkat tua untuk membangunkan negara ini. Dengan penerangan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi saya sesungguhnya mengucapkan terima kasih dan dengan ini saya sekali lagi menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian ini.

9.18 mlm.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana telah memberi peluang kepada saya. Dalam membahaskan peruntukan yang dibentangkan oleh Kementerian Kebajikan Am saya juga menyokong dan berpendapat patutlah Kementerian yang berkenaan mendapat peruntukan yang agak lebih sedikit daripada apa yang telah ada.

Tuan Pengerusi, bercakap mengenai muka surat 419, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am, nampaknya pegawai-pegawai yang ada dalam Jabatan Kebajikan Am amatlah berkurangan khasnya di negeri Perlis sendiri. Kadang-kadang bila kita dapati beberapa kes yang kita berpendapat patut mendapat bantuan maka terpaksa kes-kes yang berkenaan hendaklah diperiksa dahulu oleh pegawai-pegawai yang berkenaan. Tetapi sebagaimana saya katakan tadi pegawai-pegawainya tidak begitu cukup dan perkara ini telah juga diakui sendiri oleh

Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Yang sedihnya, wanita sebagaimana dikatakan oleh wakil dari Sungai Petani tadi, sifatnya lemah-lembut dan mereka juga sebagai ibu yang melahirkan kita semua. Sebagai seorang ibu, kadang-kadang sebelum atau selepas mereka melahirkan anak, maka mereka terpaksa mengambil cuti dahulu, kalau tidak kerjanya tidak boleh dibuat. Ini juga satu problem yang selalu berlaku. Saya selalu bertanya kepada pegawai-pegawai yang berkenaan khasnya pengarahnya sendiri sebagai Ketua Pejabat, beliau berkata: Apa hendak buat, Yang Berhormat. Seorang dua pegawai wanita yang ada itu pun telah bersalin. Jadi, bila sudah bersalin kena diberi cuti dan tidak boleh datang bekerja. Kita pun tahu lumrah alam seperti itu, iaitu selepas bersalin kena pula bercuti. Dengan sebab itu, maka saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan patutlah ditambah lagi pegawai-pegawai dan kalau boleh peruntukannya juga patutlah ditambah sebab negeri Perlis serba kekurangan. Jadi, dalam Jabatan Kebajikan Masyarakat di Perlis khususnya selalu kekurangan kewangan. Jadi, kalaulah hendak diminta wang peruntukan daripada Negeri, pihak Negeri mengatakan tidak ada wang. Ini menimbulkan problem yang besar kepada orang-orang yang mengalami kesusahan sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani tadi. Saya berharap juga kepada Kementerian berkenaan supaya memberi keistimewaan peruntukan kepada negeri Perlis.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, saya berpendapat patutlah kita ubah cara pemberian bantuan itu. Sekarang kita memberikan bantuan dalam beberapa perkara kepada orang-orang yang susah dan sebagainya seperti bantuan tergepar kerana banjir, malapetaka, rumah terbakar dan lain-lain. Saya berpendapat patut kita ubah sistem yang ada sekarang, yakni kadang-kadang kita beri bantuan kepada mangsa banjir yang biasanya berlaku banjir itu dalam tempoh satu jam, kadang-kadang kita beri bantuan sehingga 5 gantang beras, berdasarkan kepada siasatan pegawai berkenaan. Saya tidaklah menyalahkan Menteri berkenaan, barangkali berdasarkan penyiasatan yang begitu, maka bantuan tersebut diberikan. Begitu juga mengenai bantuan kepada mangsa-mangsa rumah runtuh disebabkan sesuatu malapetaka, maka berdasarkan kerugian yang tidak lebih daripada \$400

bantuan telah diberikan sebanyak \$300-\$400. Tetapi kadang-kadang seolah-olah dengan sebab malapetaka itu ada orang-orang yang mendapat keuntungan. Berkenaan dengan mangsa-mangsa banjir pula, kadang-kadang memang menyebabkan malapetaka yang besar, tetapi kadang-kadang ada orang-orang di keliling kawasan itu walaupun tidak terlibat dengan malapetaka itu turut mendapat bantuan, dan perkara ini memang kerap kali berlaku. Apa yang menyedihkan apabila berlaku kebakaran, biasanya mangsa-mangsa kebakaran itu menanggung kerugian sehingga \$6,000 tetapi bantuan hanya diberi sebanyak \$400 sahaja. Saya tidak tahu bagaimana asas penilaian bantuan itu. Pegawai berkenaan mengatakan, apa hendak buat sebab inilah peraturannya. Jadi, saya berpendapat peraturan seperti ini patut dipinda. Orang yang lebih menanggung kerugian patutlah diberi bantuan yang lebih, mana yang sedikit kerugiannya sedikitlah diberi bantuan.

Perkara yang ketiga, berkenaan dengan pemulihan akhlak penagih dadah. Kita sama-sama tahu bahawa di zaman sekarang ini di mana akhlak perlu diperbaiki dengan bertambahnya masalah penagih dadah yang bermaharajalela mengikut keadaan di tempat masing-masing, dan kita dapat tengok mata mereka layu dan sebagainya. Walaupun kita telah buat berbagai peraturan, namun penagih dadah tetap bermaharajalela dan banyak pemuda yang terlibat. Perkara ini amat menyedihkan. Jadi kita berharap kepada Kementerian ini supaya mengambil daya-usaha yang sungguh-sungguh, seboleh-bolehnya bagi mengadakan pusat pemulihan bagi penagih dadah di tiap-tiap negeri samada kecil atau besar untuk menghapuskan penagih dadah itu. Kita tahu penyakit tersebut amat merbahayakan negara kita. Dan kita berharap dengan daya usaha Kementerian berkenaan akan dapat mengadakan pusat-pusat pemulihan samada kecil atau besar, sesuai mengikut keadaan tempat yang berkenaan.

9.24 mlm.

Tuan Ah How Cheong (Telok Anson): Saya mohon bercakap dalam bahasa Inggeris di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Kepala B. 63, Pecahan-kepala 1100 Aktiviti (2) Perkhidmatan Pencegahan. Tuan Pengerusi, tajuk ini adalah diterangkan dengan

lebih jelas dalam Buku Anggaran Belanjaan 1976 di muka 642-651. Suka saya bercakap sedikit di atas perkara 11 di muka 647 mengenai Bantuan kepada Belia-belia di dalam Penempatan Latihan.

(*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, the Social Welfare Department has introduced this scheme to give financial assistance to the less educated youths to enable them to learn a skill. I know of many organisations or craftsmen in the private sector who support this scheme and are prepared to give on-the-job-training to our youths, particularly the Bumiputras, to learn to become carpenters, welders or machinists. These master craftsmen, factories or foundries are prepared to teach the youths the skill of their trade. However, there is always an obstacle which holds them back, which prevents these factories or foundries or craftsmen from offering their assistance, and that obstacle is insurance. A person under training is not an employee. So the relationship is not employer-employee and the trainer cannot take up workmen's compensation for the trainee. The trainer can only take up personal accident insurance, but personal accident insurance does not cover common law liabilities. Those who understand what common law liabilities are would be reluctant to open themselves up to such very high risks. Briefly common law liabilities include negligence. If a trainee sustains injury because a machine is not properly guarded, then the trainee can sue the trainer for compensation under the common law. The compensation awarded under such a circumstance can be very high. I therefore, call upon the Honourable Minister to consider this proposal that instead of giving the aid in cash, a portion of it should be set aside to pay for insurance coverage so that the trainers are protected so that they would offer their assistance with ease of mind. I think if this can be done this would in turn encourage more people to open their doors to receive youths for training.

9.28 mlm.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Pengerusi, saya menyokong sepenuhnya peruntukan kepada Kementerian Kebajikan Am sebanyak \$20,347,850 bagi perbelanjaan tahun 1976 dan mengucapkan tahniah di atas kerja usaha Kementerian ini yang sangat cemerlang walaupun perbelanjaannya sangat sedikit

tetapi kerja-kerja telah ditambah pula dengan pencegahan dadah sekarang ini. Kementerian ini patut peruntukannya ditambah lagi sebagaimana kerja yang dilipatgandakan itu.

Tuan Pengerusi, menyentuh Kepala B. 63 Pecahan-kepala 1100 Aktiviti (1) Pentadbiran Am. Rakan saya daripada Kangar tadi ada menyatakan pegawai tidak mencukupi. Saya juga menyentuh mengenai pegawai yang memang betul tidak mencukupi kerana mengikut pengetahuan saya di negeri Perak di Tapah, Batang Padang iaitu kawasan saya pegawai diambil daripada Kinta. Kalaulah pegawai kebajikan itu diambilalih oleh pegawai yang jauh datangnyanya, satu pegawai menjaga dua daerah tentulah kerjanya yang sangat diperlukan tak berapa beres, tambahan pada masa hadapan kita menghadapi berbagai masalah masyarakat, masalah sosial, maka pegawai-pegawai dikehendaki sangat supaya lebih ramai bilangannya. Selain daripada itu pegawai-pegawai tersebut mestilah diberi latihan yang cukup dan mempunyai pengetahuan psikologi. Kita tidak mahu pegawai-pegawai itu bertugas dengan cara keras dan kasar. Kita berkehendakkan supaya mereka ada mempunyai pengetahuan yang sewajarnya sesuai dengan social contact yang baik. Jadi pegawai-pegawai itu dikehendaki juga terdiri daripada pegawai-pegawai wanita kerana tugas Kementerian Kebajikan Am ini kerjanya menyambungkan antara lelaki dan perempuan, tetapi masalah yang ada kebanyakannya berhubung dengan wanita. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain ada menyatakan berkenaan dengan pemulihan penagih dadah, maka wanita-wanita kita adalah satu penyakit yang merosakkan negara dan memalukan negara kita. Pada masa ini dengan adanya kilang-kilang yang bertaburan di segenap pelusuk negara kita maka wanita-wanita banyak yang bekerja di kilang-kilang tersebut. Jadi sebelum kita hendak mengubati atau mencegah serta melarang wanita-wanita melakukan merosakkan akhlak, lebih baik kita cegah lebih awal supaya perbelanjaan tidak begitu banyak dikeluarkan oleh Kementerian ini. Kita semua mengetahui wanita-wanita yang bekerja di kilang-kilang tersebut, maka dimintalah Kementerian ini bekerjasama dengan pengusaha-pengusaha atau pengilang-pengilang berkenaan untuk memberikan suatu kursus ugama, taklimat dan sebagainya yang diadakan sekurang-kurangnya seminggu sekali atau sebulan sekali memberi penerangan ber-

kenaan dengan akhlak, berkenaan dengan keugamaan dan sebagainya kerana ini adalah menolong kepada negara, pengilang-pengilang atau orang-orang yang hendak berusaha hendak mencari kewangan yang lebih dalam negara ini tolonglah mendermakan sedikit kewangan ataupun masanya sedikit kepada pekerja-pekerja mereka kerana ini adalah untuk kepentingan negara. Kalau hendak harap wang daripada Kementerian Kebajikan Am ini tentulah tidak cukup tetapi Kementerian ini boleh mengadakan satu inisiatif iaitu memberitahu kepada kilang-kilang industri mengadakan tempat-tempat atau kuliah-kuliah dan taklimat-taklimat berkenaan dengan ugama dan akhlak.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi berkenaan dengan Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (4) Perkhidmatan Pemulihan mengenai alat palsu yang dibiayai oleh Kementerian ini. Kebanyakan alat-alat palsu seperti tangan, kaki dan sebagainya cuma Pejabat Kebajikan Am boleh memberi dengan percuma kepada mereka yang tidak berupaya membeli alat-alat palsu ini tetapi sangatlah sedikit pemberian itu dan patutlah dibanyakkan lagi atau peruntukan ini diberi lebih lagi.

Tuan Pengerusi, dalam Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (5) Perkhidmatan Pemulihan Akhlak. Di sini saya dapati walaupun Pejabat Kebajikan Masyarakat ini telah berusaha nampaknya adalah kurang pengemis-pengemis di tanahair kita ini, tetapi masih ada lagi yang pengemis-pengemis ini adalah memalukan daripada pandangan pelancung-pelancung dari luar negeri dan pengemis-pengemis ini pula tidak ada siapa yang mengambil peduli akan halnya. Kalau yang sedikit-sedikit ini perhatian diambil oleh Kementerian ini rasa saya kita bersih daripada nama yang tidak baik dalam hal ehwal pengemis ini. Saya harap Kementerian yang berkenaan mengambil perhatian dalam hal ini.

Akhirnya, saya menyokong penuh peruntukan ini dan mengucapkan tahniah di atas usaha kerja oleh Kementerian ini pada tahun yang lalu.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am menjawab.

9.34 mlm.

Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya

ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudahpun memberikan pandangan-pandangan ketika membahaskan peruntukan bagi Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani telah memberikan pandangan yang sangat baik di atas adanya tugas-tugas yang dijalankan oleh Kementerian saya dan di atas kata-kata yang boleh memberi perangsang kepada pegawai-pegawai saya dan kakitangan Kementerian saya ini, saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada beliau. Tentang adanya galakan yang diberi kepada Central Welfare Council, iaitu supaya Central Welfare Council dapat mengadakan asrama-asrama ini memanglah telah berjalan hanya asrama-asrama untuk wanita seperti yang disebutkan itu tentulah ini akan memakan masa dan juga akan memerlukan wang. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian saya memanglah sentiasa berhubung rapat dengan mana juga pertubuhan-pertubuhan sukarela yang boleh menjalankan Perkhidmatan seumpama ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar ada menimbulkan tiga masalah, iaitu berkenaan dengan cara bantuan kepada mereka yang menerima malapetaka dan kata beliau cara ini patutlah diubah. Selepas itu berkenaan dengan Pusat Pemulihan Dadah di tiap-tiap negeri dan begitu juga beliau menimbulkan masalah kekurangan kakitangan ataupun pegawai kebajikan di Negeri Perlis khususnya.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan perkara ini secara ringkasnya saya sukaiah hendak memberikan jawapan. Sistem bantuan yang diberikan kepada mangsa-mangsa yang menerima malapetaka samada kebakaran ataupun banjir adalah mengikut kerugian yang dialami oleh keluarga itu berasaskan kepada bilangan orang-orang dalam sesuatu keluarga. Ini tidaklah pula bermakna, misalnya, kalau berlaku sesuatu kebakaran rumah itu mengalami kerugian yang ditaksirkan berharga \$10,000 kita tidak membayar dengan harga \$10,000 tetapi bantuan yang diberi itu ialah untuk melegakan sedikit penanggungan orang-orang yang sudah mendapat malapetaka. Beliau juga menimbulkan ada yang barangkali tidak dapat bantuan banyak, ini memang biasa berlaku kerana di mana juga ada kejadian yang semacam ini memang

adalah mereka yang mengambil peluang seperti padi tidak kena banjir, ayam-itek tidak hanyut pun tetapi dalam lapuran tetap ada orang-orang yang begini. Ini tidaklah dapat hendak dipertanggungjawabkan kepada kakitangan dan perkara ini tidaklah dapat dielakkan kerana selagi manusia bernama manusia memang adalah orang-orang yang daripada golongan begitu.

Untuk mengadakan Pusat Pemulihan Dadah di tiap-tiap negeri pada masa ini rasa saya Kementerian ini belum ada kesanggupan lagi kerana masalah pemulihan dadah ini baru sahaja dimulakan dan pihak kita telahpun menjalankan satu crash programme mengadakan 3 Pusat Pemulihan Dadah pada masa ini, iaitu di Kuala Kubu, Bukit Mertajam dan satu lagi di Johor Bahru. Walau bagaimanapun, saya sukaiah memberitahu Ahli Yang Berhormat itu bahawa pusat-pusat pemulihan ini masih banyak lagi tempat-tempat yang kosong.

Berkenaan dengan masalah kekurangan pegawai dan kakitangan ini memanglah sangat dirasakan dan ini adalah menunjukkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya ialah sebuah Kementerian yang kakitangannya memang banyak mengorbankan masa dan tenaga untuk menjalankan tugas mereka. Walaupun tanggungjawab telah bertambah tetapi dengan adanya kekurangan kakitangan ini bermaknalah kakitangan ataupun pegawai-pegawai yang ada terpaksa membuat kerja berlebihan daripada yang mereka patut buat.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson minta Kementerian saya supaya memberikan peruntukan bagi memberi latihan sambil bekerja dan mengadakan insuran bagi murid-murid yang menerima latihan. Berkenaan dengan perkara ini saya sukaiah menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa pemuda-pemuda dari yayasan Kementerian telahpun ditempatkan di industri-industri dan kilang, misalnya, Syarikat Bas Sri Jaya ada ditempatkan di situ untuk menerima latihan dengan bantuan diberi untuk membayar tambang mereka pergi kerja. Mengenai insuran pula ini adalah satu cadangan yang baik dan akan ditimbangkan sekiranya difikirkan menasabah dan berpatutan Kementerian saya tidaklah keberatan untuk menjalankannya.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang telah menimbulkan masalah supaya Kementerian saya bekerjasama dengan pihak pengusaha untuk mengadakan syarahan-syarahan bagi wanita-wanita dan begitu juga berkenaan dengan alat palsu dan masalah pengemis. Kepada Ahli Yang Berhormat itu saya suka menyatakan pihak Kementerian saya seperti yang saya sebutkan tadi memberikan galakan kepada pertumbuhan sukarela supaya mereka ini mengambil bahagian mengadakan syarahan-syarahan kepada wanita-wanita kita dan ini telahpun ada dijalankan.

Berkenaan dengan alat palsu Ahli Yang Berhormat itu ada menyebutkan bilangannya patut ditambah. Pihak Kementerian saya kalau ada kes-kes yang orang sangat memerlukan kaki palsu iaitu mereka yang tidak mampu membeli kaki palsu ini kita akan memberi bantuan. Walau bagaimanapun, kadangkala kelewatan dalam mendapatkan kaki palsu ini adalah disebabkan kaki palsu ini bukanlah dibuat di Kementerian saya tetapi dibuat di tempat lain. Maka itulah sebabnya barangkali kalau ada sedikit-sebanyak kelewatan-kelewatan yang timbul bagi mereka yang patut menerima kaki palsu ini.

Berkenaan dengan pengemis pula saya suka menyatakan bahawa tidak lama lagi Kementerian saya akan mengadakan Undang-undang, iaitu semua pengemis akan ditangkap sekiranya mereka didapati perlu dimasukkan ke yayasan-yayasan, mereka akan dimasukkan ke yayasan-yayasan. Jadi, tidaklah seperti yang ada pada masa ini kalau mereka mengemis tidak ada mendatangkan apa-apa gangguan, maka mereka dibenarkan mengemis, tetapi dalam Undang-undang yang dicadangkan akan dibuat ini iaitu pengemis-pengemis, siapa sahaja mengemis akan ditangkap dan sekiranya orang ini didapati tidak patut mengemis tetapi dia mengemis juga maka orang ini bolehlah dibawa dan dibicarakan di mahkamah. Mereka yang kita fikirkan dia mengemis kerana susah akan dibawa ke Pusat Pemulihan Pengemis. Pada masa ini-pun Kementerian saya masih lagi menjalan-

kan penyiasatan cara mana masalah pengemis ini dari masa ke masa dapat kita kurangkan, walaupun kita tidak dapat menghapuskan semua sekali.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan setakat itulah sahaja penjelasan daripada saya.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$18,574,900 untuk Kepala B. 63 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$1,772,920 untuk Kepala P. 63 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Sementara, 1976.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

USUL

PENANGGUHAN

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun ketetapan yang diluluskan oleh Dewan pada awal persidangan hari ini mengenai waktu persidangan, mengikut Peraturan 12 (1) Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, persidangan hari ini ditangguhkan sekarang.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun ketetapan yang diluluskan oleh Dewan pada awal persidangan hari ini mengenai waktu persidangan, mengikut Peraturan 12 (1) Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, persidangan hari ini ditangguhkan sekarang.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 11hb Disember, 1975.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.45 malam.